

**PELESTARIAN PANTUN DALAM KALANGAN
KOMUNITI FAKULTI TEKNOLOGI KREATIF DAN
WARISAN MELALUI MEDIA SOSIAL *TIKTOK***

**CHE NURUL AMIRAH BINTI CHE DAUD
C21A2256**

UNIVERSITI

MALAYSIA
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

KELANTAN

2025

**Pelestarian Pantun Dalam Kalangan Komuniti Fakulti
Teknologi Kreatif Dan Warisan Melalui Media Sosial *TikTok*,
Universiti Malaysia Kelantan**

**Che Nurul Amirah binti Che Daud
C21A2256**

**Tesis yang dikemukakan untuk memenuhi sebahagian
daripada syarat memperolehi ijazah Sarjana muda
Pengajian Warisan dengan kepujian**

**Fakulti Teknologi Kreatif Dan Warisan, Universiti
Malaysia Kelantan**

2025

PENGESAHAN TESIS

Saya dengan ini mengesahkan bahawa kerja yang terkandung dalam tesis ini adalah hasil penyelidikan yang asli dan tidak pernah dikemukakan untuk ijazah tinggi kepada mana-mana universiti atau institusi.

TERBUKA	Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskhah keras atau akses terbuka dalam talian (teks penuh)
SEKATAN	Saya bersetuju bahawa tesis ini boleh didapati sebagai naskhah keras atau dalam teks (teks penuh) bagi tempoh yang diluluskan oleh Jawatankuasa Pengajian Siswazah Dari tarikh.....sehingga.....
SULIT	(Mengandungi maklumat sulit di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972)
TERHAD	(Mengandungi maklumat terhad yang ditetapkan oleh organisasi di mana penyelidikan dijalankan)

Saya mengakui bahawa Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak berikut. Tesis adalah milik Universiti Malaysia Kelantan. Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak untuk membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian.

AMIRAH

Tandatangan Penyelia

Che Nurul Amirah Binti Che Daud
C21A2256

Dr. NordianaBintiAbJabar

Tarikh: / / 2025

Tarikh: / / 2025

PENGHARGAAN

“Dengan nama Allah yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang”

Alhamdulillah segala puji dan syukur saya panjatkan ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin-Nya saya berjaya menyelesaikan projek penyelidikan akhir ini. Sepanjang proses ini pelbagai cabaran dan dugaan telah saya lalui namun dengan sokongan serta dorongan daripada insan-insan tersayang akhirnya penyelidikan ini dapat disempurnakan dengan baik.

Dengan penuh rasa hormat dan penghargaan saya ingin merakamkan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada Dr. Nordiana Binti Ab Jabar selaku pensyarah dan penyelia projek ini. Bimbingan, nasihat serta tunjuk ajar beliau sepanjang tempoh penyelidikan amatlah bermakna bagi saya. Kesabaran dan kesungguhan beliau dalam membantu serta memberikan panduan sangat saya hargai dan saya berdoa agar segala jasa baik beliau dibalas dengan kebaikan yang berlipat ganda oleh Allah SWT.

Seterusnya, penghargaan istimewa buat ibu saya Nasiriza Binti Md Nasir serta ayah saya Che Daud Bin Che Amat yang tidak pernah berhenti memberikan sokongan moral, doa serta semangat sepanjang perjalanan akademik saya. Tidak dilupakan juga buat suami tercinta, Muzhafar Bin Mohamad yang sentiasa menjadi pendorong utama dan memberikan kata-kata semangat ketika saya menghadapi kesulitan. Sokongan mereka semua amat saya hargai dan akan saya kenang sepanjang hayat.

Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada rakan-rakan seperjuangan yang banyak membantu dalam pelbagai cara, sama ada secara langsung mahupun tidak langsung. Kesudian mereka untuk memberikan kerjasama serta menjadi responden dalam penyelidikan ini amat saya hargai.

Akhir kata, saya amat bersyukur atas segala bantuan dan sokongan yang telah diberikan. Semoga segala usaha ini mendapat keberkatan daripada Allah SWT dan memberi manfaat kepada semua.

Sekian, Terima kasih.

Che Nurul Amirah Binti Che Daud
Kampung Laut, Tumpat, Kelantan.

JADUAL KANDUNGAN

KANDUNGAN	HALAMAN
PENGESAHAN TESIS	i
PENGHARGAAN	ii
JADUAL KANDUNGAN	iii
SENARAI RAJAH	6
SENARAI JADUAL	7
SENARAI CARTA ALIR	8
ABSTRAK	9
ABSTRACT	10
 BAB 1 PENDAHULUAN	
1.1 Pengenalan	1-3
1.2 Latar Belakang Kajian	4-6
1.3 Permasalahan Kajian	7
1.4 Persoalan Kajian	8
1.5 Objektif Kajian	8
1.6 Skop Dan Batasan Kajian	9-13
1.7 Kepentingan Kajian	14-15
1.8 Kesimpulan	16-17
 BAB 2 SOROTAN KAJIAN LEPAS	
2.1 Pendahuluan	18
2.2 Kajian Lepas Mengenai Pantun	
2.2.1 Tesis	19-28
2.2.2 Artikel Kajian	29-38
2.2.3 Lain-lain (Buku/Majalah/Akhbar)	39-43
2.3 Kajian Lepas Mengenai <i>TikTok</i>	
2.3.1 Tesis	44-49
2.3.2 Artikel Jurnal	50-56
2.3.3 Lain-lain (Buku/Majalah/Akhbar)	57-59
2.4 Kajian Lepas Mengenai Teori Fungsionalisme	
2.4.1 Tesis	60-64
2.4.2 Artikel Jurnal	65-66
2.4.3 Lain-lain (Buku/Majalah/Akhbar)	67
2.5 Kesimpulan	68
 BAB 3 METODOLOGI	
3.1 Pendahuluan	69
3.2 Reka Bentuk Kajian	69-72
3.2.1 Dokumentasi	72

3.3 Kaedah Pengumpulan Data	73-75
3.3.1 Kaedah Pemerhatian	75
3.3.2 Kaedah Temu Bual	76-78
3.3.3 Kaedah Soal Selidik	78-79
3.4 Kaedah Analisis Data	79-81
3.4.1 Teori Fungsionalisme	81
3.4.2 Kaedah Penerapan Teori	81-83
3.4.3 Kerangka Konseptual	84
3.5 Kesimpulan	85

BAB 4 ANALISIS DAN DAPATAN KAJIAN

4.1 Pendahuluan	
4.2 Demografi Responden	86-87
4.2.1 Jantina Responden	88-92
4.2.2 Umur Responden	93-97
4.2.3 Taraf Pendidikan Responden	
4.2.4 Pekerjaan Responden	
4.3 Pemahaman Responden Mengenai Penggunaan Media Sosial	
4.3.1 Kekerapan Responden Menggunakan <i>TikTok</i> Untuk Menonton Atau Membuat Kandungan Berkaitan Pantun	
4.3.2 Kekerapan responden menggunakan <i>TikTok</i>	
4.3.3 Kekerapan Responden Meluangkan Masa Menggunakan <i>TikTok</i> Setiap Hari	
4.3.4 Kekerapan Responden Melihat Kandungan Pantun Yang Dihasilkan Oleh Pengguna <i>TikTok</i> Lain	
4.3.5 Kekerapan Responden Bersetuju <i>TikTok</i> Boleh Meningkatkan Minat Terhadap Pantun Tradisional	

- 4.4 Mengkaji Minat Terhadap Pantun
- 4.5 Pemahaman dan Penerimaan Khalayak Terhadap Pantun Melalui *TikTok*
- 4.6 Kaedah Pelestarian Pantun
- 4.7 Kesimpulan

BAB 5 KESIMPULAN

- 5.1 Pendahuluan
- 5.2 Rumusan Kajian
- 5.3 Cadangan
 - 5.3.1 Individu
 - 5.3.2 Masyarakat
 - 5.3.3 Institusi
- 5.4 Penutup

Rujukan

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

SENARAI RAJAH

	HALAMAN
4.2.1 Jantina Responden	
4.2.2 Umur Responden	
4.2.3 Taraf Pendidikan Responden	
4.2.4 Pekerjaan Responden	
4.3.1 Kekerapan Responden Menggunakan <i>TikTok</i> Untuk Menonton Atau Membuat Kandungan Berkaitan Pantun	
4.3.2 Kekerapan Responden Menggunakan <i>TikTok</i>	
4.3.3 Kekerapan Responden Meluangkan Masa Menggunakan <i>TikTok</i> Setiap Hari	
4.3.4 Kekerapan Responden Melihat Kandungan Pantun Yang Dihasilkan Oleh Pengguna <i>TikTok</i> Lain	
4.3.5 Kekerapan Responden Bersetuju <i>TikTok</i> Boleh Meningkatkan Minat Komuniti di Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan Terhadap Pantun	
4.4 Mengkaji Minat Terhadap Pantun	
4.5 Pemahaman dan Penerimaan Khalayak Terhadap Pantun Melalui <i>TikTok</i>	
4.6 Kaedah Pelestarian Pantun	

SENARAI JADUAL

	HALAMAN
4.2.1 Jantina Responden	
4.2.2 Umur Responden	
4.2.3 Taraf Pendidikan Responden	
4.2.4 Pekerjaan Responden	
4.3.1 Kekerapan Responden Menggunakan <i>TikTok</i> Untuk Menonton Atau Membuat Kandungan Berkaitan Pantun	
4.3.2 Kekerapan Responden Menggunakan <i>TikTok</i>	
4.3.3 Kekerapan Responden Meluangkan Masa Menggunakan <i>TikTok</i> Setiap Hari	
4.3.4 Kekerapan Responden Melihat Kandungan Pantun Yang Dihasilkan Oleh Pengguna <i>TikTok</i> Lain	
4.3.5 Kekerapan Responden Bersetuju <i>TikTok</i> Boleh Meningkatkan Minat Komuniti di Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan Terhadap Pantun	
4.4 Mengkaji Minat Terhadap Pantun	
4.5 Pemahaman dan Penerimaan Khalayak Terhadap Pantun Melalui <i>TikTok</i>	
4.6 Kaedah Pelestarian Pantun	

SENARAI CARTA ALIR

HALAMAN

3.4.3 Kerangka Konseptual



UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

FYP FTKW

Pelestarian Pantun Dalam Kalangan Komuniti Fakulti Teknologi Kreatif Dan Warisan Melalui Media Sosial *TikTok*, Universiti Malaysia Kelantan

ABSTRAK

Puisi tradisional seperti pantun adalah sebahagian daripada warisan budaya Melayu yang kaya dengan nilai estetika dan moral. Namun, era digital membawa perubahan besar dalam corak komunikasi. Generasi muda yang berpotensi melemahkan hubungan mereka dengan warisan budaya ini. Generasi muda semakin kurang berminat terhadap pantun kerana lebih tertarik dengan hiburan moden berbentuk digital serta menganggap pantun sukar difahami dan kurang relevan dalam konteks semasa. Di tambah pula dengan kurangnya pendedahan formal tentang nilai tradisional ini. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti faktor-faktor yang mempengaruhi minat komuniti Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan terhadap puisi tradisional khususnya pantun serta mengkaji tahap pemahaman dan penghayatan komuniti tersebut terhadap pantun. Menggunakan pendekatan kaedah campuran iaitu gabungan kualitatif dan kuantitatif. Data dikumpul melalui soal selidik dalam talian untuk mendapatkan maklumat yang lebih terperinci mengenai penggunaan *TikTok* sebagai medium pelestarian pantun. Hasil kajian menunjukkan bahawa 71.33% daripada 214 responden menggunakan *TikTok* untuk menonton atau mencipta kandungan berkaitan pantun manakala hampir 90% responden menunjukkan minat positif terhadap pantun dan menganggap *TikTok* sebagai platform yang sesuai untuk menyampaikan nilai budaya ini. Bagi memperkukuhkan usaha pelestarian pantun, disarankan agar pembangunan kandungan pantun yang lebih kreatif dan interaktif di *TikTok* diteruskan untuk menarik minat generasi muda. Kolaborasi dengan *influencer* atau pencipta kandungan popular dilakukan untuk mempromosikan pantun serta pendidikan sastera tradisional diintegrasikan dalam kurikulum formal dengan pendekatan yang lebih inovatif dan mengadakan bengkel atau pertandingan pantun secara maya bagi menggalakkan penglibatan aktif golongan muda.

Kata kunci: Pelestarian, Pantun, Komuniti Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan, *TikTok*

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

Preservation Of Pantun Among The Community Of The Faculty Of Creative Technology And Heritage Through *TikTok* Social Media

ABSTRACT

Traditional poetry such as pantun is an integral part of Malay cultural heritage rich in aesthetic and moral values. However, the digital era has significantly changed the communication patterns. Younger generation potentially weakening their connection with this cultural legacy. Young people are less interested in pantun as they are more attracted to modern digital entertainment, perceive pantun as difficult to understand and consider it less relevant in the current context, further compounded by the lack of formal exposure to traditional values. This study aims to identify the factors influencing the interest of the Faculty of Creative Technology and Heritage community towards traditional poetry, particularly pantun and to examine their level of understanding and appreciation of it. Using a mixed-methods approach that combines qualitative and quantitative techniques, data were collected through online surveys and interviews to gain deeper insights into the use of *TikTok* as a medium for pantun preservation. The findings reveal that 71.33% of the 214 respondents use *TikTok* to watch or create pantun-related content, while nearly 90% of respondents expressed a positive interest in pantun and agreed that *TikTok* is an appropriate platform to promote cultural values. To strengthen pantun preservation efforts, it is recommended to continue developing more creative and interactive pantun content on *TikTok* to attract young audiences, collaborate with influencers or popular content creators to promote pantun, integrate traditional literature education into formal curricula using more innovative approaches and organize virtual workshops or pantun competitions to encourage active participation among the younger generation.

Keywords: : Preservation, Pantun, Faculty of Creative Technology and Heritage Community, *TikTok*

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

Bab 1

Pendahuluan

1.1 Pengenalan

Puisi tradisional merujuk kepada hasil kesusasteraan yang ditulis dalam gaya tertentu dan tanpa menurut aturan tata bahasa yang sepatutnya. Secara umumnya, puisi sebenarnya tidak terdiri daripada ayat yang lengkap, melainkan terdiri daripada frasa yang disusun dalam bentuk baris, Siti Hajar Abdul Aziz (2011). Harun Mat Piah (1989), memberikan definisi pantun berdasarkan aspek dalaman dan aspek luaran atau struktur visualnya. Aspek dalaman pantun meliputi unsur estetika dan isi, iaitu tema dan persoalan. Menurut Suryanto Sukanto (1968), generasi muda adalah sekelompok orang muda yang lahir dalam jangka waktu tertentu. Menurut Jamaludin Badusah, Muhammad Husin dan Abdul Rashid Johar (2000), media adalah suatu kaedah atau perantaraan berkomunikasi, berhubung antara satu sama lain seperti menggunakan akhbar, berita dan gambar untuk menyebarkan maklumat dan pandangan.

TikTok ialah aplikasi video berdurasi singkat. Ia ruang untuk kandungan yang menyeronokkan dan positif yang dicipta oleh orang sebenar di seluruh dunia. Pantun merupakan gaya bahasa yang kaya dengan ungkapan yang bermakna. Di dalam pantun, ada mencerminkan kekayaan warisan budaya Melayu. Namun, dalam era globalisasi dan kemajuan teknologi digital, pelestarian puisi

tradisional iaitu pantun terancam. Konteks globalisasi mewujudkan perubahan dalam gaya hidup dan nilai manusia. Generasi muda didorong oleh kemajuan teknologi selalunya cenderung memutuskan hubungan dengan tradisi dan warisan budaya. Oleh itu, pelestarian puisi Melayu tradisional iaitu pantun yang sebelum ini diturunkan secara lisan dari generasi ke generasi akan tercabar dalam menghadapi kurangnya minat dan kefahaman di kalangan generasi muda. Pengenalan ini menimbulkan kesedaran tentang masalah yang dihadapi oleh pelestarian puisi Melayu tradisional iaitu pantun dan memberikan justifikasi untuk memilih *TikTok* sebagai media penyampaian. Dengan menggabungkan elemen tradisional dan teknologi moden, kajian ini diharap dapat memberi sumbangan yang berharga kepada usaha memelihara warisan budaya Melayu. Pelestarian puisi Melayu tradisional iaitu pantun dalam konteks era globalisasi dan kemajuan teknologi digital menjadi semakin penting untuk memastikan warisan budaya yang berharga ini terus hidup dan dihargai. Generasi muda yang terpengaruh oleh perubahan gaya hidup dan nilai-nilai yang berkembang sering kali terputus dari akar budaya dan tradisi yang kaya. Dalam menghadapi cabaran ini, penting untuk mencari pendekatan yang relevan dan menarik bagi generasi muda agar mereka dapat menghargai dan memahami keindahan serta makna dalam puisi Melayu tradisional iaitu pantun.

Penggunaan media sosial seperti *TikTok* sebagai platform penyampaian adalah langkah yang bijak dalam usaha pelestarian ini. *TikTok*, sebagai aplikasi video berdurasi singkat yang popular di kalangan generasi muda, memberikan ruang untuk kreativiti dan ekspresi. Dengan memanfaatkan kekuatan teknologi dan daya tarikan media sosial, pelestarian puisi Melayu tradisional iaitu pantun dapat disampaikan dengan cara yang menarik dan relevan kepada generasi muda. Melalui gabungan elemen tradisional dan moden, diharapkan usaha ini dapat membangkitkan minat, pemahaman dan penghayatan terhadap warisan budaya Melayu di kalangan generasi muda serta menyumbang kepada usaha memelihara kekayaan budaya yang bernilai ini untuk masa depan. Dalam usaha untuk mengekalkan warisan budaya, pelestarian puisi tradisional Melayu seperti pantun adalah penting, terutama dalam era globalisasi dan kemajuan teknologi digital. Estetika pantun terserlah dalam penggunaan bahasa yang indah dan penuh makna sementara tema dan persoalannya sering kali menyentuh tentang kehidupan seharian, nasihat, perasaan dan pengalaman manusia.

1.2 Latar Belakang Kajian

Latar belakang kajian di bawah tajuk kajian “Pelestarian Pantun Dalam Kalangan Komuniti Fakulti Teknologi Kreatif Dan Warisan Melalui Media Sosial *TikTok*” boleh merangkumi beberapa aspek yang mendorong kajian ini. Berikut adalah beberapa perkara dalam latar belakang kajian, yang pertama, kepentingan melestarikan warisan budaya dan sastera. Hal ini kerana, puisi tradisional seperti pantun merupakan sebahagian daripada warisan budaya dan sastera Melayu. Generasi muda kehilangan hubungan dengan nilai tradisional dan kekayaan sastera nenek moyang mereka. Selanjutnya, cabaran pemeliharaan dalam era digital. Hal ini kerana, era digital membawa perubahan besar dalam cara berkomunikasi dan maklumat yang disampaikan dan ini boleh menjejaskan cara generasi muda berinteraksi dengan budaya tradisional. Dalam konteks ini, *TikTok* telah muncul sebagai platform popular di kalangan generasi muda dan boleh digunakan sebagai alat untuk memperkenalkan dan memelihara pantun.

Seterusnya, tarikan *TikTok* dan kreativiti. Hal ini kerana, *TikTok* menawarkan pengguna pelbagai alat kreatif, kesan dan muzik yang boleh digunakan untuk mencipta kandungan yang menarik. Pemahaman tentang bagaimana pantun boleh disesuaikan dengan format dan gaya *TikTok* dapat membantu mempersembahkan warisan sastera dengan cara yang lebih menarik. Di samping itu juga, kepentingan pendidikan budaya. Hal ini kerana, kajian ini

boleh menjadi satu langkah dalam mendidik generasi muda tentang

kepelbagaian budaya dan nilai tradisional melalui pendekatan yang relevan kepada mereka. Selain itu, pertumbuhan pengguna *TikTok*. Hal ini kerana, *TikTok* mempunyai pangkalan pengguna yang sangat besar dalam kalangan generasi muda menjadikannya platform yang berpotensi untuk menyampaikan mesej pemeliharaan budaya.

Akhir sekali, kajian terdahulu dan kajian baharu. Hal ini kerana, melibatkan pemahaman kajian lepas berkaitan pemeliharaan budaya dan penggunaan media sosial dalam pendidikan. Kajian ini boleh memberikan sumbangan baharu kepada penggunaan *TikTok* sebagai alat pemeliharaan budaya. Latar belakang kajian ini membentuk asas untuk kajian lanjut dan mendorong kepentingan memelihara warisan budaya melalui platform moden seperti *TikTok*, supaya generasi muda dapat terus berhubung dengan budaya dan nilai tradisional. Puisi tradisional, seperti pantun, merupakan sebahagian daripada warisan budaya dan sastera Melayu yang kaya. Pantun bukan sahaja mencerminkan nilai-nilai dan kepercayaan masyarakat Melayu, tetapi juga memainkan peranan penting dalam menyampaikan nasihat dan pandangan hidup melalui cara yang indah dan berirama. Dalam konteks budaya Melayu, pantun digunakan dalam pelbagai majlis dan upacara, menjadi alat komunikasi yang berkesan dan ekspresi seni yang mendalam. Namun, dalam era moden yang pesat dengan perubahan teknologi dan budaya global, terdapat kebimbangan bahawa generasi muda mungkin kehilangan hubungan dengan

nilai tradisional dan kekayaan sastra nenek moyang mereka. Oleh itu, penting untuk memastikan bahawa warisan ini tidak hilang dan terus dihargai oleh generasi akan datang.

Era digital membawa perubahan besar dalam cara berkomunikasi dan cara maklumat disampaikan. Media sosial dan platform digital telah menggantikan cara-cara tradisional dalam berkomunikasi, berhibur, dan belajar. Dalam konteks ini, generasi muda lebih cenderung kepada penggunaan teknologi digital dalam kehidupan harian mereka. Ini boleh menjejaskan cara mereka berinteraksi dengan budaya tradisional, kerana pengaruh teknologi sering kali meminggirkan warisan budaya yang tidak diintegrasikan dalam format digital. Namun, kemajuan teknologi juga menawarkan peluang baru untuk pemeliharaan budaya. Dengan kemunculan platform media sosial seperti *TikTok*, terdapat peluang untuk memperkenalkan dan memelihara pantun dalam cara yang lebih relevan dan menarik bagi generasi muda.

TikTok telah muncul sebagai salah satu platform media sosial yang paling popular di kalangan generasi muda. Aplikasi ini menawarkan pengguna pelbagai alat kreatif, kesan visual, dan muzik yang boleh digunakan untuk mencipta kandungan yang menarik dan interaktif. *TikTok* juga terkenal dengan video pendek yang dinamik dan mudah diakses, menjadikannya platform yang ideal untuk mempersembahkan kandungan budaya seperti pantun. Pengguna *TikTok* boleh memanfaatkan alat-alat kreatif ini untuk menghasilkan video

pantun yang menarik dan inovatif.

1.3 Permasalahan Kajian

Generasi muda kurang berminat tentang pantun kerana lebih gemar akan teknologi digital dan hiburan moden. Mereka menganggap pantun sukar untuk difahami dan kurang relevan. Justeru, untuk menarik minat mereka, alternatif menggunakan media sosial seperti *TikTok* untuk menyampaikan nilai budaya iaitu pantun secara moden.

Generasi muda kehilangan minat pada pantun disebabkan kurangnya kesedaran dan pemahaman terhadap warisan budaya lokal. Untuk mengatasi masalah ini, perlulah meningkatkan apresiasi budaya melalui pendidikan kreatif dan penggunaan media sosial seperti *TikTok* untuk memperkenalkan pantun secara menarik. Dengan integrasi nilai budaya dalam platform digital, generasi muda dapat memahami, melestarikan dan bangga dengan identiti budaya mereka.

1.4 Persoalan Kajian

1.4.1 Apakah faktor-faktor yang mempengaruhi minat generasi muda terhadap puisi tradisional terutamanya pantun?

1.4.2 Bagaimanakah tahap pemahaman dan penghayatan generasi muda terhadap puisi tradisional terutamanya pantun?

1.5 Objektif Kajian

1.5.1 Mengenal pasti faktor-faktor yang mempengaruhi minat generasi muda terhadap puisi tradisional terutamanya pantun.

1.5.2 Mengkaji tahap pemahaman dan penghayatan generasi muda terhadap puisi tradisional terutamanya pantun.

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

1.6 Skop Dan Batasan Kajian

Batasan kajian ini hanya membataskan kepada *TikTok* Sahaja. Kajian ini akan memberi tumpuan secara eksklusif pada platform media sosial *TikTok* sahaja sebagai alat utama untuk mempromosikan dan memelihara pantun. Dengan menghadkan kepada *TikTok*, kajian ini akan dapat menghasilkan analisis yang lebih terperinci tentang strategi, arah aliran, dan kesan penggunaan platform ini dalam konteks pemeliharaan pantun. Kajian ini akan menghadkan carian hanya kepada kandungan yang berkaitan dengan pantun di *TikTok*, termasuk video yang dibuat oleh pengguna yang menggunakan pantun dalam kandungan mereka. Kajian ini akan memfokuskan kepada menganalisis kandungan yang relevan dengan tujuan memelihara dan mempromosikan pantun di platform. Kajian ini tidak akan mempertimbangkan penggunaan platform media sosial lain seperti *Instagram*, *YouTube*, atau *Twitter* dalam konteks pemeliharaan pantun. Dengan cara ini, kajian boleh memfokuskan sumber dan perhatian kepada analisis mendalam tentang pengaruh khusus *TikTok* terhadap pemahaman, penghayatan, dan penyebaran pantun dalam kalangan generasi muda.

Dengan tumpuan terhad pada *TikTok* pengkaji boleh meneroka secara mendalam bagaimana platform ini unik dalam memudahkan interaksi dengan pantun, tanpa terganggu oleh pengaruh atau dinamik platform media sosial lain. Ini akan membolehkan pengkaji membentangkan penemuan

yang lebih spesifik dan relevan dalam konteks penggunaan *TikTok* untuk tujuan pemeliharaan budaya. Dengan menghadkan carian kepada kandungan pantun di *TikTok*, kajian ini akan memberikan pemahaman yang lebih mendalam tentang *trend* dan corak penggunaan pantun dalam konteks platform ini. Ini akan membolehkan pengkaji mengenal pasti cara terbaik dan strategi berkesan dalam mempromosikan dan mengekalkan pantun di *TikTok*.

Tumpuan hanya pada generasi muda atau generasi Z (lahir sekitar tahun 1997-2001) yang merupakan pengguna utama *TikTok*. Kajian tidak merangkumi generasi lain. Dengan menghadkan tumpuan hanya kepada generasi muda, terutamanya generasi Z yang merupakan pengguna utama *TikTok*, kajian ini akan mendapat pemahaman yang lebih mendalam tentang bagaimana pantun dikekalkan dan dipromosikan dalam kalangan kumpulan umur ini. Generasi Z dikenal pasti sebagai kumpulan demografi yang paling berhubung dengan teknologi digital dan media sosial. Dengan fokus ini, kajian dapat memahami dengan lebih mendalam keutamaan, tingkah laku, dan corak penggunaan kandungan digital kumpulan umur ini. Ini membolehkan pengkaji menyesuaikan strategi pemeliharaan dan promosi pantun agar sesuai dengan keutamaan dan tabiat Generasi Z dalam menggunakan *TikTok*. Dengan tidak memasukkan generasi lain dalam kajian, kajian akan memfokuskan kepada kumpulan demografi yang paling

relevan dan signifikan dalam konteks penggunaan *TikTok*. Ini membolehkan

pengkaji memperoleh pandangan yang lebih khusus dan relevan tentang cara generasi Z berinteraksi dengan pantun dan platform media sosial secara umum.

Dengan memfokuskan kepada generasi Z, kajian ini dapat menghasilkan pemahaman yang lebih mendalam tentang bagaimana golongan umur ini memandang dan menghargai budaya termasuk pantun dalam era digital. Ini membolehkan pengkaji memberikan cadangan yang lebih konkrit dan relevan dalam usaha memelihara pantun dalam era digital. Kajian ini boleh meneroka aliran dan corak penggunaan kandungan khususnya pada *TikTok*, yang boleh memberikan cerapan berharga untuk pengamal dan penggubal dasar. Dengan berbuat demikian, kajian ini akan dapat memberikan pemahaman yang lebih terperinci tentang bagaimana pemeliharaan pantun dijalankan dalam era digital, dengan tumpuan khusus terhadap penggunaan *TikTok* oleh generasi Z. Ini akan memberikan sumbangan berharga dalam membimbing pemeliharaan budaya usaha yang berkaitan dengan kumpulan demografi ini yang paling terlibat dalam platform.

Kajian ini akan memberikan sumbangan berharga dalam membimbing usaha penyelenggaraan budaya yang berkaitan dengan kumpulan demografi yang paling terlibat dengan platform *TikTok* ini. Generasi Z, yang dilahirkan antara 1997 dan 2001, dikenali sebagai generasi yang sangat berhubung

dengan teknologi digital dan media sosial. Dengan batasan ini, kajian ini

akan dapat mengenal pasti keutamaan dan corak penggunaan. Pengkaji boleh meneroka keutamaan kandungan dan corak penggunaan *TikTok* dalam kalangan generasi Z, memberikan pandangan mendalam tentang jenis kandungan pantun yang paling menarik minat mereka.

Kajian ini boleh menganalisis cara generasi Z berinteraksi dengan kandungan pantun di *TikTok*, termasuk tahap penyertaan mereka dalam cabaran pantun, ulasan, dan perkongsian video. Ini akan memberi kefahaman tentang keberkesanan pelbagai format dan pendekatan dalam menarik minat generasi Z terhadap pantun. Oleh itu, batasan ini memastikan bahawa kajian ini akan memberikan sumbangan berharga dalam membimbing usaha pemeliharaan budaya yang tertumpu kepada generasi Z, kumpulan demografi yang paling aktif menggunakan *TikTok*, sekali gus membantu dalam pemeliharaan pantun yang berkesan dalam era digital.

Pelestarian pantun dalam kalangan generasi muda ialah analisis aspek pemeliharaan melalui media sosial *TikTok*. Pantun, sebagai salah satu bentuk puisi tradisional Melayu, telah lama menjadi sebahagian daripada warisan budaya kita. Namun, dengan kemajuan teknologi dan perubahan zaman, minat generasi muda terhadap pantun semakin berkurangan. Oleh itu, pelestarian pantun dalam kalangan generasi muda menjadi sangat penting untuk memastikan warisan budaya ini terus hidup dan dihargai.

Dalam kajian ini, pengkaji akan meneliti aspek pelestarian atau pemeliharaan pantun dalam kalangan generasi muda melalui media sosial *TikTok*. Pengkaji akan menganalisis bagaimana *TikTok* dapat digunakan sebagai platform untuk mempromosikan pantun dan meningkatkan minat generasi muda terhadap puisi tradisional ini. Pengkaji akan meneliti bagaimana kandungan pantun di *TikTok* dapat disajikan dalam format yang menarik dan moden. Contohnya, video pendek yang menampilkan pembacaan pantun atau cabaran pantun dapat menarik perhatian generasi muda. Pengkaji juga akan menganalisis bagaimana penggunaan elemen visual seperti teks yang menarik, animasi, dan kesan khas dapat meningkatkan daya tarikan sesebuah video.

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

1.7 Kepentingan Kajian

1.7.1 Kepentingan Kepada Individu

Kajian pemeliharaan pantun dalam kalangan generasi muda melalui media sosial *TikTok* memberi pelbagai faedah peribadi. Ini termasuk peningkatan kesedaran budaya, pembangunan kreativiti, inovasi kandungan, peningkatan kemahiran digital, kemahiran komunikasi, memantapkan identiti budaya, identiti kolektif, interaksi sosial, kolaborasi kreatif, penggunaan masa lapang secara positif, dan pembelajaran yang menyeronokkan. Dengan memahami dan memanfaatkan minat ini, generasi muda dapat terlibat dalam usaha melestarikan pantun dan memastikan warisan budaya ini terus hidup dan relevan dalam era digital.

1.7.2 Kepentingan Kepada Masyarakat

Kajian pemeliharaan pantun melalui *TikTok* memberi impak besar kepada masyarakat dengan menyokong warisan budaya, pembelajaran generasi muda, pembangunan identiti budaya, keterkaitan generasi, peningkatan kesedaran budaya, penghargaan kepelbagaian budaya, pemerksaan komuniti, pembangunan ekonomi tempatan, dan pemantapan kemahiran dan peluang individu. Dengan sokongan masyarakat, usaha ini dapat meningkatkan kelestarian budaya dan kesejahteraan masyarakat secara keseluruhan.

1.7.3Kepentingan Kepada Negara

Kajian pemeliharaan pantun melalui *TikTok* memberi implikasi penting kepada negara dengan pengekalan identiti budaya, pengenalan budaya kepada dunia, pembangunan ekonomi kreatif, pelancongan budaya, pembangunan jati diri bangsa, pendidikan dan kesedaran, penyiaran budaya antarabangsa, jenama negara, inovasi teknologi dan pendigitalan budaya, kreativiti digital. Kajian ini membantu mengukuhkan identiti budaya, membangunkan ekonomi kreatif, membina identiti

1.8 Kesimpulan

Kesimpulannya, kajian ini telah membincangkan isu kehilangan minat generasi muda terhadap puisi tradisional khususnya pantun serta tahap kesedaran budaya yang rendah dalam kalangan mereka. Melalui kajian ini, beberapa isu telah dikaji antaranya faktor-faktor yang mempengaruhi minat generasi muda terhadap pantun dan tahap pemahaman dan penghayatan mereka terhadap puisi tradisional ini. Objektif kajian tertumpu kepada mengenal pasti faktor-faktor yang mempengaruhi minat generasi muda dan mengkaji tahap pemahaman dan penghayatan pantun. Kajian ini mendapati media sosial khususnya *TikTok* memainkan peranan penting dalam mempengaruhi minat dan pemahaman generasi muda terhadap pantun. Kepentingan kajian ini di lihat dari tiga aspek utama iaitu individu, masyarakat dan negara. Pada peringkat individu, kajian ini membantu meningkatkan kesedaran budaya dan penghayatan terhadap warisan sastera tradisional. Bagi masyarakat, kajian ini penting untuk mengukuhkan identiti budaya dan memastikan kesinambungan tradisi. Dari perspektif negara, kajian ini membantu dalam usaha mengekalkan warisan budaya dan mempromosikan kepelbagaian budaya kepada dunia. Sempadan kajian telah ditakrifkan dengan jelas, di mana tumpuan hanya diberikan kepada penggunaan *TikTok* sebagai medium, tumpuan hanya kepada generasi muda atau Generasi Z, dan hanya meneliti aspek memelihara atau mengekalkan pantun. Secara keseluruhan, kajian ini merumuskan bahawa pendekatan

inovatif melalui platform media sosial seperti *TikTok* boleh memainkan peranan penting dalam memupuk minat generasi muda terhadap pantun dan memelihara warisan budaya ini untuk generasi akan datang. Dengan memahami faktor-faktor yang mempengaruhi



Bab 2 Sorotan Kajian Lepas

2.1 Pendahuluan

Sorotan kajian lepas ini diletakkan dalam bab 2 ini bagi memberikan perincian yang lebih mendalam dengan mengamati kajian-kajian terdahulu mengenai tajuk yang bertepatan dan bersesuaian dengan kajian yang dilaksanakan. Hasil daripada pengamatan membuka cetusan idea kepada pengkaji dengan meneroka sudut pandang yang lebih meluas. Maklumat berkaitan dengan kajian lepas dapat diperolehi dari pelbagai sumber seperti akhbar, jurnal, buku serta media massa. Menerusi kajian lepas ianya akan membantu pengkaji untuk memastikan tajuk kajian nya mempunyai hala tuju yang terarah. Penerapan teori dalam kajian lepas dapat dijadikan sebagai pengukuhan kepada maklumat berkaitan tajuk kajian. Menurut pandangan, Wiersma (1991), kajian lepas membantu pengkaji memperoleh makluman awal berkenaan kajian yang ingin dilaksanakan. Selain itu, Blanche dan Durheim turut menyatakan kajian lepas untuk memahami masalah yang ingin dikaji dan mengenalpasti kelemahan yang terdapat dalam permasalahan kajian. Hal ini amat penting untuk supaya pengkaji dapat menyelidik, mengenal pasti, merumuskan dan menyatakan dengan tepat tentang perkara yang ingin difokuskan dalam kajian. Terdapat beberapa bahagian yang akan ditekankan dalam kajian ini iaitu:

- a) Isu-isu kajian pantun
- b) Isu- isu kajian *TikTok*
- c) Isu- isu kajian teori fungsionalisme

2.2 Sorotan Kajian Lepas Mengenai Pantun

2.2.1 Tesis

Berdasarkan kajian yang telah dihasilkan yang bertajuk *Maritim Nusantara: Pembuktian Pantun Tradisional Melayu* oleh Maulana Al-Fin Che Man, Nor Hashimah Jalaluddin Dan Junaini Kasdan pada tahun 2017 telah membincangkan pengesahan pantun Melayu tradisional juga telah dijalankan, membincangkan kajian bebas berkaitan pantun dan kajian maritim yang telah diteliti oleh penulis, dan membincangkan sebahagian besar pengkaji pantun bebas yang telah memilih elemen yang berbeza daripada elemen yang dipilih oleh pengkaji. Tesis ini menghuraikan pantun dan masyarakat mempunyai hubungan yang erat. Pantun Melayu menggambarkan pemikiran, pengalaman, emosi, harapan dan sentimen orang Melayu. Keindahan pantun terpancar dari ciri- ciri batinnya yang jitu, mengandungi makna, pemikiran dan falsafah yang kesemuanya terkandung dalam sesuatu ungkapan. Dalam ungkapan pantun yang terdiri daripada baris pembayang dan baris makna, terdapat unsur-unsur semula jadi seperti flora, fauna, dan juga pengetahuan yang dimiliki oleh masyarakat terdahulu untuk membentuk pantun. Kajian ini bertujuan untuk meninjau kebijaksanaan orang Melayu dalam ilmu maritim yang terkandung dalam pantun Melayu tradisional dan membuktikan bahawa masyarakat Melayu merupakan masyarakat maritim yang unggul. Objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti unsur maritim dalam pantun Melayu tradisional dan menghuraikan secara deskriptif pantun Melayu yang mempunyai unsur maritim. Kajian ini memfokuskan data pantun berunsur maritim dalam buku

Kurik Kundi Merah Saga: Koleksi Pantun Lisan Melayu (2013). Terdapat 803 pantun berunsur maritim. Analisis kajian tertumpu kepada domain maritim yang paling dominan dalam pantun Melayu, seperti geografi, pengangkutan air, flora dan fauna, barangan dan makanan, dan manusia. Seterusnya, kajian ini akan mengkategorikan dan menghuraikan secara deskriptif rima maritim yang terkandung dalam buku tersebut. Hasil kajian menunjukkan bahawa kepulauan maritim boleh dibuktikan melalui pantun Melayu tradisional yang telah dikategorikan mengikut domain yang disenaraikan. Malah, kajian ini secara tidak langsung dapat mendedahkan kehebatan masyarakat Melayu dalam sains marin atau sains maritim.

Seterusnya, kajian yang telah dihasilkan yang bertajuk *Penilaian Penggunaan Modul Pengajaran Pantun Melayu Tingkatan 2 Berasaskan Maksud Al-Quran Mengenai Keindahan Flora, Fauna Dan Langit*, Rashidah Binti Haji Mohd Saedah Siraj, Zaharah Hussin pada tahun 2018 membincangkan penilaian penggunaan modul pengajaran pantun Melayu berdasarkan maksud Al-Quran. Tesis ini membincangkan kajian yang dijalankan untuk menguji modul yang mereka pelajari, dan membincangkan hasil penilaian kebolegunaan daripada pandangan mereka tentang kepuasan terhadap aktiviti pengajaran dan pembelajaran. Kajian ini bertujuan untuk menilai modul pengajaran pantun Bahasa Melayu menggunakan maksud ayat Al-Quran tentang keindahan flora, fauna dan langit. Metodologi yang digunakan ialah eksperimen kumpulan tunggal dengan lima belas pelajar tahun dua di peringkat sekolah menengah. Terdapat tiga teknik penilaian iaitu ujian kefahaman, penilaian sikap, dan temu

bual pra-pasca. Hasil kajian menunjukkan pencapaian positif daripada peperiksaan, sikap positif terhadap modul yang dibentangkan, dan maklum balas yang baik diterima dalam kalangan pelajar dalam temu bual selepas eksperimen. Berdasarkan dapatan kajian, modul pengajaran pantun Bahasa Melayu mempunyai potensi yang baik untuk dilaksanakan di sekolah. Pantun menggambarkan falsafah hidup Melayu yang menekankan hubungan antara manusia dan alam. Pantun juga mencerminkan kebijaksanaan, lebih-lebih lagi jika mengandungi unsur kiasan dan metafora yang dipengaruhi oleh sastera Islam. Pantun yang indah memancarkan keunggulan bahasa sastera Melayu. Oleh itu, pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu melalui pantun seharusnya meningkatkan keberkesanan pengajaran guru dan memudahkan pemahaman murid terhadap konsep yang diajar. Pantun dicipta menggunakan imaginasi dan makna. Jika imej itu cantik, keseluruhan pantun akan menjadi indah dan bermakna. Namun begitu, terdapat kekurangan penulis pantun Melayu yang mengikuti perkembangan semasa khususnya dalam mencipta pantun yang menggunakan maksud ayat dalam Al-Quran. Selain itu, terdapat kepincangan dalam mencipta pantun belia Melayu yang boleh menarik minat mereka yang menuntut ilmu kerohanian. Pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu khususnya aspek pantun Melayu yang berpusatkan guru masih diamalkan secara meluas, walaupun pendekatan pembelajaran berpusatkan pelajar lebih terkini. Objektif kajian ini adalah untuk menilai modul pengajaran pantun Bahasa Melayu Tahap 2 berdasarkan maksud Al-Quran berkaitan keindahan flora, fauna dan langit. Secara khusus, objektif kajian ini adalah, mengkaji semula kefahaman pelajar dalam mengembangkan pantun

Melayu menggunakan maksud ayat Al- Quran terpilih berkenaan flora, fauna dan langit, mengenal pasti sikap murid terhadap pengajaran dan pembelajaran menggunakan maksud ayat Al-Quran terpilih berkenaan flora, fauna dan langit. Menilai pandangan murid tentang kebergunaan pengajaran dan pembelajaran pantun Bahasa Melayu menggunakan maksud ayat Al-Quran pilihan berkenaan flora, fauna dan langit. Kajian lepas menunjukkan bahawa penggunaan bahan sastra dalam pengajaran Bahasa Melayu mempunyai nilai penting dalam memperkayakan bahasa pelajar. Namun begitu, pelaksanaan KOMSAS dalam pengajaran Bahasa Melayu di sekolah menghadapi cabaran seperti kekurangan modul pengajaran yang sesuai. Pantun Melayu mengandungi banyak ikon dan simbol keagamaan yang bertujuan untuk menyampaikan nasihat, pengajaran dan sindiran kepada masyarakat. Pemikiran masyarakat Peranakan Baba Melaka amat bertepatan dengan pemikiran orang Melayu, walaupun mereka bukan beragama Islam. Oleh itu, kemahiran mencipta pantun adalah penting kepada pelajar semasa mengambil mata pelajaran Bahasa Melayu atau kesusasteraan Melayu.

Justeru, kajian ini bertujuan untuk menilai modul pengajaran pantun Bahasa Melayu Tahap 2 berdasarkan maksud Al-Quran berkenaan keindahan flora, fauna dan langit. Penilaian ini diharapkan dapat memberi gambaran yang jelas tentang keberkesanan modul ini dalam meningkatkan kefahaman, sikap dan pandangan pelajar terhadap pengajaran dan pembelajaran pantun Bahasa Melayu. Secara keseluruhannya, dapatan kajian ini menunjukkan bahawa modul pengajaran pantun Bahasa Melayu yang berasaskan maksud Al-Quran

berkenaan keindahan alam semula jadi adalah berkesan dalam meningkatkan kefahaman, sikap, dan pandangan pelajar terhadap pembelajaran pantun. Modul ini bukan sahaja memperkayakan pengetahuan pelajar tentang pantun tetapi juga membantu mereka menghayati keindahan ciptaan Tuhan seperti yang digambarkan dalam Al-Quran.

Selanjutnya, tesis yang bertajuk *Nilai-Nilai Islam Dalam Pantun Melayu : Analisis Pantun Utara Dalam Buku Kurik Kundi Merah Saga*, Mohd Fairus Bin Abd Majid pada tahun 2019 mengkaji pengaruh dan kehadiran nilai- nilai Islam dalam pantun Melayu dan buku *Kurik Kundi Merah Saga (KKMS)*. Kedatangan agama Islam dan proses pengislaman masyarakat Melayu sejak abad ke-13 telah membawa era baru bagi masyarakat tersebut. Kedatangan Islam menjadi titik awal bagi transformasi dan kepercayaan beragama, pandangan dunia (*weltanschauung*), budaya, dan seni mereka. Kepercayaan dan budaya Hindu yang telah menjadi warisan selama berabad- abad mulai tergeser, termasuk dalam kesusasteraan. Kedatangan Islam memiliki dampak besar pada masyarakat Melayu. Kehidupan mereka banyak dipengaruhi oleh adat dan ajaran Islam. Pengaruh Islam dalam peradaban Melayu turut mempengaruhi kehidupan orang Melayu secara menyeluruh. Islam hadir dalam masyarakat Melayu dengan mengasimilasi ajaran Islam ke dalam budaya dan adat kehidupan sehari-hari, terutama melalui kesusasteraan yang mengangkat ajaran Islam dan seni lisan tradisional (Azhar Hj. Mad Aros, 1995:75). Kesusasteraan menjadi bahagian integral dari kehidupan dan budaya masyarakat Islam. Perkembangan kesusasteraan juga melibatkan berbagai teori dan interpretasi

terhadap karya-karya sastra. Demikian juga, sastra Melayu Islam memiliki dimensi global karena mengandung unsur-unsur seperti fardhu ain dan kifayah yang pada akhirnya diekspresikan dalam bentuk ilmu tasawuf. Kesatuan ini merealisasikan hubungan manusia dengan penciptanya, tanggungjawab manusia terhadap sesama manusia, dan alam. Kesusasteraan Islam memberikan makna pada kesusasteraan masyarakat Melayu. Menurut Ismail Hamid (1995:220), seorang sasterawan Islam adalah individu yang memegang teguh akidah, syariah, dan akhlak. Oleh karena itu, sasterawan harus memiliki sifat beriman, bertakwa, dan beramal soleh. Mereka juga selalu menegakkan kebenaran dan amanah serta menjauhi fitnah dan propaganda. Shahnnon Ahmad (1991:69) menjelaskan bahwa berkarya sastra dalam Islam haruslah berakar pada Islam, sama seperti ibadah atau pengabdian kepada Allah SWT. Ibadah mencakup aspek yang luas, tidak hanya memenuhi kewajiban fardhu ain dan kifayah semata-mata. Tujuan utama dari berkarya sastra sama dengan ibadah, iaitu dilakukan karena Allah SWT. Oleh karena itu, berkarya sastra dan beribadah memiliki tujuan yang sama, iaitu menyebarkan dakwah kepada manusia. Analisis ini menghuraikan definisi, peranan dan kategori pantun serta ulasan KKMS dari sudut nilai Islam. Di samping itu, analisis ini menonjolkan kesesuaian pantun utara KKMS dengan nilai-nilai Islam dan menyiasat sumbangan Islam dalam pembentukan pantun tersebut. Rumusan ini menekankan kepentingan meluaskan kajian ini, menggalakkan dokumentasi lanjut, dan mencadangkan pantun sebagai medium dakwah yang berpotensi. Justeru, kajian ini memberi gambaran yang mendalam tentang kekayaan warisan budaya Melayu dan sumbangan Islam kepadanya. Kajian ini bertujuan

untuk mengungkap nilai-nilai Islam yang tersembunyi dalam pantun Melayu. Antara kepentingan kajian ini adalah seperti berikut, melalui kajian ini, nilai-nilai Islam yang terkandung dalam pantun Melayu akan dikaji dan dikongsikan dengan masyarakat umum. Ini akan memberi manfaat kepada pembaca dengan meningkatkan pemahaman mereka tentang pantun dalam konteks Islam, serta memberikan contoh teladan yang baik untuk kehidupan mereka. Kajian ini penting untuk keperluan pendidikan dan pengajaran. Penekanan pada nilai-nilai Islam dalam pantun dapat dimanfaatkan dalam proses pembelajaran untuk memupuk budi pekerti yang mulia dan pemikiran yang matang, sehingga melahirkan warganegara Malaysia yang patriotik, bertanggungjawab, dan berpegang teguh pada agama, bangsa, dan negara. Kajian ini juga membantu dalam pemilihan dan penggunaan pantun yang sesuai. Misalnya, pantun yang menekankan taat dan hormat kepada ibu bapa dapat digunakan dalam program pembinaan karakter anak-anak. Melalui penyelidikan ini, masyarakat dapat menilai dan memilih pantun yang tepat untuk situasi tertentu. Bagi para pengkritik, kajian ini dapat menjadi landasan untuk melakukan kritik yang membangun terhadap pantun-pantun tradisional. Kritik yang konstruktif dapat merangsang penambahbaikan dalam penghasilan pantun-pantun pada masa depan. Melalui kajian ini, diharapkan dapat merubah persepsi yang menyatakan pantun tidak memiliki nilai dan sering dianggap sebagai sastra popular yang hanya memperhatikan nilai komersial, tanpa mempertimbangkan aspek keagamaan, pendidikan, dan keindahan yang terkandung dalam pantun. Kajian ini dapat memberikan pemahaman yang lebih dalam tentang masyarakat dan nilai-nilai Islam dalam pantun Melayu kepada para penggemar sastra di negara

ini dan di wilayah Nusantara. Kajian ini akan difokuskan pada 714 rangkap pantun Melayu Utara yang terdapat dalam buku *Kurik Kundi Merah Saga (KKMS)* terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia (1990). Pengkaji akan meneliti penerapan nilai-nilai Islam dalam pantun-pantun terpilih dalam aspek kepercayaan, amalan, dan tata nilai. Pengkaji akan lebih memfokuskan pada jenis-jenis pantun yang memiliki tema agama serta pantun-pantun lain yang memiliki unsur-unsur keagamaan di dalamnya. Kriteria pemilihan pantun yang akan dikaji terbagi menjadi dua, iaitu isi atau makna yang berunsur Islam, dan penggunaan istilah-istilah yang berunsur Islam.

Di samping itu juga, kajian yang telah dihasilkan yang bertajuk *Pantun Melayu: Penelitian Terhadap Keindahan Dan Keunikannya Dalam Masyarakat*, Muhammad Haji Salleh pada tahun 2023 membincangkan tentang pantun Melayu merupakan satu bentuk puisi tradisional yang berakar umbi dalam kehidupan dan budaya masyarakat Melayu. Ia bukan sahaja berfungsi sebagai alat ekspresi estetik tetapi juga sebagai medium penyampaian nilai moral, etika dan pandangan tentang kehidupan. Tulisan Muhammad Haji Salleh ini mengupas keindahan dan keunikan pantun dalam pelbagai fasa kehidupan orang Melayu, dari zaman kanak-kanak hingga dewasa. Keunikan pantun kanak-kanak. Pantun kanak-kanak merupakan salah satu aspek menarik yang dikaji dalam tesis ini. Dari kelahiran hingga awal kanak-kanak, pantun digunakan sebagai alat untuk mendidik dan menghibur. Contohnya, pantun yang didendangkan oleh ibu atau nenek kepada bayi sering kali bertujuan untuk

menenangkan atau mendidik anak-anak. Pantun kanak-kanak biasanya berbentuk mudah dengan dua atau empat baris berima ab-ab, menjadikannya mudah diingat oleh kanak-kanak. Melalui pantun, anak-anak tidak hanya mempelajari bahasa tetapi juga nilai-nilai seperti budi bahasa dan tingkah laku yang betul. Struktur dan variasi pantun. Pantun Melayu klasik memiliki struktur yang unik, biasanya terdiri daripada empat baris dengan rima ab-ab. Walaupun bentuknya ringkas, ia mampu menyampaikan makna yang mendalam dan penuh hikmah. Pantun juga sering kali menggunakan metafora yang diambil daripada alam semula jadi, menggambarkan hubungan rapat antara manusia dan persekitaran mereka. Kesimpulannya, pantun Melayu merupakan khazanah budaya yang tidak ternilai, mencerminkan keindahan bahasa dan nilai-nilai masyarakat Melayu. Melalui kajian ini, Muhammad Haji Salleh menegaskan betapa pentingnya pantun sebagai alat pendidikan, ekspresi estetika, dan simbol identiti budaya. Walaupun bentuknya ringkas, pantun mampu menyampaikan pesan yang mendalam dan bertahan sebagai tradisi yang terus hidup dan relevan dalam masyarakat moden.

Berdasarkan kajian yang telah dihasilkan yang bertajuk *Manifestasi Penciptaan Pantun Berlagu Dalam Cerita Rakyat Negeri Pahang*, Nor Sahara Mesman pada tahun 2022 membincangkan penciptaan pantun yang disampaikan dalam lagu melalui cerita rakyat di Negeri Pahang. Pantun ini dicipta berdasarkan kreativiti penutur dengan menggabungkan unsur keindahan dan menonjolkan identiti pencipta. Kajian kualitatif ini menggunakan kaedah temu bual dan merekod untuk mengumpul data. Data yang diperoleh dikategorikan

berdasarkan perlambangan identiti masyarakat Melayu. Pemilihan tema memfokuskan aspek keagamaan dan bercorak objek, hari dan alam semula jadi. Unsur-unsur keindahan ini disusun dengan ciri-ciri bayangan dan niat untuk menyampaikan nasihat. Bagi menarik minat pendengar, rima ini dinyanyikan menggunakan irama asli seperti Dondang Sayang. Berdasarkan Teori Pengkaedahan Melayu, kajian ini menggunakan pendekatan semula jadi, dakwah dan keagamaan melalui masyarakat dan seni. Hasil kajian menunjukkan bahawa orang Melayu mesti berpegang kepada ajaran agama untuk kehidupan yang lebih baik. Penciptaan pantun ini digunakan sebagai medium penyampaian untuk mencerminkan manifestasi pemikiran dan kebijaksanaan orang Melayu.

Secara keseluruhannya, tesis-tesis ini membincangkan kajian lepas yang telah dilakukan oleh para sarjana dalam negara berkenaan bidang pantun Melayu dan membincangkan simbol dan makna dalam pantun Melayu serta bukti pantun Melayu tradisional.

2.2.2 Artikel Jurnal

Kajian yang telah dihasilkan yang bertajuk *Kelestarian Pantun: Rencah Dan Leluhur Bangsa Dulu, Kini Dan Selamanya*, Siti Hajar Che Man pada tahun 2016 membincangkan tentang pantun sememangnya mempunyai keistimewaan tersendiri dalam warisan budaya Melayu. Dari segi bentuknya yang ringkas, ia mampu menyampaikan maksud yang mendalam. Seperti yang dinyatakan, pantun adalah cerminan gaya hidup dan nilai masyarakat Melayu yang mementingkan adab. Dalam konteks pembangunan negara dan teknologi maklumat yang semakin pesat, kehadiran pantun mungkin diragui oleh sesetengah pihak. Namun, kita tidak boleh melupakan nilai-nilai yang terkandung dalam pantun, yang mencerminkan kebijaksanaan, keadilan dan kreativiti nenek moyang kita. Pantun bukan sekadar hiburan atau sekadar pelengkap majlis. Ia merupakan warisan budaya yang mengandungi nilai-nilai murni dan adab-adab yang perlu dijunjung tinggi oleh generasi kini dan akan datang. Dalam konteks pembangunan madani dan budaya, pantun mempunyai peranan penting sebagai asas pembentukan nilai masyarakat. kini perlu lebih giat dalam mempromosikan dan melestarikan pantun, agar nilai-nilai murni yang terkandung di dalamnya kekal relevan dan dapat diwariskan kepada generasi akan datang. Dengan memahami dan menghayati pantun, kita juga dapat lebih menghargai kekayaan budaya dan intelek bangsa kita. Dalam mencipta pantun, tiada kata yang sia-sia, setiap perkataan mengandungi makna yang bersifat pengajaran, bunyinya merdu, maknanya juga indah, keelokan pantun tiada tandingnya. Pantun sebagai seni, tampil dalam kehalusan,

menggambarkan budi, adat, dan kebijaksanaan, dalam empat baris, tersirat nilai-nilai luhur, menyentuh jiwa, memberi inspirasi yang jujur. Keindahan pantun tiada tandingannya, menggugah perasaan, membawa kedamaian, dalam setiap bait, tersirat kebijaksanaan, pantun tetap relevan, dari zaman ke zaman. Begitulah keelokan pantun, rencah leluhur bangsa, memaparkan budaya, adat yang murni dan tulus, dalam setiap bait, tersirat keagungan insan, pantun tetap menjadi khazanah yang bernilai jua. Dengan demikian, kelestarian pantun terus dijaga, sebagai warisan budaya, keindahan yang terpampang, dalam setiap bait, tersirat kebijaksanaan, pantun tetap menjadi penanda zaman yang kekal abadi.

Kelestarian Alam Dalam Seni Budaya Melayu : Pantun Sebagai Bayangan Falsafah Alam, Dr Haryati Shafii pada tahun 2016 membincangkan tentang kebudayaan atau seni budaya Melayu pada asasnya mempunyai dua perkara penting iaitu elemen teras sebagai tiang seri jati diri bangsa Melayu dan elemen luaran yang terpancar melalui pertuturan, tingkah laku, budaya benda seperti kraf dan seni bina, kesusasteraan, serta bentuk-bentuk seni persembahan atau seumpamanya. Elemen teras bagi masyarakat Melayu di Malaysia adalah agama Islam manakala elemen luaran ini berkisar dan terhasil sama ada dalam lingkungan masyarakat Melayu itu sendiri atau dipengaruhi oleh budaya-budaya luar yang dibawa oleh masyarakat lain yang menyerap masuk di rantau Nusantara (Anwar Din, 2008). Pada dasarnya, terdapat pelbagai takrif tentang kebudayaan yang boleh dijelaskan melalui dua pendekatan, iaitu pertama, konsep ‘culture’ yang mengambil kira pandangan dan pemikiran dari Barat, dan kedua, konsep ‘adat’ yang berasaskan daripada pemikiran manusia Melayu itu

sendiri. Kedua-dua pandangan ini sering digunakan dalam memperkatakan kebudayaan Melayu. Kroeber dan Kluckhohn (1952) misalnya, merupakan antara sarjana Barat yang menyelenggara buku bertajuk *“Culture: A Critical Review Of Concepts And Definitions”*, telah menyenaraikan lebih daripada 100 definisi tentang kebudayaan. Di Barat, konsep kebudayaan telah dipelopori oleh E.B. Tylor dalam tulisannya bertajuk *“Primitive Culture”* (1871), yang pada asalnya diertikan sebagai hal-ehwal pertanian. Seterusnya, para sarjana antropologi, sosiologi, dan etnologi telah mengubah suai takrif Tylor berdasarkan sudut pandangan yang berbeza mengikut situasi dan gambaran kehidupan masyarakat. Antara takrif kebudayaan yang dijelaskan oleh para sarjana ini adalah seperti berikut, "Kebudayaan adalah suatu keseluruhan kompleks yang merangkumi kepercayaan, pengetahuan, peraturan, undang-undang, adat resam, kesenian, keupayaan, dan amalan lainnya yang diikuti oleh manusia sebagai ahli masyarakat" (Tylor, 1871). "Kebudayaan juga sebagai gambaran keseluruhan cara hidup, pengetahuan, sikap dan pola perilaku yang menjadi kebiasaan, dimiliki dan diwariskan oleh anggota sesuatu masyarakat" (Linton, 1940). "Kebudayaan juga ditakrif sebagai tingkah laku yang diceduk dan diwarisi melalui simbol yang menjadi ciri khas manusia, termasuk penciptaan dalam hasil benda dan bukan benda" (Kroeber & Kluckhohn 1952). Bagi masyarakat Melayu, konsep kebudayaan sering menggunakan istilah adat (Anwar, 2008). Pernyataan seperti 'adat berkahwin', 'adat berkeluarga', 'adat berkampung', 'adat bermasyarakat', 'adat berkawan', 'adat bercinta', 'adat bernegara', 'adat mentadbir', 'adat berdagang', 'adat berhibur', 'adat bermain', 'adat makan', dan seumpamanya menggambarkan bagaimana masyarakat

Melayu mengatur kehidupan. Oleh demikian, adat dalam masyarakat Melayu lama khususnya, digambarkan sebagai keseluruhan cara hidup bermula daripada manusia itu dilahirkan sehingga ia meninggal dunia. Unsur alam dalam seni budaya Melayu merupakan bidang ilmu yang penting untuk diteliti. Kelestarian alam, iaitu unsur flora dan fauna merupakan unsur alam yang begitu popular digarapkan dalam kesusasteraan dan budaya Melayu. Kelestarian ini dapat dilihat melalui penggunaan unsur alam yang dikatakan bermula sejak dahulu kala, ketika orang Melayu belum pandai membaca dan menulis. Pada masa itu, penggunaan rentak dalam zamannya adalah secara lisan dan diwariskan daripada satu generasi ke satu generasi. Oleh kerana adanya kekangan dalam pendidikan, maka sesetengah pantun tersebut tidak didokumentasikan atau ditulis dalam satu bentuk penulisan yang ilmiah. Selain daripada itu, pembangunan mampan yang merupakan gagasan penting negara dalam memelihara dan memulihara alam sekitar merupakan satu amanah dan tugas penting yang selari dengan kelestarian unsur alam dalam sastera Melayu. Pembangunan mampan dan usaha memelihara alam sekitar supaya pembangunan yang dijalankan pada hari ini turut mengambil kira kepentingan generasi akan datang. Kelestarian unsur alam dalam sastera pula, khususnya pantun merupakan satu pendidikan bagi memartabatkan seni dan budaya Melayu. Justeru, kelestarian alam sekitar untuk pembangunan mampan cukup signifikan kerana turut menyumbang kepada kelestarian unsur alam dalam sastera sebagai idea, lintaran fikir, gagasan, dan sumber untuk menstruktur pantun Melayu. Kepentingannya amat nyata dalam melestarikan pantun sebagai salah satu cabang sastera dalam seni budaya Melayu. Kesimpulannya, seni

budaya Melayu mempunyai keunikan tersendiri yang merangkumi pelbagai elemen baik dari segi adat resam, seni, kesusasteraan, dan lain-lain. Penggunaan unsur alam dalam kesusasteraan Melayu, khususnya pantun, bukan sahaja menggambarkan kreativiti dan keindahan budaya Melayu tetapi juga menekankan pentingnya kelestarian alam dalam pembangunan mampan. Masyarakat moden perlu menyedari dan menghargai nilai budaya serta memastikan warisan ini dipelihara untuk generasi akan datang.

Berdasarkan kajian yang telah dihasilkan yang bertajuk *Penerapan Pantun Kenangan Perpisahan Dalam Penilaian Lisan Sebagai Kesan Pembelajaran Teradun*, Jyh Wee Sew pada tahun 2023 membincangkan tentang mengeksplorasi penggunaan pantun dalam pendidikan bahasa Melayu dengan pendekatan pedagogi inovatif. Artikel ini fokus pada bagaimana pantun dapat digunakan untuk mengembangkan keterampilan berfikir tingkat tinggi pada mahasiswa asing di Universiti Nasional Singapura (NUS). Artikel ini mengarahkan pada pengajaran bahasa Melayu yang progresif melalui pantun. Metodologi yang diusulkan membantu memberikan pemahaman dasar tentang pantun empat baris kepada siswa bahasa asing. Pendekatan ini memiliki dua siswa non-native bahasa Melayu di NUS untuk menghasilkan pantun empat baris sebagai bahagian dari penilaian lisan dalam pembelajaran *online* melalui *Zoom*. Hasil ini dianggap sebagai bukti keberhasilan pembelajaran teradun dalam pengajaran bahasa Melayu sebagai bahasa asing. Pendekatan pedagogi. Pengajaran nama fauna. Mahasiswa diajarkan pelbagai nama tumbuh-tumbuhan untuk meningkatkan kosa kata fauna dalam pantun, serta penguasaan

kata benda khusus bahasa Melayu. Onomatopoeia Bahasa Melayu. Pengajaran onomatopoeia digunakan dalam pantun untuk membangkitkan kesedaran akan naluri bahasa Melayu pada siswa. Klip video interaksi sosial. Klip video yang menunjukkan praktik berbalas pantun membantu siswa memahami dan mengapresiasi tradisi pantun dalam kehidupan sehari-hari penutur asli. Kesimpulannya, Pedagogi yang diterapkan terbukti efektif dalam membantu siswa menciptakan pantun dan dianjurkan sebagai *metode* pengajaran teradun yang efektif. Pendekatan ini menggabungkan elemen budaya dan bahasa, memupuk keterampilan kreatif serta pemahaman lebih dalam tentang budaya Melayu melalui pantun. Artikel ini juga mencatat pentingnya pantun dalam kehidupan sehari-hari dan upacara rasmi masyarakat Melayu, menjadikannya alat pendidikan yang kaya akan nilai budaya dan linguistik.

Berdasarkan kajian yang telah dihasilkan yang bertajuk *Implementation Of Selected Theories For The Research Of Pantun In Malay Language Education*, Ahmad Fikri Ab Rahman pada tahun 2022 membincangkan berkenaan pantun merupakan salah satu puisi tertua dalam kesusasteraan Melayu. Kajian pantun dari perspektif linguistik dan semantik telah dilakukan menggunakan analisis teks kualitatif. Namun, kajian pantun dalam pendidikan bahasa Melayu dengan pendekatan lain masih terhad. Oleh itu, Teori Konstruktivis Sosial dan Teori Puitika Sastera Melayu dibincangkan dalam kertas konsep ini sebagai teori yang sesuai untuk kajian pantun dalam pendidikan bahasa Melayu. Penyelidik disarankan menggunakan teori-teori ini melalui pendekatan *Design and Development Research (DDR)* untuk mencipta model, panduan, rangka kerja,

instrumen, dan inovasi produk bagi pendidikan pantun dalam bahasa Melayu. Pantun adalah puisi tradisional Melayu yang terdiri daripada pembayang dan maksud dalam empat baris. Dua baris pertama (pembayang) mengandungi unsur alam dan kehidupan manusia sebagai petunjuk, manakala dua baris terakhir (maksud) menggambarkan nasihat, sindiran, jenaka, atau mesej. Keindahan pantun mencerminkan kecerdikan halus masyarakat Melayu dalam berinteraksi dengan alam dan budaya sekitarnya. Pengiktirafan pantun sebagai Warisan Budaya Tidak Ketara Kemanusiaan oleh UNESCO pada tahun 2020 menunjukkan pentingnya memelihara pantun melalui pendidikan. Pantun berperanan penting dalam pendidikan untuk menanamkan nilai moral dan membentuk tingkah laku kanak-kanak. Bahasa Melayu di Malaysia telah berkembang, tetapi pantun tetap penting dalam membentuk kemahiran generasi muda melalui penghargaan estetika bahasa. Pengajaran pantun memerlukan kreativiti guru dalam mengaitkan pengetahuan terdahulu dengan puisi tradisional ini sebagai identiti Melayu. Namun, guru sering mengajar pantun berdasarkan kebijaksanaan mereka sendiri, dan pengetahuan terdahulu pelajar jarang digunakan dalam kelas. Ini menyebabkan pelajar universiti tidak menguasai pantun sepenuhnya. Oleh itu, perlu mempelbagaikan kajian pantun dalam pendidikan untuk menghasilkan produk baharu yang memberi impak positif dan memastikan kelestarian pantun. Kajian terdahulu tertumpu pada analisis teks kualitatif linguistik dan semantik pantun, serta nilai moral dan patriotisme dalam pantun. Kajian pendidikan pantun perlu diperluaskan untuk menghasilkan produk baharu yang berguna. Pendekatan DDR kini semakin banyak digunakan dalam penyelidikan untuk menghasilkan produk

penyelidikan yang sesuai untuk pendidikan, seperti model, modul, instrumen, rangka kerja, panduan, dan produk inovasi. DDR sesuai kerana ia menguji teori dan mengesahkan keberkesanan di lapangan. Oleh itu, penyelidik mesti memilih teori yang sesuai untuk menyokong kajian ini, seperti teori konstruktivis sosial dan ciri-ciri pantun dalam teori puitika Melayu, bagi menghasilkan hasil baharu untuk kelestarian pantun dalam pendidikan. Konstruktivis ditakrifkan sebagai pengetahuan yang dibina berdasarkan pengalaman dunia sebenar yang dihubungkan dengan maklumat baharu. Dixon-Krauss menyatakan bahawa konstruk berlaku apabila pelajar menghubungkan maklumat baharu dengan pengetahuan terdahulu. Bruner menekankan bahawa pembelajaran aktif berlaku apabila pelajar membina pengetahuan baharu berdasarkan pengetahuan semasa dan sebelumnya. Konstruktivis bukanlah proses pembelajaran linear kerana pengajaran dan pembelajaran berkait rapat dengan individu di sekeliling mereka. Guru harus merancang hubungan antara pengetahuan sedia ada dan maklumat baharu menggunakan corak pengajaran yang mempertimbangkan ruang perkembangan proksimal (ZPD). Zon perkembangan proksimal. Vygotsky menekankan interaksi sebagai faktor kritikal dalam perkembangan pembelajaran kanak-kanak. Interaksi sosial menjadikan manusia mengubah fungsi mental dari semasa ke semasa berdasarkan potensi mereka. ZPD adalah zon antara maklumat yang dimiliki oleh kanak-kanak dan maklumat yang mereka akan perolehi melalui bimbingan. Untuk memaksimumkan ZPD, guru mesti merancang aktiviti aktif yang berpusatkan pelajar dan menyeronokkan dengan menggunakan alat bantu mengajar yang sesuai dan mengambil kira pengetahuan terdahulu pelajar.

Scaffolding. Wood, Bruner dan Ros mendefinisikan *scaffolding* sebagai peranan orang dewasa dalam membimbing kanak-kanak yang pada mulanya melebihi kebolehan mereka, membolehkan kanak-kanak menumpukan perhatian dan menyelesaikan masalah berdasarkan kemampuan mereka. Proses *scaffolding* melibatkan tiga prinsip, kontingensi, pelunturan, dan tanggungjawab. Guru mesti merancang aktiviti yang sesuai dengan pengetahuan terdahulu pelajar, mengurangkan bantuan secara beransur-ansur, dan menyesuaikan bimbingan berdasarkan tahap perkembangan dan penguasaan pelajar.

Berdasarkan kajian yang telah dihasilkan yang bertajuk *Pantun, kata dan bunyi membentuk makna*, Lokman Abdul Samad pada tahun 2018 membincangkan tentang pantun ialah satu bentuk puisi lisan Melayu yang kaya dengan bahasa yang indah, makna yang mendalam dan nilai budaya yang tinggi. Ia dicipta untuk pelbagai tujuan seperti sindiran, memberi nasihat, menyatakan cinta dan sebagainya, dan digunakan dalam pelbagai situasi komunikasi, baik formal mahupun tidak formal. Struktur pantun yang terdiri daripada gambaran dan makna, penggunaan kata yang sesuai, dan irama yang harmoni menjadikan pantun sebagai alat sebutan yang indah dan di ingati. Pantun terdiri daripada dua bahagian iaitu gambaran dan makna yang mempunyai hubungan yang rapat dari segi bunyi dan makna. Pemilihan perkataan yang betul dalam pantun adalah penting bagi memastikan mesej yang disampaikan dapat difahami dengan baik. Pantun menekankan penggunaan bahasa yang indah dan bermakna. Irama dan rentak dalam rima memberikan kesan yang harmoni dan

merdu kepada pendengar. Bunyi dalam rima memainkan peranan penting dalam membentuk struktur dan keindahan rima. Kesimpulannya, pantun merupakan warisan budaya yang harus dipelihara dan dihayati kerana keindahannya yang unik dan makna yang mendalam. Ia bukan sekadar puisi, tetapi juga mencerminkan kebijaksanaan, kehalusan dan keindahan budaya Melayu. Kajian pantun yang lebih mendalam dan meluas akan terus menambah nilai kekayaan ilmu dan warisan budaya Melayu.



2.3.3 Buku

Berdasarkan buku yang telah dihasilkan yang bertajuk *Siri Ilmiah APM-ITBM: Simbol Dan Makna Dalam Pantun Melayu*, Eizah Mat Hussain pada tahun 2019 membincangkan tentang analisis pantun menggunakan pendekatan Puitika Sastera Melayu yang diperkenalkan oleh Dr. Muhammad Haji Salleh menekankan dua ciri utama keindahan pantun, dunia yang dipadatkan serta kiasan dan saranan. Melalui analisis terhadap simbol tumbuhan dan haiwan dalam pantun, terbukti bahawa simbol-simbol ini memainkan peranan penting dalam menzahirkan keindahan dan makna pantun Melayu. Dunia yang dipadatkan. Pantun mampu memadatkan dunia nyata ke dalam rangkap-rangkap yang ringkas, menggambarkan keseluruhan kehidupan melalui simbol-simbol sederhana. Simbol tumbuhan dan haiwan sering digunakan untuk melambangkan pelbagai aspek kehidupan dan emosi manusia, menjadikan pantun kaya dengan makna yang tersurat dan tersirat. Pendekatan Puitika Sastera Melayu membuktikan bahawa simbol dalam pantun, khususnya tumbuhan dan haiwan, memainkan peranan penting dalam mencerminkan nilai estetika dan makna budaya. Analisis yang lebih mendalam dan meluas terhadap simbol-simbol ini akan terus mengukuhkan kedudukan pantun sebagai warisan sastera yang unggul dan berharga dalam budaya Melayu.

Berdasarkan buku yang telah dihasilkan yang bertajuk *The Learning Cell Dalam Pembelajaran Menulis Pantun*, Dra Wiji Astuti pada tahun 2021 membincangkan tentang masalah dalam menulis sering kali berkait erat dengan

masalah komunikasi bahasa. Bahasa memainkan peranan penting dalam hidup manusia, menjadi medium untuk mengerti, memahami, menikmati, mengawal, mengembangkan, dan menciptakan dunia kehidupan. Dalam konteks pendidikan, pengajaran menulis dapat membantu siswa mengembangkan kemampuan berbahasa mereka secara kreatif, memperluas wawasan, dan menjadikan hidup mereka lebih bermakna. Kaedah sel pembelajaran boleh digunakan untuk meningkatkan kemahiran menulis pantun murid. Kaedah ini membantu dalam melatih dan memotivasikan pelajar, serta menyatakan imaginasi mereka. Mengajar menulis pantun memerlukan kaedah yang lebih berkesan daripada hanya membaca skrip pantun. Dengan menggunakan kaedah *The Learning Cell*, guru boleh membantu pelajar mengembangkan kemahiran menulis pantun, memotivasikan mereka, dan meluahkan imaginasi mereka dengan lebih baik, seterusnya menghasilkan karya pantun yang lebih berkualiti.

Berdasarkan buku yang telah dihasilkan yang bertajuk *Akal Budi Melayu Dalam Pantun & Sajak*, Aminudin Mansor pada tahun 2015 membincangkan tentang sastera memainkan peranan penting dalam pembentukan tamadun negara dengan menyumbang kepada perkembangan budaya agung. Menunjukkan pandangan yang jelas, mengekalkan kehalusan seni, menggabungkan pemandangan semula jadi, dan mempunyai aspirasi seni yang tinggi. Sastera juga perlu analitikal dalam menerokai kemanusiaan, menghayati perjuangan jiwa dan emosi watak, serta menggunakan gaya bahasa yang mahir. Mempelajari budaya Melayu adalah penting kerana pembentukan tamadun bermula daripada budaya. Oleh itu, penulisan tentang akal perlu dilakukan secara berterusan, dan pendidikan mengenainya mesti bermula di

sekolah. Falsafah pemikiran intelek boleh dilihat dalam sajak dan puisi yang membantu meningkatkan kekuatan rohani, intelek, emosi dan mengawal hubungan dengan orang lain. Sastera perlu diajar, dipelajari dan dimanfaatkan dalam era globalisasi untuk membentuk masyarakat yang rasional. Konsep akal yang ditekankan dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) dapat meningkatkan pemikiran pelajar melalui kemahiran berbahasa, melahirkan pelajar yang kreatif dan kritis, serta membantu mereka menguruskan emosi serta mengatasi ancaman gejala negatif. Oleh itu, pendidikan dan pengajian sastera penting dalam membangunkan minda manusia.

Berdasarkan kajian yang telah dihasilkan yang bertajuk *Khazanah Pantun Dan Syair*, Sulaiman Zakaria pada tahun 2013 membincangkan tentang pantun dan syair adalah dua bentuk puisi lama yang semakin dilupakan akibat perubahan zaman. Keadaan ini sepatutnya tidak terjadi jika semua pihak menyedari pentingnya menjaga warisan bangsa. Menulis semula pantun tradisional merupakan usaha penting dalam mengekalkan warisan budaya Melayu. Selain itu, penulisan pantun moden dapat menunjukkan cara pantun boleh terus dikekalkan dan relevan. Pantun tradisional adalah refleksi dari masyarakat Melayu lama. Pantun menjelaskan unsur-unsur budaya dan ciri-ciri masyarakat pada masa lampau. Mengkaji pantun tradisional membantu memahami kehidupan dan nilai-nilai masyarakat Melayu lama. Pantun tradisional adalah refleksi dari masyarakat Melayu lama. Pantun menjelaskan unsur-unsur budaya dan ciri-ciri masyarakat pada masa lampau. Mengkaji pantun tradisional membantu memahami kehidupan dan nilai-nilai masyarakat Melayu lama.

Berdasarkan buku yang telah dihasilkan yang bertajuk *Mutiara Pantun Melayu*, Zurinah Hassan pada tahun 2023 membincangkan tentang untuk memberi panduan kepada peminat- peminat pantun agar dapat menghasilkan pantun- pantun yang mempunyai nilai estetika. Buku ini juga dapat dijadikan panduan dan rujukan tambahan dalam pembelajaran puisi, termasuk di sekolah-sekolah hingga ke universiti di dalam dan di luar negara. Mendalami penulisan pantun dapat membantu seseorang dalam menulis puisi moden atau sajak kerana pantun mendekatkan dengan perlambangan dan pengucapan yang berima, menambah nilai puitis sesebuah puisi. Buku ini dibahagikan kepada dua bahagian. Bahagian pertama merangkumi pengenalan kepada pantun, penjelasan tentang ciri-ciri pantun, dan bimbingan untuk mengarang pantun. Pembinaan pembayang dalam pantun diberi tumpuan kerana ia tidak hanya untuk mendapatkan rima, tetapi juga padanan makna dan suasana dengan maksud. Unsur alam sering digunakan untuk membina makna dan suasana dalam pantun. Pantun juga mengandungi pemikiran dan nasihat untuk kebaikan bangsa. Dalam bahagian pertama, terdapat pantun-pantun tradisi yang terkenal dalam masyarakat tempatan dan antarabangsa. Peminat pantun perlu mendekati pantun-pantun tradisi untuk memahami penggunaan unsur alam dan nilai-nilai estetika dalam pantun tersebut. Pantun tradisi menekankan bahasa lama yang menggambarkan budaya tempatan dan tutur kata yang sopan. Nilai-nilai estetika dalam pantun tradisi perlu dipelajari untuk mencipta pantun-pantun semasa yang bermutu. Bahagian kedua mengandungi pantun-pantun karya kreatif penulis sendiri, Pantun-pantun ini merangkumi pantun nasihat, keagamaan, resam manusia, keindahan tempat, hubungan kasih sayang, nilai remaja, serta

pantun untuk pengantin baharu yang sesuai untuk majlis perkahwinan. Buku ini juga menunjukkan bagaimana pantun tetap relevan dalam era mutakhir dan dunia siber dengan contoh-contoh pantun dari hantaran di *Facebook* yang membuktikan perkembangan pantun dalam konteks globalisasi dan media baharu.



UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

2.3 Sorotan Kajian Lepas Mengenai *Tik Tok*

2.3.1 Tesis

Berdasarkan kajian yang telah dihasilkan yang bertajuk *Aplikasi TikTok Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Kesusasteraan Melayu*, Ena wasli pada tahun 2023 membincangkan tentang proses pengajaran dan pembelajaran telah mengalami banyak perubahan seiring perkembangan teknologi. Media sosial, termasuk aplikasi *TikTok*, kini menjadi sebahagian penting dalam rutin harian pelajar kerana daya tarikannya yang besar. Guru boleh memanfaatkan *TikTok* sebagai media pembelajaran yang inovatif dan interaktif untuk menarik minat dan meningkatkan motivasi pelajar dalam pembelajaran Kesusasteraan Melayu. Kajian ini bertujuan melihat bagaimana penggunaan aplikasi *TikTok* dengan fitur-fitur menariknya dapat meningkatkan daya kreativiti pelajar serta minat dan motivasi mereka dalam pembelajaran Kesusasteraan Melayu. Proses pengajaran dan pembelajaran telah berubah seiring perkembangan teknologi yang menyediakan pelbagai kemudahan, termasuk sumber percuma di internet. Sumber-sumber ini, seperti aplikasi *TikTok*, *Instagram*, *VivaVideo*, *Kahoot!*, *Powtoon*, dan *Canva*, sangat membantu dalam meningkatkan kemahiran pelajar melalui pengajaran berbantuan multimedia. Aplikasi-aplikasi ini memudahkan guru dan pelajar untuk berinovasi dan berkreatif dalam pengajaran dan pembelajaran. Aplikasi ini mempunyai pelbagai fitur yang menarik, seperti pilihan muzik, efek khas, dan kemampuan mengedit video, menjadikannya alat yang sangat kreatif dan berguna dalam pengajaran. Dengan

menggunakan *TikTok*, guru boleh membuat pembelajaran lebih interaktif dan menyeronokkan, menarik minat pelajar serta meningkatkan motivasi mereka untuk belajar. *TikTok* membolehkan pelajar berinteraksi dengan guru dan rakan sekelas melalui video, menjadikannya platform yang sesuai untuk pembelajaran dalam era digital. Penggunaan aplikasi *TikTok* dalam pengajaran dan pembelajaran Kesusasteraan Melayu dapat meningkatkan kreativiti, minat, dan motivasi pelajar. Aplikasi ini menyediakan platform yang interaktif dan menyeronokkan, memudahkan guru dan pelajar untuk berinovasi dalam pembelajaran. Dengan teknologi yang semakin canggih, penggunaan media sosial seperti *TikTok* dalam pendidikan adalah langkah yang relevan dan berkesan untuk menarik minat pelajar generasi kini.

Berdasarkan kajian yang telah dihasilkan yang bertajuk *Memenangi Hati Dan Minda Pengundi Muda: Tiktok Sebagai Platform Komunikasi Politik*, Faizal Kasmani pada tahun 2022 membincangkan tentang *TikTok*, yang diperkenalkan pada 2016, telah berkembang dari sekadar platform hiburan kepada medium penting dalam ekosistem media. Platform ini popular di kalangan golongan muda untuk berhibur, mendapatkan maklumat, dan bertukar pandangan. Kajian Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) mendapati *TikTok* menjadi saluran utama bagi bakal pengundi berumur 18 tahun untuk mendapatkan maklumat politik (26.3%), diikuti oleh *Instagram* (22.2%) dan *Facebook* (17.3%). Pengundi muda ini dianggap sebagai '*King makers*' dalam Pilihan Raya Umum ke-15, terutama dengan pelaksanaan pendaftaran pemilih automatik dan kelayakan mengundi pada usia 18 tahun, yang menambah 5.8 juta pengundi

baru. Oleh itu, organisasi politik dan calon pilihanraya perlu memanfaatkan *TikTok* untuk menarik minat pengundi muda. Namun, *TikTok* seperti platform media sosial lain, boleh membawa kebaikan dan keburukan. Kandungan politik yang terlalu cetek atau berbentuk hiburan semata-mata boleh memakan diri calon. Kandungan digital bersifat transmedia, tersebar di pelbagai platform dan media, mempengaruhi persepsi pengundi belia dan dewasa. Dengan pendedahan lebih banyak isu politik di *TikTok*, diharapkan lebih ramai golongan muda akan turun mengundi. Walaupun kebanyakan pengundi kali pertama mungkin tidak berminat dalam politik, pendedahan melalui media sosial dapat menarik perhatian mereka untuk lebih cakna terhadap isu politik tanah air dan menjalankan tanggungjawab mengundi.

Berdasarkan kajian yang telah dihasilkan yang bertajuk *Researching TikTok: Themes, Methods, and Future Directions*, Alex Miltsov pada tahun 2022 membincangkan tentang penelitian oleh Alex Miltsov, yang dimuat dalam *The SAGE Handbook of Social Media Research Methods*, mengkaji *TikTok* sebagai platform media sosial yang dengan cepat menjadi salah satu aplikasi terpopuler. Penelitian ini menyoroti tema-tema utama dalam *TikTok*, penelitian yang efektif, dan arah penelitian masa depan. Sikap dan pengalaman belia. *TikTok* digunakan untuk mengkaji budaya belia, sikap sosial dan politik. Kajian menunjukkan bahawa *TikTok* menjadi saluran penting untuk remaja menyuarakan pendapat dan membentuk identiti mereka. Beberapa kajian membandingkan *TikTok* dengan platform lain seperti *Facebook*, *Instagram* dan *YouTube* untuk meneroka kesan sosial dan budaya penggunaan media sosial.

Kajian ini menyerlahkan cara ciri unik *TikTok*, seperti algoritma pengesyoran, alat penyuntingan dan penglibatan pengguna, mencipta pengalaman digital yang unik dan kesan sosial yang ketara. Kajian ini memberi sumbangan penting untuk memahami cara *TikTok* boleh digunakan untuk penyelidikan saintifik sosial, serta menunjukkan potensi platform ini untuk penyelidikan media digital.

Berdasarkan kajian yang telah dihasilkan yang bertajuk *Understanding Tiktok Usage: Communication Strategy Of Bytedance Based On The Background Of New Media*, Xiaoci Fan, Jinchun Luo, Xiaojia Wang pada tahun 2023 membincangkan tentang mengkaji cara golongan muda menggunakan *TikTok*. Penilaian motivasi dan interaksi pengguna, serta keupayaan platform *TikTok* untuk memudahkan aktiviti telah dijalankan menggunakan teknik *walkthrough* dan temu bual tidak berstruktur. Penyelidikan ini mencadangkan bahawa walaupun gangguan dan peningkatan *mood* adalah motivasi utama untuk penggunaan media sosial, menegaskan diri yang tersembunyi dan berhubung dengan rakan adalah punca kedua. Menurut penemuan penyelidikan, *TikTok*, platform yang meraikan pengalaman kehidupan sebenar manusia, memberi inspirasi kepada kreativiti pengguna dengan menyediakan antara muka pengguna yang intuitif, mudah digunakan, serta alat penyuntingan yang kaya dengan ciri dan mesra pengguna. *TikTok*, platform rangkaian sosial perkongsian video yang dimiliki dan dikendalikan oleh *ByteDance*, telah menjadi salah satu platform video pendek penyertaan paling popular di *China*. Penyelidikan ini merangkumi konteks sejarah *TikTok* dan rangka kerja teorinya. Beberapa kajian

terdahulu telah dijalankan mengenai penggunaan *TikTok* dan kesannya, dengan tumpuan pada motivasi pengguna, interaksi sosial dan kaitannya dengan ketagihan. Penyelidikan ini memberikan pemahaman yang mendalam tentang cara belia menggunakan *TikTok* dan implikasinya terhadap komunikasi strategi *ByteDance*.

Berdasarkan kajian yang telah dihasilkan yang bertajuk *Research on the Marketing Strategy of Tik Tok*, Ningzi Sun pada tahun 2024 membincangkan tentang penyelidikan oleh Ningzi Sun dari King's College London meneroka strategi pemasaran *TikTok* dan kesannya di dalam negara di *China* serta antarabangsa. *TikTok*, aplikasi yang menggabungkan kecerdasan buatan dengan internet mudah alih, telah mengubah cara orang ramai menerima maklumat dan menjadi fenomena global dengan lebih daripada 1 bilion muat turun pada 2019. *TikTok* telah mempengaruhi cara hiburan dan penggunaan tradisional, membawa perubahan besar dalam cara maklumat diterima oleh masyarakat. Penyelidikan sebelumnya telah menyerlahkan cara *TikTok* memasarkan dirinya sendiri di pasaran *China* dan antarabangsa, termasuk cara aplikasi itu menyepadukan penstriman langsung untuk menjual barangan. Penyelidikan ini bertujuan untuk menganalisis kejayaan *TikTok* dari segi kecekapan, harga dan strategi pembangunan antarabangsa serta perkara yang perlu diperbaiki. Walaupun mekanisme pengesyoran video pintar *TikTok* telah menarik ramai pengguna, kualiti videonya telah mencetuskan tentangan daripada sesetengah pihak. *TikTok* menggunakan algoritma kecerdasan buatan untuk mengesyorkan video yang disesuaikan dengan pilihan pengguna, meningkatkan penglibatan

merentasi kumpulan umur. *AI* juga membantu pengguna dalam penghasilan video dengan menyediakan alat penyuntingan yang mudah digunakan. Penyelidikan ini memberikan pandangan yang mendalam tentang strategi pemasaran *TikTok* dan cabaran yang dihadapinya, serta menawarkan cadangan untuk penambahbaikan pada masa hadapan.



2.3.2 Artikel Jurnal

Berdasarkan kajian yang telah dihasilkan yang bertajuk *Pengaruh Tiktok Terhadap Mahasiswa Malaysia Dalam Pilihanraya Umum-15 (Pru 15)*, Fairuz Binti Ramli, Nurmunirah Binti Azami & Ruqaiyah Binti Ab Rahim pada tahun 2023 membincangkan tentang pengaruh *TikTok* terhadap mahasiswa malaysia dalam pilihanraya umum-15. Kajian ini meneliti hubungan antara politik dan media sosial, khususnya *TikTok*, dengan fokus kepada generasi muda Malaysia, terutamanya pelajar universiti. *TikTok*, walaupun lebih dikenali sebagai platform hiburan, telah menjadi medium penting dalam penyebaran maklumat politik. Penyelidikan ini bertujuan mengisi jurang literatur mengenai peranan *TikTok* dalam mempengaruhi pengundi muda pada Pilihan Raya Umum Ke-15 (PRU-15) tahun 2022. Kajian ini menggunakan tinjauan dalam talian yang diedarkan kepada pengundi muda dari UNITAR dan UiTM Johor, dengan data dikumpulkan dalam tempoh empat minggu dan dianalisis menggunakan SPSS ver. 28. Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif dengan fokus pada analisis deskriptif. Hasil kajian menunjukkan bahawa pengundi muda terlibat secara aktif dalam politik dan penggunaan *TikTok* dalam kempen politik memberi kesan positif kepada keputusan mereka. *TikTok* digunakan untuk menyampaikan maklumat politik seperti mesej dari penyokong dan manifesto parti politik. Kajian menunjukkan bahawa pengundi muda di Malaysia lebih cenderung menggunakan *TikTok* untuk mendapatkan maklumat politik

berbanding platform lain seperti *Facebook* dan *Twitter*. Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) mencatatkan 4 juta pengundi kali pertama berumur 18 hingga 21 tahun dalam PRU15, dengan pengguna *TikTok* di Malaysia mencapai 14.4 juta. Penggunaan *TikTok* yang tinggi di kalangan golongan muda ini menunjukkan pengaruh signifikan platform tersebut terhadap pilihan politik mereka. Kajian juga menunjukkan bahawa terdapat peningkatan kesedaran dan penglibatan politik di kalangan mahasiswa yang menggunakan *TikTok*. Walaupun terdapat kajian yang menunjukkan hubungan positif antara penggunaan media sosial dan penyertaan politik, terdapat jurang dalam memahami bagaimana kekerapan kandungan politik di *TikTok* mempengaruhi pilihan pengundi. Kajian ini menyarankan bahawa ahli politik perlu bijak menggunakan media sosial, khususnya *TikTok*, untuk menarik perhatian pengundi muda. *TikTok* sebagai medium agenda politik perlu digunakan dengan strategi yang tepat untuk mempengaruhi dan meningkatkan kesedaran politik dalam kalangan pengundi muda. Kesimpulannya, *TikTok* telah menjadi platform penting dalam kempen politik, khususnya untuk menarik pengundi muda. Penggunaan yang strategik dan efektif dapat meningkatkan kesedaran dan penyertaan politik, serta mempengaruhi keputusan pengundian mereka pada PRU15.

Berdasarkan kajian yang telah dihasilkan yang bertajuk *Impak Penggunaan Aplikasi TikTok Terhadap Gaya Hidup Pelajar Uthm Pagoh*, Arwansyah Kirin pada tahun 2023 membincangkan tentang impak aplikasi *TikTok* terhadap gaya hidup pelajar di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) Kampus

Pagoh. *TikTok*, aplikasi media sosial yang sangat popular, mempengaruhi pelajar dalam pelbagai cara, baik positif mahupun negatif. Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif dengan melibatkan 107 pelajar UTHM Kampus Pagoh sebagai sampel. Instrumen kajian ialah soal selidik yang mengandungi 31 item dengan skala likert. Data dianalisis menggunakan skor min, sisihan piawaian, dan ujian khi kuasa dua untuk melihat perbezaan impak berdasarkan tempoh dan kekerapan penggunaan *TikTok*. Impak negatif, pembaziran masa. Pelajar menghabiskan banyak masa melayari kandungan *TikTok*, yang boleh mengganggu waktu belajar dan aktiviti lain yang produktif. Selain itu, *stress*. Terlalu terdedah kepada video dan gambar yang tidak bermoral boleh menyebabkan stres dan gangguan mental. Impak positif. Pengembangan bakat. *TikTok* menyediakan platform untuk pelajar menonjolkan bakat mereka dalam bidang seperti tarian, nyanyian, dan kreativiti video. Akses mudah untuk pembelajaran. Banyak kandungan pendidikan di *TikTok* membantu pelajar dalam pembelajaran. Perbezaan berdasarkan tempoh penggunaan. Analisis khi kuasa dua menunjukkan terdapat perbezaan signifikan dalam impak *TikTok* terhadap gaya hidup pelajar berdasarkan tempoh dan kekerapan penggunaan aplikasi tersebut. Pelajar yang menggunakan *TikTok* dalam jangka masa yang lebih panjang menunjukkan impak yang lebih signifikan, baik dari segi positif mahupun negatif..

Berdasarkan kajian yang telah dihasilkan yang bertajuk *The Development of TikTok's Global Market*, Yuchen Ren, Mingyang Fan pada tahun 2021 membincangkan tentang *TikTok* telah mencipta kegilaan di seluruh dunia dan menjadi salah satu platform media sosial yang paling popular dan berjaya. Kejayaan *TikTok* dapat dicapai kerana algoritmanya yang kuat. Kajian ini menggabungkan pengetahuan Analitik Perniagaan dan Ekonomi untuk mengukur bagaimana *TikTok* telah membangunkan pasaran globalnya dengan menggunakan data statistik. Kajian ini mengumpulkan dan menganalisis pengalaman pengguna melalui tinjauan soal selidik. Mendapati bahawa algoritma *TikTok* mengintegrasikan Ukuran Nilai Pelanggan (*Customer Value Measures- CVM*) untuk mengekalkan pangkalan pelanggan yang luas, mengembang secara global. Ukuran Nilai Pelanggan (CVM) boleh ditafsirkan dari perspektif perniagaan dan pelanggan. Untuk perniagaan, CVM menunjukkan nilai yang dibawa oleh pelanggan berdasarkan keuntungan yang mereka jana. Bagi pelanggan, CVM mewakili nilai produk atau perkhidmatan, terutamanya cara mereka mewujudkan ikatan emosi dengan perniagaan. Kejayaan *TikTok* dalam pasaran global boleh dikaitkan dengan algoritma canggihnya, yang menyepadukan CVM untuk mengekalkan pangkalan pelanggan yang luas dan meluaskan jangkauannya. Dengan terus meningkatkan sistem pengesyorannya dan meneroka perkongsian dengan industri lain, *TikTok* boleh meningkatkan lagi nilai komersil dan impaknya kepada ekonomi global.

Berdasarkan kajian yang telah dihasilkan yang bertajuk *Understanding Young Adults' TikTok Usage*, Yuxin Yang pada tahun 2020 membincangkan tentang *TikTok* ialah perkhidmatan rangkaian sosial perkongsian video yang dimiliki oleh *ByteDance* yang, menurut laman webnya, bertujuan untuk "memberi inspirasi kepada kreativiti" kepada pengguna dan "membawa kegembiraan" kepada mereka (*TikTok - Real Short Videos, 2020*). Ia adalah platform kandungan jana pengguna (UGC), di mana kandungan dijana oleh pengguna, bukan oleh syarikat. Aplikasi ini, yang boleh diakses melalui telefon mudah alih, membolehkan pengguna membuat video segerak bibir pendek, menari, permainan, DIY, makanan, dalam 3 hingga 15 saat atau 3 hingga 60 saat. Selain daripada pendapatan video, pengguna juga berinteraksi dengan *TikTok* dengan menonton, berkongsi dan menyemak video yang dibuat oleh pengguna lain. Antara pelbagai interaksi pengguna, *meme*, adunan semula dan tafsiran semula frasa, jalan cerita dan lagu yang popular, serta unsur formula lain, sering digunakan untuk mencerminkan pemikiran dan budaya pengguna, yang serupa dengan amalan *meme* yang dibincangkan oleh Ryan Miller pada yang lain.

platform media sosial (2018). Melalui proses menghasilkan kandungan video secara berterusan, sesetengah pengguna secara beransur-ansur memperoleh lebih ramai pengikut atau pengiktirafan daripada komuniti. Pengguna yang diiktiraf oleh komuniti ini dipanggil "selebriti mikro" atau "pengaruh". Walaupun *TikTok* baru wujud selama tiga tahun, terdapat banyak kajian akademik mengenainya. Penyelidik pengalaman pengguna seperti Qiyang Zhou meneliti tingkah laku pengguna berhubung dengan antara muka pengguna *TikTok*. Menggunakan kaedah seperti analisis kandungan, temu bual dan analisis regresi untuk memeriksa amalan kreatif pengguna, Zhou mendapati bahawa pengguna di *TikTok* lebih berkemungkinan mencipta dan memuat naik kandungan di *TikTok* berbanding platform lain dan lebih cenderung untuk menyalin, mengulangi dan meniru. kandungan yang mereka cipta dijana oleh orang lain yang mungkin dipengaruhi oleh fungsi reka bentuk yang dimaksudkan *TikTok*. Beliau juga mendapati bahawa bilangan pengikut yang dimiliki oleh pengguna tidak dikaitkan dengan reaksi dan ganjaran yang diterima oleh pengguna. Oleh itu, pengedaran kandungan di *TikTok* cenderung menjadi platform UGC yang terdesentralisasi (platform jana pengguna yang mengesyorkan kandungan kepada pengguna bukan berdasarkan suka dan komen video) (2019). Walaupun penemuannya mengenai antara muka pengguna *TikTok* adalah luas, dalam pendekatan penyelidikan melalui reka bentuknya, Zhou tidak meneroka dan menerangkan motivasi mendalam di sebalik tingkah laku pengguna. Berikutan penemuannya, yang dijalankan dari perspektif kajian budaya, akan berusaha untuk menemui punca tertanam tingkah laku pengguna. Dalam bidang komunikasi, *Simsek et al.* meneliti *musical.ly*,

aplikasi yang kemudiannya diperoleh oleh *ByteDance* pada 2017 dan digabungkan dengan *TikTok*. Mereka meneliti kandungan yang dihasilkan oleh gadis remaja berhubung dengan inspirasi dan aspirasi *mikrocelebrity*. Mereka mendapati bahawa remaja perempuan dalam kajian mengambil kira wajah (penampilan), status (kedudukan saudara dalam komuniti).

Berdasarkan kajian yang telah dihasilkan yang bertajuk *Research on the Causes of the “Tik Tok” App Becoming Popular and the Existing Problems*, Li Xu pada tahun 2019 membincangkan tentang perkembangan pesat terminal pintar dan internet mudah alih telah mengubah cara orang ramai berinteraksi dan berkongsi kehidupan mereka. Platform video pendek, kerana kandungannya yang kaya dan ekspresi diperibadikan, telah mendapat populariti yang besar dalam kalangan netizen. Menurut Laporan Penyelidikan Industri Video Pendek China 2017 oleh *Ai Media Consulting*, saiz pasaran industri video pendek *China* mencecah 5.73 bilion yuan pada 2017, dengan unjuran melebihi 30 bilion yuan menjelang 2020. Dalam konteks ini, *TikTok* (dikenali sebagai *Douyin* dalam *China*), aplikasi sosial video pendek berfokuskan muzik yang dilancarkan pada September 2016, muncul sebagai pemain dominan menjelang 2017. Kertas kerja ini mengkaji faktor yang menyumbang kepada populariti *TikTok*, serta cabaran sedia ada dalam pengurusan kandungan dan strategi pengewangannya. Pengewangan *TikTok* bergantung terutamanya pada pengiklanan dan e-dagang, dengan kejayaan terhad dalam pembayaran kandungan.

2.3.3 Buku

Berdasarkan kajian yang telah dihasilkan yang bertajuk *The Art of Tiktok Marketing* oleh Ali Imran Haizad, Mohd Firdaus Jailan pada tahun 2023 membincangkan tentang memahami cara membangun *personal branding*, menjalankan kempen pemasaran, menyampaikan dakwah, dan mempromosikan produk serta perkhidmatan melalui platform media sosial seperti *TikTok*. Di dalam buku ini, pembaca akan mendapatkan pelbagai strategi yang efektif untuk menarik *followers* berkualiti, mengubah mereka menjadi pembeli, dan menjadikan mereka pelanggan tetap. Selain itu, buku ini tidak hanya memberi tumpuan kepada aspek-aspek teknikal yang berubah-ubah, seperti penubuhan *TikTok Shop*, *TikTok Ads*, dan suntingan video, tetapi juga memberikan akses kepada informasi teknikal tersebut melalui kod QR yang disediakan di dalam buku. Buku ini juga hasil daripada kajian mendalam dan temu bual dengan pakar-pakar *TikTok* terkemuka, seperti Bro Safuan, Farhan Rahmat, Azmi Jamaluddin, Tuan Haz, dan lain-lain. Strategi yang diperkenalkan di dalam buku ini tidak hanya terhad kepada aplikasi *TikTok* sahaja, tetapi juga boleh diaplikasikan pada platform media sosial lain seperti *Facebook*, *Instagram*, dan *YouTube*. Dalam era digital yang semakin berkembang, kepentingan *TikTok* sebagai platform pemasaran yang dinamik merupakan sumber yang berharga bagi sesiapa yang ingin menguasai pemasaran melalui platform *TikTok* dan media sosial lainnya.

Berdasarkan kajian yang telah dihasilkan yang bertajuk *A Step By Step Guide: Become Famous On Tik Tok 2020*, Daniel Lowro pada tahun 2020 membincangkan tentang mencipta kandungan yang unik dan menarik. Gunakan muzik dan kesan sohor kini tetapi tambah sentuhan peribadi anda untuk menonjolkan diri. Siarkan secara kerap untuk memastikan khalayak anda terlibat. Penyiaran yang konsisten membantu dalam mengekalkan dan mengembangkan pangkalan pengikut anda. Menyertai cabaran dan *hashtag* yang menjadi *trend*. Ini meningkatkan peluang anda untuk mendapat perhatian oleh khalayak yang lebih besar. Gunakan *hashtag* yang relevan dan popular untuk meningkatkan keterlihatan video anda. *Hashtag* membantu dalam menjangkau khalayak yang lebih luas. Balas komen, bekerjasama dengan pencipta lain dan berinteraksi dengan khalayak anda melalui sesi langsung. Membina komuniti adalah penting untuk kejayaan jangka panjang. Pastikan profil anda menarik dan jelas mewakili siapa anda. Gambar profil, bio dan tema yang konsisten boleh membuat perbezaan yang ketara.

Berdasarkan kajian yang telah dihasilkan yang bertajuk *How to Become Famous on Tik Tok*, Nina Ullman pada tahun 2019 membincangkan tentang *TikTok* merupakan aplikasi penciptaan dan perkongsian video yang dilancarkan pada 2017. Pelancaran platform media sosial baharu ini mendapat sambutan yang luar biasa pantas terutama dalam kalangan pengguna internet yang berusia remaja. Dengan lebih daripada satu bilion muat turun aplikasi Android,

ekosistem *TikTok* adalah luas, pelbagai dan, bagi kebanyakan pengguna, laluan kepada kemasyhuran dan kekayaan. Tetapi bagaimana untuk mencapai kekayaan ini untuk menjadi popular dan berjaya di *TikTok* telah menjadi tugas yang sukar bagi ramai pengguna.

Berdasarkan kajian yang telah dihasilkan yang bertajuk *How To Use Tik Tok: Complete Guide For Beginners*, Cedric Collins pada tahun 2020 membincangkan tentang cara menggunakan *TikTok*, aplikasi nombor satu untuk mencipta dan berkongsi video, jangan ketinggalan dan kongsi detik kegemaran anda dengan dunia. Buku ini direka untuk memperkenalkan orang-orang yang ingin menggunakan *TikTok*, sepanjang kandungan anda akan belajar bagaimana untuk menguruskan antara muka aplikasi, setiap bahagian diterangkan dan perkara utama, bagaimana untuk mencipta kandungan anda sendiri dan berkongsi dengan orang yang anda mahukan.

Berdasarkan kajian yang telah dihasilkan yang bertajuk *Book Of 99 Ideas For Tiktok's Content*, Gadis Kenanga pada tahun 2020 membincangkan tentang 99 idea untuk kandungan *TikTok* ialah sumber yang hebat untuk pencipta kandungan yang ingin memastikan penonton mereka terlibat dan terhibur.

2.4 Sorotan Kajian Lepas Mengenai Teori Fungsionalisme

2.4.1 Tesis

Berdasarkan kajian yang telah dihasilkan yang bertajuk *Teori utama sosiologi komunikasi (fungsionalisme struktural, teori konflik, interaksi simbolik)*, Ari Cahyo Nugroho pada tahun 2021 membincangkan teori fungsionalisme struktur yang merupakan salah satu pendekatan utama dalam sosiologi komunikasi yang menekankan konsep sosial dalam masyarakat. Teori ini menyatakan bahawa masyarakat seimbang dengan setiap elemen masyarakat berperanan dalam mengekalkan kestabilannya. Emile Durkheim merupakan salah seorang tokoh utama dalam perkembangan teori ini, yang merujuk kepada idea bahawa masyarakat adalah organisma biologi yang terdiri daripada organ-organ yang bergantung antara satu sama lain untuk kelangsungan hidup. Auguste Comte dan Herbert Spencer juga memainkan peranan dalam pembangunan idea-idea fungsionalisme ini, dengan Comte memulakan refleksi tentang analogi organisma dan Spencer mengembangkan idea-idea fungsionalisme yang diperlukan. Teori Konflik pula cenderung melihat masyarakat sebagai arena konflik yang berterusan, terutamanya dalam kumpulan dan kelas. Teori ini menekankan konflik kepentingan antara pelbagai kumpulan sosial, yang boleh mempengaruhi dinamik sosial dan struktur masyarakat. Ahli teori seperti Karl Marx, Max Weber, dan Ralf Dahrendorf merupakan tokoh penting dalam perkembangan teori konflik, dengan Marx menekankan konflik kelas dalam masyarakat kapitalis. Interaksionisme Simbolik, sebagai satu lagi teori dalam

sosiologi komunikasi, melihat aktiviti manusia sebagai komunikasi dan pertukaran simbol yang bermakna. Teori ini menekankan kepentingan interaksi sosial dalam pembentukan makna dan identiti individu. Tokoh-tokoh seperti George Herbert Mead, Herbert Blumer, dan Erving Goffman adalah sebahagian daripada mereka yang mempengaruhi perkembangan teori interaksionisme simbolik. Ketiga-tiga teori ini memberikan pandangan yang berbeza tentang bagaimana masyarakat berfungsi dan bagaimana komunikasi memainkan peranan penting dalam dinamik sosial. Dengan memahami perspektif ini, kita boleh lebih memahami fenomena sosial dan mendapat gambaran yang lebih mendalam tentang hubungan antara komunikasi dan masyarakat.

Berdasarkan kajian yang telah dihasilkan yang bertajuk *Teori Fungsionalisme Dilihat Dari Sudut Pandang Antropologi*, Nadila Adha pada tahun 2005 membincangkan tentang konsep fungsionalisme dalam konteks antropologi menyatakan bahawa budaya dan masyarakat adalah sistem yang terdiri daripada bahagian-bahagian yang saling bergantung. Fungsionalisme menekankan bahawa setiap elemen dalam masyarakat mempunyai fungsi penting dalam mengekalkan kesinambungan sistem. Dalam hal ini, terdapat dua pandangan mengenai fungsi, pertama, fungsi dalam masyarakat sebagai satu unit yang tidak terpisahkan, dan kedua, fungsi budaya dalam memenuhi keperluan individu anggotanya. Tokoh yang memainkan peranan penting dalam mengembangkan teori fungsionalisme dalam antropologi ialah Bronislaw Malinowski. Malinowski menjalankan penyelidikan di Kepulauan Trobriand dan mengkaji bagaimana budaya memenuhi keperluan individu dalam

masyarakat. Dalam kajiannya, Malinowski menggunakan konsep fungsionalisme dengan melihat bagaimana pelbagai aspek budaya, seperti agama, ekonomi dan sosial, menyumbang kepada memenuhi keperluan asas individu dalam masyarakat. Ia memberi tumpuan kepada keperluan praktikal dan berfungsi individu dalam kehidupan seharian.

Berdasarkan kajian yang telah dihasilkan yang bertajuk *Pendidikan Dalam Perspektif Struktural Fungsional*, Binti Maunah pada tahun 2016 membincangkan tentang kedudukan pendidikan dari perspektif fungsional-struktur. Pengkaji menilai dan membandingkan pelbagai literatur, termasuk sumber empirikal daripada penyelidikan, sebagai dokumen untuk semakan. Data primer diperoleh daripada carian literatur terkini pada Disember 2015. Data telah disahkan dan dibincangkan dalam perbincangan meja bulat dan sesi taklimat rakan sebaya yang melibatkan pasukan guru Islam. Semakan dibuat selepas perbincangan meja bulat, memasukkan komen dan cadangan daripada forum. Dapatan atau analisis menunjukkan bahawa teori fungsional-struktur menumpukan kepada integrasi sosial, kestabilan sosial, nilai yang menekankan perspektif keharmonian dan keseimbangan, dan pendidikan dalam perspektif fungsional-struktur adalah digalakkan selaras dengan keharmonian sosial, kesaksamaan, dan permuafakatan dalam kalangan masyarakat untuk mengubah nilai sosial. Kaitan antara fungsionalisme dan strukturalisme ialah kedua-duanya adalah pendekatan teori dalam sains sosial yang menekankan struktur dan fungsi dalam masyarakat. Namun, strukturalisme lebih menitikberatkan analisis struktur sosial dan simbolik, manakala fungsionalisme

lebih menumpukan kepada fungsi dan sumbangan pelbagai aspek budaya dalam mengekalkan kestabilan masyarakat.

Berdasarkan kajian yang telah dihasilkan yang bertajuk *Formulasi Teori Fungsionalisme Struktural Talcott Parsons*, Akhmad Rizqi Turama pada tahun 2020 membincangkan tentang rumusan teori fungsionalisme Struktur oleh Talcott Parsons merupakan sumbangan penting kepada perkembangan teori sosiologi. Pendekatan ini melihat masyarakat sebagai sistem bersepadu secara fungsional dalam beberapa bentuk keseimbangan, sama seperti pandangan organisma biologi. Pengaruh pemikiran Herbert Spencer dan Auguste Comte sangat kuat dalam pandangan ini, yang menggambarkan saling kebergantungan dan hubungan antara bahagian- bahagian sistem. Parsons, bersama pengikutnya, mengembangkan pendekatan ini ke tahap yang sangat berpengaruh dalam teori sosiologi hingga ke hari ini. Walau bagaimanapun, adalah penting juga untuk mengakui bahawa teori ini telah mencetuskan banyak perdebatan. Dalam pemikirannya, terdapat tiga perkara utama yang mempengaruhi pendekatan sosiologi Parsons. Pertama, perhatiannya terhadap isu kemanusiaan dalam lingkungan sosial masyarakat barat yang dipengaruhi oleh latar belakang protestan bapanya. Parsons menganggap tindakan manusia tidak boleh difahami secara saintifik tanpa mengambil kira nilai. Kedua, minatnya terhadap sains perubatan, yang mempengaruhi beberapa aspek ideanya tentang sosiologi, seperti peranan profesion perubatan dalam masyarakat. Ketiga, pemahamannya tentang sifat ekonomi sebagai kajian saintifik, walaupun pada mulanya diabaikan dalam perkembangan teorinya.

Oleh itu, teori fungsionalisme struktur Parsons adalah hasil gabungan pelbagai pengaruh, mulai dari pandangan tentang nilai dalam masyarakat, sains perubahan, hinggalah aspek ekonomi, yang semuanya mempengaruhi cara Parsons memahami dan menjelaskan struktur dan fungsinya.

2.4.2 Artikel Jurnal

Berdasarkan kajian yang telah dihasilkan yang bertajuk *Sistem Bombon: Fungsionalisme Struktural Terhadap Masyarakat Kadazandusun Di Kiulu, Tuaran, Sabah*, Jacinta Tangil pada tahun 2021 membincangkan tentang pendekatan fungsionalisme struktural digunakan untuk memahami peranan dan fungsi sistem bombon dalam kehidupan masyarakat Kadazandusun. Berikut adalah ringkasan pendekatan fungsionalisme struktural dalam konteks kajian ini, pemeliharaan alam sekitar. Sistem bombon diwarisi dari nenek moyang masyarakat Kadazandusun dan bertujuan untuk melestarikan alam sekitar serta memastikan sumber ikan yang berterusan. Pendekatan fungsionalisme struktural menyoroti bagaimana sistem ini menyumbang pada pemeliharaan alam dan menjaga keseimbangan ekologi dalam masyarakat. Penjagaan budaya dan nilai tradisional. Sistem bombon tidak hanya menjadi identiti masyarakat Kadazandusun tetapi juga merupakan sebahagian dari adat, nilai, dan norma tradisional mereka. Dalam perspektif fungsionalisme struktural, sistem ini membantu menjaga dan menghidupkan kembali nilai-nilai budaya yang penting bagi kelangsungan hidup masyarakat. Hubungan manusia dengan alam.

Pendekatan fungsionalisme struktural menyoroti hubungan yang erat antara manusia dan alam dalam konteks sistem bombon. Sistem ini menunjukkan kebijaksanaan lokal masyarakat Kadazandusun terhadap alam sekitar dan bagaimana hubungan ini mendukung kehidupan mereka secara keseluruhan. Kehidupan sosial masyarakat. Fungsionalisme struktural menekankan pentingnya sistem sosial dalam menjaga kestabilan dan kelangsungan hidup masyarakat. Dalam hal ini, sistem bombon memainkan peranan penting dalam memastikan keberlangsungan hidup dan kesejahteraan masyarakat Kadazandusun di Kiulu, Tuaran, Sabah. Melalui pendekatan ini, penelitian tersebut memberikan pemahaman yang mendalam tentang bagaimana sistem bombon tidak hanya berfungsi sebagai alat pemeliharaan alam, tetapi juga sebagai bahagian integral dari budaya, nilai, dan kehidupan sosial masyarakat Kadazandusun.

2.4.3Buku

Berdasarkan kajian yang telah dihasilkan yang bertajuk *Pengantar Teori-Teori Sosial: Dari Fungsionalisme Hingga Post-Modernisme*, Pip Jones pada tahun 2009 membincangkan tentang membahas secara berurutan teori-teori sosial seperti fungsionalisme, post-modernisme, pemikiran Foucault, Bauman, Habermas, Beck, dan Giddens. Ia memberikan pengantar yang komprehensif mengenai perkembangan teori-teori sosial, termasuk teori fungsionalisme.

2.5 Kesimpulan

Daripada sorotan kajian lepas yang dijalankan, dapat disimpulkan bahawa terdapat minat yang ketara untuk mengkaji dan memahami topik yang pelbagai seperti pemeliharaan pantun, platform media sosial *TikTok*, dan teori fungsionalisme. Pemeliharaan pantun. Kajian menunjukkan terdapat pelbagai tesis, artikel jurnal, dan buku yang membincangkan pemeliharaan pantun sebagai sebahagian daripada warisan budaya. Ini menunjukkan kesedaran tentang kepentingan memelihara dan memahami nilai tradisi dalam masyarakat. *TikTok*. Sorotan kajian lepas juga mendedahkan minat yang semakin meningkat untuk memahami fenomena *TikTok* sebagai platform media sosial yang popular. Tesis, artikel jurnal dan buku telah membincangkan pelbagai aspek *TikTok*, termasuk kesannya terhadap budaya popular dan tingkah laku pengguna. Teori fungsionalisme. Kajian lepas juga menyerlahkan minat untuk mengkaji teori fungsionalisme dalam konteks sosiologi dan antropologi. Tesis, artikel jurnal, dan buku telah membincangkan konsep yang berkaitan dengan teori fungsionalisme dan aplikasinya dalam memahami struktur sosial dan interaksi manusia. Secara keseluruhannya, sorotan kajian lepas ini menunjukkan bahawa terdapat pelbagai minat kajian yang berkaitan dengan kepelbagaian topik dalam pelbagai bidang sains, termasuk kajian budaya, media sosial dan sosiologi. Ini menggambarkan kepentingan meneruskan kajian untuk memahami perkembangan dan dinamik dalam masyarakat kontemporari. Justeru, terdapat kelompangan dari aspek kandungan digital. Di harapkan kajian ini dapat membantu kajian-kajian yang akan datang.

Bab 3 Metodologi

3.1 Pendahuluan

Bab tiga membincangkan metodologi yang digunakan oleh pengkaji untuk menjalankan kajian ini. Ini termasuk penerangan terperinci tentang kaedah kajian yang dikenali sebagai kaedah campuran. Selain itu, kaedah pengumpulan data yang digunakan oleh pengkaji dibincangkan dalam bab ini untuk mendapatkan maklumat yang berkaitan dengan kajian yang sedang dijalankan. Ini mengandungi dua jenis data iaitu data primer dan data sekunder. Temu bual, pemerhatian dan tinjauan soal selidik adalah contoh data primer yang digunakan. Sementara itu, sebagai data sokongan, kaedah kepustakaan dan sumber internet digunakan. Bab tiga juga membincangkan teknik penganalisan data iaitu analisis tematik untuk data kualitatif dan deskriptif untuk data kuantitatif. Ini berkaitan dengan cara semua data yang dikumpul semasa kajian ini dianalisis.

3.2 Reka Bentuk Kajian

Cara pengkaji mengumpul dan menganalisis data untuk kajian, adalah menggunakan kaedah kajian (Leavy, 2014). Tiga jenis reka bentuk berbeza boleh digunakan untuk pendekatan ini, reka bentuk kuantitatif, reka bentuk campuran dan kualitatif (Creswell et al., 2004). Untuk mendapatkan data, pengkaji telah menggunakan reka bentuk campuran dalam kajian ini. Reka

bentuk campuran ialah kaedah kajian yang menggabungkan kaedah kuantitatif dan kualitatif untuk mendapatkan data. Seperti yang dinyatakan dalam bab satu, persoalan dijawab dan objektif kajian dicapai melalui penggunaan reka bentuk. Dengan menggunakan kaedah campuran, data yang dikumpul boleh dinilai dengan lebih mendalam berbanding bergantung pada pilihan (Creswell & Tashakkori, 2007). Selain itu, reka bentuk yang digabungkan membolehkan analisis data daripada pelbagai sudut pandangan Terrell (2012) . Jadi, untuk mencapai kedua-dua objektif kajian, peneliti telah menggunakan kaedah campuran.

Kajian kuantitatif adalah berdasarkan data. Sadid (2019) menyatakan bahawa kaedah kuantitatif memerlukan angka. Oleh itu, data saintifik diambil kira dalam kaedah kuantitatif (Wellington & Szczerbinski, 2007). Ini disebabkan oleh fakta bahawa pendekatan kuantitatif memungkinkan untuk mengukur dan mengira hasil data (Saidi, 2019). Oleh itu, data dikumpul melalui kaedah kuantitatif melalui tinjauan, survei, eksperimen atau soal selidik. Tetapi hasilnya statistik (Mukhid, 2021). Kajian kuantitatif terdiri daripada empat kategori berbeza iaitu kajian tinjauan, kajian eksperimen, kolerasi dan kajian kausal-perbandingan (Idris et al., 2018). Mencari elemen yang mempengaruhi minat generasi muda terhadap puisi tradisional, terutamanya pantun, adalah matlamat pertama kajian. Kajian ini menggunakan tinjauan deskriptif kuantitatif. Ini disebabkan oleh fakta bahawa kajian tinjauan deskriptif membantu dalam membincangkan fenomena atau persoalan dengan cara yang sistematik. Pengiraan purata (mean) skala likert juga membantu dalam analisis

data kuantitatif. Selain itu, sisihan standard, juga dikenali sebagai sisihan piawai, digunakan untuk menilai taburan soalan. Pengkaji mendapatkan data melalui borang soal selidik. Untuk menjelaskan dan mengkaji data yang diperoleh, skala likert lima mata telah digunakan iaitu sangat tidak setuju, tidak setuju, sederhana (neutral), setuju dan sangat setuju.

Tambahan pula, kaedah kualitatif menggunakan deskripsi. Data yang diperoleh melalui kaedah ini boleh dijelaskan menggunakan perkataan, ayat, keterangan dan huraian (Merriam & Tisdell, 2015). Kajian kualitatif terdiri daripada pelbagai jenis kajian iaitu kajian etnografi dan kajian kes. Kajian etnografi ialah jenis kajian yang mengkaji tingkah laku, budaya, adat resam, dan kepercayaan sesebuah masyarakat tertentu (Leavy, 2014).

Manakala kajian kes pula ialah sejenis kajian yang melibatkan perkara yang luar biasa yang berlaku dalam masyarakat (Yin, 2009). Tidak mungkin situasi ini berlaku di tempat lain atau dalam masyarakat lain. Oleh itu, kajian ini hanya melibatkan pelestarian pantun dalam kalangan generasi muda sahaja, dan pengkaji telah memilih untuk menjalankan kajian kes kualitatif.

Selain itu, kajian kes juga digunakan oleh pengkaji untuk memperoleh pemahaman yang lebih baik tentang kejadian (Merriam & Tisdell, 2015). Oleh itu, kajian kes telah digunakan oleh pengkaji untuk menganalisis data yang berkaitan untuk menentukan tahap pemahaman dan penghayatan generasi muda terhadap puisi tradisional, terutamanya pantun. Pengkaji juga mendapatkan data

melalui pemerhatian dan temu bual.

3.2.1 Dokumentasi

Pengkaji juga mengumpul data sekunder semasa menjalankan kajian. Data sekunder ialah data yang telah dicipta oleh penulis atau individu (Wahab & Ah, 2016). Tesis, buku, keratan akhbar dan jurnal adalah sumber data ini. Contoh maklumat tentang sejarah pantun boleh didapati dalam buku Muhammad Haji Salleh, *"Bila Terkenang Zaman Dahulu: Pantun Pulau Pinang."* Pengkaji juga menggunakan kaedah kepustakaan dan sumber internet untuk mendapatkan maklumat tambahan.

Dalam kaedah kepustakaan, rujukan dan bahan bacaan seperti buku, akhbar dan jurnal yang berkaitan dengan topik kajian diutamakan. Pengkaji telah menggunakan pendekatan ini untuk mendapatkan maklumat tentang pantun. Selain itu, pengkaji menggunakan kaedah ini untuk mendapatkan maklumat mengenai teori fungsionalisme. Selain itu, pengkaji mencari maklumat tambahan melalui internet. Bahan rujukan seperti tesis, artikel dan jurnal telah digunakan untuk menyempurnakan kajian. Pemilihan sampel daripada bahagian populasi sasaran ialah proses yang dikenali sebagai persempadanan. Kaedah ini digunakan untuk mendapatkan maklumat dengan lebih terperinci dalam kajian (Rai & Thapa, 2015). Sebagaimana dinyatakan oleh Etikan et al. (2016), terdapat dua jenis pendekatan untuk pensampelan iaitu pendekatan kebarangkalian dan pendekatan bukan kebarangkalian.

3.3 Kaedah Pengumpulan Data

Untuk mendapatkan maklumat kajian yang diperlukan, pengkaji menggunakan pelbagai teknik pengumpulan data. Teknik pengumpulan data yang betul dan sesuai amat penting untuk memastikan bahawa data yang dikumpulkan adalah tepat, relevan, dan dapat dipercayai. Data yang diperoleh daripada kajian boleh dibahagikan kepada dua kategori utama iaitu data primer dan data sekunder. Data primer ialah data yang penting yang diperoleh terus daripada sumber asal atau lapangan kajian (Jasmi, 2012; Bailey, 2008). Pengumpulan data primer membolehkan pengkaji mendapatkan maklumat yang spesifik dan terperinci mengenai subjek kajian yang mungkin tidak tersedia dalam sumber-sumber sekunder. Beberapa kaedah utama pengumpulan data primer termasuk pemerhatian, temu bual, dan soal selidik. Kaedah pemerhatian melibatkan pengkaji mengamati dan merekodkan tingkah laku, interaksi, dan fenomena yang berlaku dalam situasi sebenar. Pemerhatian boleh dilakukan secara langsung atau melalui rakaman video, bergantung kepada keperluan kajian. Pemerhatian ini boleh menjadi berstruktur, di mana pengkaji menggunakan panduan atau senarai semak untuk merekod data, atau tidak berstruktur, di mana pengkaji bebas untuk merekodkan apa sahaja yang dianggap relevan. Contohnya, dalam kajian tentang penggunaan *TikTok* untuk mempromosikan pantun, pengkaji boleh memerhati bagaimana pengguna berinteraksi dengan kandungan pantun di *TikTok*. Temu bual merupakan kaedah pengumpulan data di mana pengkaji berinteraksi secara langsung dengan responden untuk mendapatkan maklumat yang mendalam dan terperinci. Temu bual boleh

dilakukan secara bersemuka, melalui telefon, atau secara dalam talian. Ia boleh bersifat berstruktur dengan soalan- soalan tetap, separa berstruktur dengan panduan soalan yang fleksibel, atau tidak berstruktur dengan soalan-soalan terbuka. Temu bual membolehkan pengkaji mendapatkan pandangan, pengalaman, dan pendapat individu mengenai topik kajian. Sebagai contoh, dalam kajian tentang *TikTok*, pengkaji boleh menemu bual pengguna aktif *TikTok*, pencipta kandungan pantun, atau pakar budaya untuk mendapatkan perspektif mereka. Soal selidik adalah kaedah yang melibatkan pengedaran borang soalan kepada responden untuk mendapatkan data. Soal selidik boleh disampaikan secara kertas atau elektronik melalui e-mel atau platform dalam talian. Soal selidik boleh mengandungi soalan-soalan tertutup dengan pilihan jawapan tetap atau soalan-soalan terbuka yang membolehkan responden memberikan jawapan bebas. Kaedah ini sesuai untuk kajian yang melibatkan sampel yang besar dan membolehkan pengkaji mengumpulkan data secara cepat dan sistematik. Dalam konteks kajian tentang *TikTok*, soal selidik boleh digunakan untuk mengumpul maklumat tentang demografi pengguna, kekerapan penggunaan, dan pandangan mereka tentang pantun di *TikTok*. Selain data primer, pengkaji juga boleh menggunakan data sekunder yang diperoleh daripada sumber-sumber yang telah sedia ada seperti buku, artikel jurnal, laporan kajian, dan pangkalan data dalam talian. Data sekunder membantu pengkaji untuk memahami konteks kajian dengan lebih baik dan menyediakan latar belakang yang kukuh untuk analisis data primer. Dengan menggunakan pelbagai kaedah pengumpulan data ini, pengkaji dapat memastikan bahawa data yang dikumpulkan adalah komprehensif dan pelbagai,

membolehkan analisis yang lebih mendalam dan bermakna. Gabungan data primer dan sekunder memberikan gambaran yang lebih lengkap tentang fenomena yang dikaji, membolehkan pengkaji membuat kesimpulan yang lebih tepat dan berasaskan bukti.

3.3.1 Kaedah Pemerhatian

Kaedah pemerhatian memerlukan pengkaji berada di kawasan kajian. Sebelum mencatat data untuk dianalisis, pengkaji mesti melihat sendiri apa yang dikaji. Metodologi ini meningkatkan pemahaman pengkaji tentang keadaan sebenar kajian (Wahab & Ah, 2016). Menurut Kawulich (2012), terdapat empat jenis kaedah pemerhatian iaitu peserta sebagai peserta penuh, peserta sebagai pemerhati, pemerhati sebagai peserta dan pengkaji sebagai pemerhati penuh. Sebagai peserta dalam kajian, pengkaji telah menggunakan kaedah pemerhatian ini. Sebagai peserta, pengkaji memerhati persekitaran sosial yang dikaji. Tetapi peneliti itu tidak termasuk dalam kajian (Kawulich, 2012). Seperti yang dinyatakan oleh Scott dan Medaugh (2017), jenis pemerhatian ini membolehkan pengkaji menggunakan temu bual untuk berinteraksi dengan peserta kajian. Ia digunakan dalam kajian untuk mendapatkan data yang berkaitan. Oleh itu, untuk memenuhi matlamat kajian, pengkaji telah menemu bual pensyarah dan pelajar UMK mengenai pantun. Selain itu, pengkaji boleh mendapatkan pemahaman yang lebih baik tentang elemen yang mempengaruhi minat generasi muda terhadap puisi tradisional, terutamanya pantun.

3.3.2 Kaedah Temu Bual

Terdapat temu bual yang dilakukan oleh pengkaji untuk mengumpul data. Ini boleh dilakukan secara peribadi atau melalui telefon (Jackle et al., 2006). Menurut Jasmi (2012), terdapat dua jenis temu bual kualitatif iaitu temu bual mendalam dan temu bual kumpulan berfokus. Metodologi temu bual kumpulan berfokus melibatkan temu bual dengan sekumpulan orang yang telah dipilih berdasarkan objektif kajian. Tingkah laku, persepsi dan idea kumpulan yang berkaitan dengan kajian dikaji dengan menggunakan metodologi temu bual ini. Tetapi pendekatan temu bual mendalam melibatkan perbualan dua hala antara peserta dan pengkaji. Jasmi (2012) menyatakan bahawa tujuan menjalankan temu bual yang mendalam adalah untuk mendapatkan pemahaman tentang perspektif responden tentang subjek kajian. Selain itu, ia digunakan untuk menganalisis pandangan responden tentang peristiwa atau aktiviti yang pengkaji tidak dapat melihat secara langsung seperti tahap pemahaman dan penghayatan minat generasi muda terhadap puisi tradisional, terutamanya pantun dan faktor yang mempengaruhi minat mereka.

Oleh itu, untuk mencapai matlamat kajian, pengkaji telah menggunakan kaedah temu bual yang mendalam. Pengkaji telah melakukan beberapa temu bual untuk mendapatkan maklumat mengenai kajian. Seorang responden, pensyarah elektif kesusasteraan warisan di Universiti Malaysia Kelantan, kampus Bachok, telah

ditemu bual oleh pengkaji untuk mengkaji faktor yang mempengaruhi minat generasi muda terhadap puisi tradisional, terutamanya pantun. Responden ini mempunyai pemahaman yang mendalam tentang latar belakang pantun. Selain itu, responden ini mempunyai pemahaman tentang elemen yang mempengaruhi minat generasi muda terhadap puisi tradisional, terutamanya pantun.

Kemudian, pengkaji melakukan temu bual dengan pelajar Universiti Malaysia Kelantan untuk mengetahui sejauh mana generasi muda memahami dan menghayati puisi tradisional. Sesi temu bual ini juga dilakukan untuk mendapatkan maklumat tambahan tentang pelestarian pantun. Aplikasi *Google Meet* telah digunakan untuk menjalankan sesi temu bual secara dalam talian. Temu bual dijalankan dengan responden sehingga data menjadi tepu (*saturation level*). Kajian ini menggunakan temu bual separa berstruktur. Temu bual jenis ini juga dirujuk sebagai temu bual separa berstruktur yang mana dijalankan berdasarkan soalan yang telah disediakan oleh pengkaji. Walau bagaimanapun, garis panduan tidak digunakan dalam menentukan jawapan responden. Selain itu, menggunakan temu bual separa berstruktur membolehkan pengkaji meminta soalan tambahan kepada responden. Tanggapan responden membentuk soalan (Longhurst, 2003).

Oleh itu, untuk mendapatkan maklumat kajian yang lebih mendalam, pengkaji telah menggunakan kaedah temu bual separa berstruktur. Dengan menggunakan soalan berbentuk terbuka (*open-ended*), ia telah dilaksanakan secara informal. Setiap temu bual juga mempunyai rakaman suara. Ini bertujuan

untuk memudahkan pengkaji menyalin semula perbincangan dengan kedua-dua responden. Kemudian, pengkaji membahagikan isi perbincangan mengikut tema kajian. Ini dilakukan supaya analisis keputusan kajian menjadi lebih mudah dan kedua-dua objektif kajian dapat dicapai.

3.3.3 Kaedah Soal Selidik

Kaedah tinjauan adalah salah satu cara untuk mendapatkan data dalam kajian jenis kuantitatif. Data ini diperoleh daripada sama ada maklum balas individu sasaran atau soalan yang ditanya oleh pengkaji (Groves et al., 2011; Roopa & Rani, 2012). Tinjauan digunakan dalam kajian untuk menjelaskan dan mengkaji tingkah laku masyarakat (Ponto, 2015). Selain itu, kaedah ini boleh digunakan untuk memperoleh pemahaman yang lebih baik tentang isu atau peristiwa sosial yang berlaku dalam masyarakat (Groves et al., 2011). Pengkaji menggunakan soal selidik untuk mendapatkan data penting (Ponto, 2015).

Borang soal selidik ialah set soalan yang dibuat oleh pengkaji berdasarkan objektif kajian. Kajian borang soal selidik terdiri daripada set soalan yang direka untuk membantu pengkaji mendapatkan maklumat dengan tepat dan tidak menyimpang daripada matlamat asal kajian (Fink, 1995). Reja et al. (2003) menyatakan bahawa tujuan penggunaan borang soal selidik adalah untuk mendapatkan data yang berkaitan dengan pendapat, sikap atau kepercayaan peserta kajian.

Oleh itu, dua objektif kajian telah ditetapkan oleh pengkaji iaitu untuk

menentukan faktor yang mempengaruhi minat generasi muda terhadap puisi tradisional, terutamanya pantun dan untuk mengkaji tahap pemahaman dan penghayatan puisi tradisional oleh generasi muda. Kajian ini mempunyai lima bahagian, A, B, C, dan D. Sebanyak 130 orang yang menjawab borang soal selidik yang terdiri daripada generasi muda. Pengkaji menggunakan borang soalan tertutup. Ini dilakukan untuk memudahkan responden untuk menjawab soalan kajian. Soal selidik berbentuk tertutup mempunyai soalan yang disusun dengan jawapan yang tetap. Satu-satunya perkara yang perlu dilakukan oleh responden ialah memilih jawapan yang telah disediakan (Roopa dan Rani 2012).

Selain itu, pengkaji menggunakan skala likert untuk mencari jawapan kepada soalan soal selidik. Dalam soal selidik tertutup, skala likert ialah skala psikometrik yang digunakan. Skala ini digunakan untuk mengukur tingkah laku sosial dalam masyarakat dan sikap sosial (Roopa & Rani, 2012). Ia juga digunakan untuk menentukan pendapat responden tentang kajian (Joshi et al., 2015). Oleh itu, untuk memudahkan responden menjawab set soalan dalam borang, kajian ini menggunakan skala likert lima mata.

3.4 Kaedah Analisis Data

Pengolahan dan penyusunan data yang diperoleh daripada alat kajian dipanggil analisis data. Hasil kajian pengkaji dipengaruhi oleh kaedah analisis ini. Oleh itu, untuk memastikan hasil kajian memenuhi matlamatnya, adalah penting untuk memilih teknik penganalisan data yang betul. Analisis

deskriptif telah digunakan untuk data kuantitatif, manakala analisis tematik telah digunakan untuk data kualitatif. Dalam analisis kuantitatif, analisis deskriptif digunakan untuk menganalisis data. Pengkaji menggunakan teknik ini untuk meringkaskan teks kepada angka atau grafik statistik. Untuk menghasilkan kekerapan dan purata (mean), pengkaji menggunakan kaedah deskriptif selepas data asas diperoleh daripada borang soal selidik yang dihantar kepada 130 orang yang menjawab, analisis data ini dijalankan untuk mengubah data kepada angka adalah langkah seterusnya yang dilakukan dalam proses analisis ini. Selepas itu, data dipaparkan dalam bentuk jadual.

Dalam kajian kualitatif, analisis tematik digunakan. Pengkaji menggunakan kaedah ini untuk menilai peserta dalam data yang diperoleh (Braun & Clarke, 2006). Untuk mendapatkan tema, data perlu dibaca berulang kali. Ini dilakukan untuk memastikan bahawa kajian yang dipilih oleh pengkaji adalah penting untuk menjelaskan fenomena (Fereday & Muir-Cochrane, 2006). Selain itu, ia bertujuan untuk menjadikan data lebih mudah untuk pengkaji memahami (Braun & Clarke, 2006).

Analisis tematik juga boleh disesuaikan dengan data. Ia tidak berkaitan dengan epistemologi atau teori tertentu. Oleh itu, untuk menganalisis data yang dikumpul, pengkaji telah menggunakan analisis tematik. Analisis data ini menggunakan enam proses iaitu pengenalan data, pengkodan,

mencari subjek, menyemak subjek yang mungkin, menentukan dan menamakan subjek, dan menghasilkan laporan.

3.4.1 Teori Fungsionalisme

Fungsionalisme adalah teori yang dibangunkan oleh Auguste Comte, Spencer, Durkheim, dan Talcott Parsons. Pendidikan, ekonomi, politik, dan agama adalah beberapa struktur sosial yang membentuk masyarakat, menurut teori fungsionalisme. Parsons mengemukakan konsep AGIL (*Adaptation, Goal Attainment, Integration, and Latency Maintenance*) untuk mengkaji cara aktiviti sosial menyumbang kepada kelangsungan hidup masyarakat. Teori fungsionalisme digunakan dalam kajian ini untuk mengkaji peranan pantun dalam masyarakat.


3.4.2 Kaedah Penerapan Teori

Setiap kajian memerlukan aplikasi teori yang bertindak sebagai kerangka asas dalam menyusun dan mengarahkan kajian secara sistematik dan teratur. Tanpa teori, kajian mungkin kehilangan arah dan tujuan dan sukar untuk mencapai penemuan yang bermakna. Teori berasal dari perkataan Yunani "*theoria*" yang bermaksud pemikiran yang mendalam, penglihatan, atau spekulasi. Istilah ini mencerminkan prinsip intelek yang mendalam dalam membentuk pandangan dan pemahaman tentang fenomena tertentu. Hari ini, teori telah ditakrifkan dalam pelbagai cara oleh para sarjana dalam pelbagai disiplin. Sebagai contoh, Rudner (1966) menyatakan bahawa teori ialah himpunan konsep yang berkaitan dan boleh dilihat, manakala Troye (1994) menganggap teori sebagai hipotesis tentang cara konsep berhubung antara

satu sama lain. Definisi ini menunjukkan bahawa teori berfungsi sebagai kerangka untuk memahami dan menjelaskan fenomena kompleks dalam dunia nyata. Teori yang menjadi asas kepada sains biasanya dicipta dan dikembangkan oleh pakar dalam bidang tertentu. Dalam konteks sosiologi, banyak teori telah dihasilkan oleh pemikir terkemuka dari pelbagai era dan latar belakang budaya. Sebagai contoh, Ibn Khaldun, seorang pemikir Islam yang terkenal, telah membantu dalam perkembangan teori sosiologi melalui karya beliau yang memperkenalkan konsep seperti *asabiyyah* (perpaduan sosial) dan perubahan sosial. Di Barat, tokoh terkenal seperti Karl Marx, Auguste Comte, Emile Durkheim, Herbert Spencer, Max Weber, dan George Herbert Mead telah memberikan sumbangan besar kepada perkembangan bidang sosiologi. Fokus utama teori mereka adalah untuk memahami struktur masyarakat dan cara manusia berinteraksi dengannya. Sebagai contoh, Marx memberi tumpuan kepada konflik kelas dan kapitalisme, manakala Durkheim mengkaji fenomena sosial seperti bunuh diri dan anomie. Weber turut memperkenalkan konsep rasionalisasi dan birokrasi, manakala Mead terkenal dengan teori interaksi simbolik yang menekankan peranan komunikasi dalam membentuk identiti diri. Terdapat dua cabang utama teori sosiologi iaitu teori mikro dan teori makro. Teori mikro memberi tumpuan kepada interaksi individu dan kumpulan kecil, manakala teori makro mengkaji struktur dan proses sosial yang lebih besar dalam masyarakat. Teori fungsionalisme dan konflik adalah dua teori utama dalam pendekatan makro. Fungsionalisme melihat masyarakat sebagai satu sistem yang terdiri daripada bahagian-bahagian yang saling berkaitan dan berfungsi bersama untuk mengekalkan

kestabilan dan keharmonian. Teori konflik, sebaliknya, menekankan ketegangan dan persaingan antara kumpulan yang berbeza dalam masyarakat. Dalam kajian ini, pengkaji telah membuat keputusan untuk menggunakan pendekatan teori fungsionalisme kerana ia berkait rapat dengan tajuk kajian. Fungsionalisme menekankan kepentingan peranan setiap bahagian dalam sistem sosial dan bagaimana ia menyumbang kepada kestabilan keseluruhan sistem. Sebagai contoh, dalam konteks melihat *TikTok* sebagai platform untuk mempromosikan pantun, teori fungsionalisme boleh digunakan untuk memahami bagaimana *TikTok* berfungsi sebagai alat komunikasi yang menghubungkan pengguna dengan tradisi budaya dan menggalakkan kesedaran dan pemahaman tentang seni pantun dalam kalangan generasi muda. Dengan menggunakan pendekatan fungsionalisme, kajian ini dapat mengkaji bagaimana *TikTok* memainkan peranan dalam memelihara dan menyebarkan warisan budaya melalui pantun, serta bagaimana platform ini membantu dalam mengukuhkan identiti budaya dalam masyarakat moden. Teori ini juga membolehkan pengkaji menilai kesan dan keberkesanan *TikTok* sebagai alat untuk mempelajari dan mengekalkan tradisi dalam konteks globalisasi dan perubahan sosial yang pesat.

3.4.3 Kerangka Konseptual



3.5 Kesimpulan

Akhir sekali, kaedah kajian ini sangat penting untuk membantu pengkaji membangunkan struktur teori yang sesuai untuk kajian ini. Kajian boleh dijalankan dengan lebih sistematik dan terarah menggunakan metodologi yang tepat. Ini membolehkan pengkaji memperoleh pemahaman yang lebih mendalam tentang tajuk kajian. Teori yang digunakan dalam metodologi kajian ini memberikan panduan yang jelas kepada pengkaji untuk menjalankan kajian mereka dengan baik dan mencapai matlamatnya.

BAB 4

Analisis dan Dapatan Kajian

4.1 Pendahuluan

Bab ini akan membincangkan kajian dan perbincangan mengenai pelestarian pantun terhadap komuniti di Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan melalui media sosial *TikTok*. Analisis ini berdasarkan maklumat daripada responden yang terlibat serta penerapan mekanisme pelestarian pantun melalui platform media sosial seperti *TikTok*. Responden kajian ini terdiri daripada individu dalam lingkungan generasi muda yang aktif menggunakan media sosial dengan *TikTok* dikenal pasti sebagai salah satu platform yang paling sering digunakan oleh mereka. Tumpuan utama kajian ini adalah untuk memahami bagaimana pantun sebagai bentuk puisi tradisional Melayu boleh dilestarikan dan disebarkan melalui media sosial yang popular dalam kalangan komuniti Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan.

Kajian ini merangkumi dua aspek utama. Pertama, analisis data dari segi demografi responden yang meliputi jantina, umur, taraf pendidikan dan pekerjaan mereka. Elemen-elemen ini penting untuk menentukan perbezaan tahap minat, pengalaman dan pendedahan responden terhadap pantun serta penggunaan media sosial. Contohnya, tahap pendidikan berpotensi mempengaruhi kefahaman responden terhadap nilai budaya pantun sementara perbezaan umur atau pekerjaan mempengaruhi masa dan cara mereka


berinteraksi di platform seperti *TikTok*. Kedua, kajian ini menilai persepsi dan pandangan responden terhadap penggunaan *TikTok* sebagai medium pelestarian pantun. *TikTok* yang terkenal dengan ciri video pendek dan interaktif dilihat mampu menarik minat generasi muda untuk turut serta dalam penghasilan dan penyebaran pantun. Maklumat daripada responden kajian menunjukkan bahawa mereka melihat *TikTok* sebagai medium yang mampu menghidupkan kembali minat terhadap pantun dalam kalangan generasi muda.

4.2 Demografi Responden

4.2.1 Jantina Responden

Jantina	Kategori	Kekerapan	Peratus(%)
	Lelaki	117	39
	Perempuan	183	61
Jumlah Keseluruhan		300	100

Jadual 4.2.1 Jantina Responden



Rajah 4.2.1 Jantina Responden

Jadual 4.2.1 dan rajah 4.2.1 menunjukkan seramai 300 responden terlibat dalam kajian ini. Daripada jumlah tersebut, 117 orang adalah responden lelaki, yang mewakili 39% daripada keseluruhan sampel. Sementara itu, responden perempuan pula berjumlah 183 orang, iaitu sebanyak 61%. Ini menunjukkan bahawa majoriti responden yang terlibat dalam kajian ini adalah perempuan, dengan perbezaan sebanyak 22% lebih tinggi berbanding responden lelaki.

Bahagian A dalam kajian ini berfungsi sebagai huraian terperinci tentang latar belakang responden yang terlibat, merangkumi aspek-aspek penting seperti jantina, umur, taraf pendidikan, dan pekerjaan. Pengumpulan data ini bertujuan untuk memberikan gambaran menyeluruh mengenai profil responden, yang akan membantu dalam memahami latar belakang demografi mereka. Dengan pemahaman yang lebih mendalam mengenai ciri-ciri asas responden, kajian ini dapat memberikan perspektif yang lebih seimbang dan relevan terhadap isu-isu yang dibincangkan, khususnya dalam konteks kajian mengenai pelestarian pantun dalam kalangan komuniti Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan melalui media *TikTok*. Fokus pertama dalam Bahagian A ialah aspek jantina responden, yang dianalisis untuk melihat penyebaran atau perbezaan antara bilangan lelaki dan perempuan dalam sampel kajian. Perbezaan ini mencerminkan jumlah penyertaan pelajar perempuan yang lebih tinggi kerana minat yang lebih ketara dalam kalangan pelajar perempuan terhadap topik kajian ini. Terdapat beberapa faktor yang boleh menjelaskan perbezaan ini. Pertama, bidang kajian budaya sering kali menarik minat yang lebih tinggi

dalam kalangan perempuan kerana kecenderungan mereka terhadap aspek seni, budaya, dan apresiasi warisan. Perempuan lebih cenderung untuk terlibat dalam kajian ini kerana kesediaan mereka untuk berkongsi pandangan tentang pelestarian pantun dalam kalangan komuniti Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan melalui media sosial *TikTok* yang memberi kesan terhadap kehidupan seharian.

Selain itu, dalam kebanyakan program pengajian, kursus yang berorientasikan seni dan sastera biasanya mempunyai komposisi pelajar perempuan yang lebih tinggi. Hal ini juga boleh menyumbang kepada ketidakseimbangan jantina dalam responden kajian ini. Malah, perempuan lebih bersedia atau berkemampuan untuk meluangkan masa menjawab soal selidik, khususnya dalam kajian yang melibatkan pandangan terhadap aspek sosial dan budaya. Di samping itu, persepsi sosial terhadap topik kajian ini menarik lebih ramai responden perempuan, memandangkan mereka lebih sensitif dan terbuka terhadap isu-isu yang berkaitan dengan nilai moral, persepsi sosial, dan aspek budaya.

Akhir sekali, penglibatan kedua-dua jantina dalam kajian ini membolehkan pengkaji menilai dan membandingkan persepsi yang berbeza antara lelaki dan perempuan dalam melihat pelestarian pantun dalam kalangan komuniti Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan melalui media sosial *TikTok*. Dengan memastikan bahawa kajian ini melibatkan pandangan kedua-dua pihak, hasil kajian dapat memberikan gambaran yang lebih inklusif dan holistik tentang melestarikan pantun.


Dengan memastikan bahawa kajian ini melibatkan pandangan daripada kedua-dua pihak iaitu lelaki dan perempuan, hasil kajian ini bukan sahaja mampu memberikan gambaran yang lebih seimbang, tetapi juga dapat mengetengahkan perbezaan perspektif dan pengalaman unik yang wujud antara kedua-dua kumpulan jantina. Pendekatan ini penting kerana pelestarian pantun sebagai elemen warisan budaya tidak hanya bergantung kepada satu golongan sahaja tetapi melibatkan keseluruhan komuniti tanpa mengira jantina. Pandangan daripada kedua-dua pihak dapat membantu pengkaji memahami bagaimana perbezaan jantina mempengaruhi persepsi terhadap nilai seni dan budaya serta kesediaan individu untuk mengambil bahagian dalam usaha melestarikan pantun. Sebagai contoh, responden lelaki memberikan pandangan yang lebih tertumpu pada aspek sejarah dan tradisi pantun, manakala responden perempuan lebih fokus kepada keindahan estetika, keupayaan pantun untuk menyampaikan emosi atau dalam konteks sosial dan keluarga. Di

samping itu, dengan melibatkan pandangan kedua-dua pihak, kajian ini dapat mengenal pasti faktor-faktor sosial, budaya dan demografi yang mendorong atau menghalang penyertaan komuniti dalam usaha pelestarian pantun. Hal ini juga membantu dalam merangka strategi yang lebih efektif dan inklusif untuk menarik minat kedua-dua jantina seperti penghasilan kandungan di platform media sosial *TikTok* yang relevan dengan setiap kumpulan. Akhirnya, hasil kajian ini bukan sahaja mencerminkan kepelbagaian perspektif tetapi juga memberikan cadangan yang lebih menyeluruh dan praktikal untuk memperkukuh usaha pelestarian pantun dalam kalangan komuniti Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan. Dengan memanfaatkan pandangan kedua-dua pihak, usaha ini dapat diurus perdanakan dengan lebih berkesan, sejajar dengan keperluan dan realiti masyarakat moden.

4.2.2 Umur Responden

	Kategori	Kekerapan	Peratus (%)
Umur	13 hingga 17 tahun	6	2
	18 hingga 24 tahun	269	89.67
	25 hingga 30 tahun	16	5.33
	31 tahun ke atas	9	3
Jumlah Keseluruhan		300	100

Jadual 4.2.2 Umur Responden



Rajah 4.2.2 Umur Responden

Jadual 4.2.2 dan rajah 4.2.2 menunjukkan majoriti responden dalam kajian ini adalah dari lingkungan umur 18 hingga 24 tahun (89.67%), menunjukkan bahawa generasi muda cenderung menggunakan *TikTok* sebagai platform untuk meneroka, menghidupkan, dan melestarikan pantun. Sebab utama bilangan tinggi ini adalah kerana generasi ini lebih terbiasa dengan teknologi, dan *TikTok* adalah platform yang menarik untuk menyampaikan pantun dalam bentuk video pendek yang mudah diterima dan difahami oleh mereka. *TikTok* menawarkan ciri interaktif yang mampu menjadikan pantun tampak moden dan kreatif, menarik minat generasi muda untuk berkongsi dan menyebarkan budaya tradisional. Sebaliknya, bilangan responden berumur 13 hingga 17 tahun adalah kecil (2%), kerana mereka cenderung menggunakan *TikTok* untuk tujuan hiburan daripada kandungan kesusasteraan, dan minat atau pemahaman mereka dalam kesusasteraan tradisional masih terhad. Kategori umur 25 hingga 30 tahun (5.33%) pula menunjukkan bilangan yang lebih rendah kerana komitmen pekerjaan dan kehidupan peribadi.

Responden berumur 31 tahun ke atas (3%) adalah kumpulan yang paling kecil, kerana mereka kurang terdedah kepada penggunaan media sosial untuk pelestarian pantun, lebih memilih kaedah tradisional yang tidak memerlukan teknologi moden.

Responden berumur 31 tahun ke atas (3%) adalah kumpulan yang paling kecil dalam kajian ini, dan salah satu sebab utama adalah kerana mereka kurang terdedah atau kurang berminat menggunakan media sosial, khususnya platform seperti *TikTok*, untuk melestarikan pantun. Kumpulan ini cenderung lebih akrab dengan cara tradisional dalam memelihara dan menyebarkan kesusasteraan, seperti melalui acara seni budaya atau pembelajaran formal di sekolah dan universiti. Mereka lebih mengutamakan cara-cara yang sudah terbukti berkesan untuk pelestarian, seperti pengajaran langsung, pertandingan pantun, dan penyebaran melalui media cetak atau organisasi kebudayaan.

Selain itu, generasi ini juga lebih berpegang pada nilai dan budaya tradisional yang tidak melibatkan penggunaan teknologi moden. Mereka merasakan bahawa pantun adalah sebahagian daripada warisan yang perlu dipelihara dengan cara yang lebih asli dan bukan melalui medium digital seperti *TikTok*. Oleh itu, mereka tidak melihat *TikTok* sebagai saluran yang sesuai untuk melestarikan pantun, memandangkan ia lebih berfokus kepada hiburan dan *trend* yang cepat berubah, yang kadangkala tidak dianggap sesuai untuk budaya yang dihormati seperti pantun.

Ketiadaan masa atau minat untuk belajar menggunakan media sosial merupakan salah satu faktor utama yang menyumbang kepada ketidaklibatan golongan responden berumur 31 tahun ke atas dalam pelestarian pantun melalui platform digital seperti *TikTok*. Dalam kehidupan seharian, golongan ini sering kali dibebani dengan pelbagai tanggungjawab yang memerlukan perhatian dan masa, seperti pekerjaan sepenuh masa, pengurusan keluarga, komitmen komuniti dan keperluan peribadi. Keadaan ini menjadikan mereka kurang mempunyai masa lapang untuk mempelajari teknologi baharu atau meneroka media sosial sebagai medium pelestarian budaya. Prioriti mereka sering tertumpu kepada tanggungjawab yang lebih mendesak, yang menyebabkan mereka kurang memberi perhatian kepada platform digital sebagai alat untuk tujuan budaya.

Selain itu, golongan ini kurang berminat untuk melibatkan diri dengan media sosial kerana persepsi mereka terhadap platform seperti *TikTok*, yang sering dikaitkan dengan hiburan ringan, *trend* anak muda dan kandungan yang tidak serius. Bagi mereka, media sosial tidak sesuai untuk melestarikan elemen budaya yang dianggap penting dan berharga seperti pantun. Mereka cenderung melihat media sosial sebagai sesuatu yang cepat berubah, tidak tetap dan kurang berintegriti dalam mengekalkan keaslian budaya tradisional. Hal ini berbeza dengan pendekatan tradisional yang lebih berstruktur dan formal seperti pengajuran acara kebudayaan, pengajaran dalam institusi pendidikan atau dokumentasi melalui buku dan media cetak.

Tambahan pula, golongan ini menghadapi cabaran teknikal yang menghalang mereka untuk terlibat dengan media sosial. Sesetengah individu tidak mempunyai kemahiran asas untuk menggunakan aplikasi seperti *TikTok*, apatah lagi memanfaatkan ciri-ciri kreatifnya untuk menghasilkan kandungan berkaitan pantun. Keengganan untuk belajar menggunakan teknologi baharu sering kali dikaitkan dengan rasa tidak selesa atau kebimbangan terhadap penggunaannya. Faktor usia juga memainkan peranan, di mana generasi ini lebih biasa dengan teknologi lama dan merasa sukar untuk menyesuaikan diri dengan perubahan teknologi yang pesat.

Di samping itu, terdapat juga tanggapan bahawa mempelajari cara menggunakan media sosial memerlukan usaha dan dedikasi yang tidak sepadan dengan manfaat yang diperoleh, khususnya bagi mereka yang tidak melihat keperluan mendesak untuk melibatkan diri dalam platform digital. Sebagai contoh, mereka merasakan bahawa pantun sudah mencukupi untuk dilestarikan melalui cara tradisional yang mereka sudah biasa dan selesa dengan tanpa perlu mengambil risiko dengan pendekatan yang dirasakan kurang berkesan atau tidak sesuai dengan nilai budaya.

Walaupun cabaran ini wujud, penting untuk menyedari bahawa golongan ini masih memainkan peranan penting dalam pelestarian pantun, terutamanya melalui pengetahuan tradisional yang mereka miliki. Oleh itu, usaha untuk melibatkan mereka dalam platform digital perlu dilakukan secara bijak seperti

melalui sesi bengkel atau program pendidikan yang mesra pengguna yang bertujuan untuk memperkenalkan potensi media sosial dalam memelihara warisan budaya. Dengan pendekatan yang betul, mereka lebih bersedia untuk menerima teknologi sebagai pelengkap kepada usaha pelestarian pantun tanpa menggantikan kaedah tradisional yang mereka pegang.

4.2.3 Taraf Pendidikan Responden

	Kategori	Kekerapan	Peratus (%)
Taraf Pendidikan	Sekolah Menengah	8	2.67
	Diploma	18	6
	Ijazah Sarjana Muda	272	90.67
	Ijazah Sarjana/PhD	2	0.67
Jumlah Keseluruhan		300	100

Jadual 4.2.3 Taraf Pendidikan Responden



Rajah 4.2.3 Taraf Pendidikan Responden

Jadual 4.2.3 dan rajah 4.2.3 memperincikan hasil analisis terhadap taraf pendidikan 300 responden dalam kajian ini, dengan golongan berkelulusan ijazah sarjana muda menunjukkan dominasi tertinggi, iaitu 272 orang (90.67%) daripada keseluruhan sampel. Peratusan ini jauh melebihi kumpulan lain, termasuk mereka yang berkelulusan sekolah menengah (2.67%), Diploma (6%), serta Ijazah Sarjana atau Doktor Falsafah (PhD) (0.67%).

Responden berkelulusan ijazah sarjana muda memainkan peranan penting dalam memberikan pandangan terhadap pelestarian pantun melalui *TikTok*, kerana mereka tergolong dalam kumpulan usia muda yang lebih terdedah kepada teknologi serta aktif menggunakan media sosial untuk menyampaikan budaya dan tradisi. Pendidikan di peringkat ini juga membekalkan mereka asas pengetahuan yang mendalam, meningkatkan keupayaan mereka untuk memberikan pandangan analitis dan berkualiti terhadap isu kajian. Mereka tergolong dalam kumpulan usia muda, biasanya berumur antara 18 hingga 24 tahun yang secara semula jadi lebih terdedah kepada teknologi moden dan perubahan dalam landskap digital. Generasi ini merupakan pengguna utama media sosial termasuk *TikTok*, yang sering digunakan untuk tujuan pembelajaran tidak formal, hiburan serta perkongsian budaya. *TikTok* sebagai platform interaktif dan visual sangat sesuai dengan gaya hidup mereka yang menghargai akses cepat, kandungan yang ringkas tetapi kreatif.

Selain itu, pendidikan di peringkat ijazah sarjana muda memberikan mereka asas pengetahuan yang lebih mendalam dalam pelbagai bidang, termasuk budaya dan seni, bergantung kepada kursus pengajian mereka. Pendidikan tinggi sering mengasah kemampuan analitis, kritikal, dan kreatif, menjadikan mereka lebih berupaya untuk menyumbang pandangan yang bernas dan berkualiti. Mereka telah terdedah kepada kaedah kajian, teori budaya dan teknologi semasa yang membantu mereka mengaitkan pelestarian pantun dengan pendekatan moden seperti penggunaan *TikTok*. Sebagai pelajar universiti, mereka juga lebih cenderung untuk mengambil bahagian dalam projek penyelidikan atau aktiviti akademik yang berkaitan dengan warisan budaya, sekali gus memperkuat penglibatan mereka dalam kajian ini.

Tambahan pula, pelajar berkelulusan ijazah sarjana muda sering kali mempunyai semangat yang tinggi untuk menyumbang kepada pelestarian budaya kerana mereka memahami pentingnya mewarisi tradisi kepada generasi akan datang. Mereka melihat pelestarian pantun sebagai tanggungjawab kolektif yang boleh dipenuhi dengan menggabungkan elemen tradisional dan moden. Keupayaan mereka untuk menterjemahkan nilai-nilai pantun ke dalam konteks digital menjadikan mereka agen perubahan yang relevan dalam memastikan seni warisan ini terus hidup dalam era teknologi. Dengan latar belakang pendidikan dan pengalaman mereka, responden ini mampu memberikan pandangan yang tidak hanya praktikal tetapi juga inovatif, sejajar dengan objektif kajian untuk menggunakan *TikTok* sebagai medium pelestarian pantun yang efektif.

Sebaliknya, responden berkelulusan sekolah menengah merupakan kumpulan terkecil, disebabkan tahap pengetahuan yang terhad, kurangnya pendedahan kepada pelestarian pantun secara formal atau kekurangan akses kepada pendidikan tinggi. Mereka belum terdedah sepenuhnya kepada konsep pelestarian pantun dari perspektif akademik atau teori kerana mereka belum diberi peluang untuk mendalami kajian kesusasteraan tradisional secara formal. Pendidikan di peringkat sekolah menengah biasanya lebih berfokus kepada pembelajaran asas dan kurikulum yang lebih umum tanpa memberi tumpuan khusus kepada aspek pelestarian budaya atau warisan, seperti pantun.

Selain itu, kurangnya pendedahan kepada pelestarian pantun secara formal juga mempengaruhi kesediaan mereka untuk terlibat dalam usaha melestarikan pantun melalui platform digital seperti *TikTok*. Mereka kurang menyedari pentingnya peranan mereka dalam menjaga tradisi lisan ini atau kurang memahami bagaimana media sosial boleh digunakan sebagai alat untuk mencapai matlamat tersebut. Pendidikan formal yang lebih tinggi sering kali memberi peluang untuk terlibat dalam projek kebudayaan atau penyelidikan yang memberi pendedahan lebih mendalam tentang kepentingan pelestarian seni tradisional. Oleh kerana itu, responden berkelulusan sekolah menengah tidak mempunyai pandangan atau pengetahuan yang cukup untuk menyumbang kepada perbincangan yang lebih mendalam tentang isu ini.

Kekurangan akses kepada pendidikan tinggi juga memainkan peranan besar dalam mempengaruhi keterlibatan mereka. Tanpa akses kepada pendidikan lanjutan, mereka tidak mempunyai peluang untuk memperkayakan pemahaman mereka tentang budaya dan warisan atau cara-cara untuk melestarikan pantun dalam konteks moden. Hal ini lebih ketara di kawasan luar bandar atau bagi mereka yang tidak dapat melanjutkan pelajaran ke peringkat universiti kerana kekangan ekonomi atau faktor-faktor lain. Dalam situasi ini, ketidakterdedahan mereka terhadap platform digital dan cara-cara baru untuk menyebarkan pengetahuan dan budaya seperti *TikTok* boleh menyebabkan mereka lebih cenderung untuk melihat pantun melalui perspektif yang lebih tradisional atau konvensional.

Walaupun mereka membentuk kumpulan yang lebih kecil, kehadiran responden berkelulusan sekolah menengah tetap memberi nilai tambah kepada kajian ini kerana mereka mewakili suara golongan yang lebih terhubung dengan kehidupan seharian dan amalan tradisional tanpa banyak campur tangan dari teknologi moden. Perspektif mereka penting untuk memahami bagaimana pantun diterima dan dipraktikkan dalam konteks yang lebih dekat dengan realiti masyarakat yang tidak begitu terdedah kepada media sosial dan pendidikan tinggi.

Responden berkelulusan Diploma (6%) mewakili golongan peringkat pertengahan yang mampu menyumbang pandangan bermakna berdasarkan pengalaman mereka dalam hierarki Pendidikan yang sering kali mempunyai latar belakang yang pelbagai dan pengalaman yang relevan dalam pelbagai bidang. Golongan ini berada dalam fasa peralihan antara pendidikan formal dan dunia pekerjaan yang memberikan mereka kelebihan tersendiri dalam menyumbangkan pandangan yang lebih praktikal dan bermakna mengenai pelestarian pantun terutamanya melalui platform seperti *TikTok*.

Pendidikan peringkat Diploma sering kali menekankan kemahiran praktikal dan aplikasi dunia sebenar berbanding pendidikan tinggi yang lebih berfokus kepada teori dan penyelidikan mendalam. Oleh itu, responden dengan kelulusan Diploma lebih cenderung untuk melihat isu pelestarian pantun dari perspektif yang lebih pragmatik dan aplikatif. Mereka mempunyai pengalaman langsung dalam industri kreatif, media sosial atau aktiviti kebudayaan yang dapat mereka hubungkan dengan usaha melestarikan pantun. Selain itu, golongan ini lebih mudah memahami keperluan untuk menyampaikan pantun dengan cara yang relevan dan menarik kepada generasi muda melalui *TikTok* yang menuntut kreativiti dan pendekatan moden.

Pengalaman mereka dalam dunia pekerjaan juga memberi mereka pandangan yang lebih luas tentang bagaimana budaya dan tradisi boleh disampaikan dalam konteks yang lebih luas. Mereka melihat potensi *TikTok* sebagai alat untuk memperkenalkan seni tradisional kepada masyarakat lebih luas, khususnya golongan muda yang lebih aktif di media sosial. Sebagai golongan yang berada di tengah-tengah antara dunia akademik dan pekerjaan, mereka lebih fleksibel dalam memahami hubungan antara teknologi dan tradisi serta lebih terbuka untuk beradaptasi dengan cara-cara baru dalam melestarikan budaya seperti pantun.

Selain itu, responden berkelulusan Diploma lebih berupaya untuk melihat potensi dalam memanfaatkan pelbagai medium digital untuk melestarikan pantun berbanding golongan yang lebih berpendidikan tinggi atau rendah yang kurang terdedah kepada penggunaan teknologi dalam konteks budaya. Mereka juga mempunyai pengetahuan praktikal mengenai penyuntingan video,

penciptaan kandungan digital dan penggunaan platform seperti *TikTok* yang boleh membantu mereka menyumbangkan cadangan yang lebih sesuai untuk menjadikan pantun lebih relevan dan dapat diterima dalam era digital.

Secara keseluruhannya, responden dengan kelulusan Diploma mempunyai keseimbangan yang baik antara pengetahuan praktikal dan kesediaan untuk menerima pendekatan moden dalam pelestarian budaya yang membolehkan mereka memberikan pandangan yang konstruktif dan bermakna dalam kajian ini. Pandangan mereka penting kerana mereka mewakili golongan yang mampu menghubungkan aspek tradisional dengan elemen-elemen baru dalam pelestarian pantun melalui media sosial.

Responden yang berkelulusan Ijazah Sarjana atau PhD (0.67%) merupakan kumpulan yang kecil dalam kajian ini dan penyertaan mereka yang terhad disebabkan oleh beberapa faktor yang berkait rapat dengan gaya hidup dan perspektif mereka terhadap penggunaan media sosial, khususnya *TikTok*, sebagai medium pelestarian budaya seperti pantun. Individu pada tahap pendidikan yang lebih tinggi ini sering kali mempunyai komitmen yang sangat tinggi terhadap kerjaya profesional atau akademik mereka yang mengakibatkan mereka tidak mempunyai banyak masa lapang untuk melibatkan diri dalam aktiviti luar seperti menggunakan *TikTok*. Jadual mereka yang padat, terutama bagi mereka yang terlibat dalam penyelidikan, pengajaran atau tugas pentadbiran menjadikan mereka kurang berpeluang atau berminat untuk menggunakan media sosial secara aktif untuk tujuan selain daripada keperluan profesional.

Selain itu, golongan berkelulusan tinggi ini lebih cenderung untuk melihat pelestarian budaya melalui pendekatan yang lebih formal dan berstruktur. Mereka lebih tertarik kepada kaedah akademik atau tradisional dalam melestarikan budaya seperti menerbitkan karya ilmiah, menganjurkan seminar atau menyertai diskusi akademik di peringkat tinggi. Mereka merasakan bahawa *TikTok*, yang merupakan platform media sosial yang lebih bersifat santai dan hiburan, tidak sesuai untuk membincangkan atau melestarikan sesuatu yang dianggap serius seperti pantun, yang memerlukan pemahaman mendalam dan kaedah penyebaran yang lebih terperinci.

Tambahan pula, golongan ini memandang *TikTok* sebagai medium yang bersifat sementara dan sering dipenuhi dengan kandungan yang bersifat hiburan atau *trend* jangka pendek. Mereka berpendapat bahawa *TikTok* dengan ciri-ciri yang cepat berubah dan lebih berfokus kepada kandungan yang ringkas dan viral tidak memberi ruang yang cukup untuk membangunkan dan menyebarkan pantun dengan cara yang berterusan dan mendalam. Oleh itu, mereka kurang yakin bahawa *TikTok* dapat digunakan untuk tujuan pelestarian budaya secara serius kerana mereka melihat platform ini lebih sesuai untuk tujuan hiburan atau promosi cepat daripada untuk pendidikan atau pemeliharaan warisan budaya.

Walaupun penyertaan golongan ini dalam kajian ini sedikit, mereka tetap membawa nilai yang berharga dengan memberi perspektif yang lebih akademik atau kritis terhadap penggunaan *TikTok* sebagai alat pelestarian. Sebagai


contoh, mereka melihatnya dari sudut kajian media atau teori komunikasi, menilai keberkesanannya berdasarkan aspek teknikal, etika dan teori media serta mempertimbangkan cabaran yang mungkin timbul dalam penggunaan *TikTok* untuk tujuan pelestarian budaya yang lebih mendalam. Oleh itu, walaupun jumlah mereka kecil, pandangan daripada golongan berkelulusan tinggi ini memberikan dimensi yang lebih mendalam dan berfokus pada aspek penyelidikan yang tidak dilihat oleh kelompok lain yang lebih muda atau kurang berpendidikan.

Secara keseluruhannya, kumpulan responden yang pelbagai ini memberikan pandangan yang berharga serta golongan berkelulusan Ijazah Sarjana Muda memainkan peranan utama dalam kajian ini. Keberagaman latar belakang pendidikan responden memperkaya kajian dengan perspektif yang lebih holistik, membantu memahami bagaimana tahap pendidikan mempengaruhi persepsi terhadap pelestarian pantun dan keberkesanan penggunaan *TikTok*.

4.2.4 Pekerjaan Responden

	Kategori	Kekerapan	Peratus(%)
Pekerjaan	Pelajar	271	90.33
	Bekerja	27	9
	Lain-lain	2	0.67
Jumlah Keseluruhan		300	100

Jadul 4.2.4 Pekerjaan Responden



Rajah 4.2.4 Pekerjaan Responden

Berdasarkan jadual 2.4.2 dan rajah 2.4.2, majoriti responden dalam kajian ini terdiri daripada golongan pelajar yang mencatatkan sebanyak 271 orang atau 90.33% daripada keseluruhan jumlah responden. Angka ini menunjukkan bahawa golongan pelajar merupakan kumpulan yang paling dominan dalam memberi perhatian terhadap isu pelestarian pantun melalui media sosial seperti *TikTok*. Fenomena ini boleh dilihat sebagai satu petanda bahawa generasi muda, terutama mereka yang berada dalam lingkungan usia 18 hingga 24 tahun semakin terlibat dalam usaha pemeliharaan budaya warisan melalui platform digital yang popular. Golongan pelajar ini lebih terdedah kepada teknologi dan menggunakan media sosial sebagai alat utama dalam komunikasi dan pembelajaran mereka. Kehadiran mereka yang aktif di platform seperti *TikTok* memberi gambaran bahawa mereka melihat potensi besar dalam platform tersebut untuk menyebarkan dan memperkenalkan budaya Melayu yang klasik seperti pantun dengan cara yang lebih dinamik dan moden. *TikTok* yang terkenal dengan format video pendek dan berfokuskan kepada visual serta audio memberikan ruang kepada pelajar untuk mempersembahkan pantun dalam bentuk yang lebih kreatif, santai dan mudah difahami oleh khalayak yang lebih luas.

Selain itu, pelajar juga sering terlibat dalam pelbagai perbincangan akademik dan budaya yang memfokuskan kepada pelestarian warisan. Mereka mempunyai akses kepada pelbagai bahan pembelajaran dan maklumat melalui internet yang membolehkan mereka untuk lebih memahami pentingnya menjaga tradisi terutamanya dalam bentuk yang relevan dengan perkembangan zaman. Keupayaan mereka untuk mengadaptasi tradisi seperti pantun kepada format digital membolehkan mereka menyampaikan mesej kebudayaan kepada generasi yang lebih muda dengan cara yang menarik dan menghiburkan tanpa mengabaikan nilai asalnya.

Selain itu, golongan pelajar ini lebih cenderung untuk melihat *TikTok* sebagai platform yang relevan dan sesuai untuk pelestarian pantun kerana ia menawarkan interaktiviti yang tinggi. Berbeza dengan saluran media tradisional yang lebih formal dan statik, *TikTok* membenarkan pengguna untuk berinteraksi dengan kandungan melalui komen, *likes* dan perkongsian. Interaksi ini dapat meningkatkan keterlibatan pengguna dan menjadikan proses pembelajaran serta penyebaran pantun lebih berkesan. Platform ini juga memberi ruang untuk inovasi dan eksperimen yang membolehkan pantun dipersembahkan dalam pelbagai cara yang lebih kreatif seperti digabungkan dengan muzik, tarian atau visual menarik yang relevan dengan kehendak dan selera generasi muda.

Dalam konteks yang lebih luas, kajian ini menyoroti bagaimana media sosial bukan sahaja berfungsi sebagai alat hiburan, tetapi juga sebagai medium untuk memperkenalkan dan melestarikan warisan budaya. Oleh itu, golongan pelajar yang aktif dan lebih terbuka kepada penggunaan teknologi dan media sosial, memainkan peranan penting dalam memperkenalkan dan mengekalkan tradisi seperti pantun dalam cara yang lebih moden dan sesuai dengan zaman kini. Mereka adalah pemangkin kepada perubahan yang membolehkan budaya Melayu terus relevan dan dihargai oleh generasi masa depan.

Sebagai perbandingan, golongan yang bekerja hanya mencatatkan sebanyak 27 orang responden atau 9% daripada keseluruhan jumlah responden dalam kajian ini. Angka ini menunjukkan bahawa golongan profesional dan mereka yang terlibat dalam dunia pekerjaan mempunyai peranan yang lebih kecil dalam pelestarian pantun melalui media sosial seperti *TikTok*. Fenomena ini mencerminkan bahawa golongan dewasa yang bekerja lebih terikat dengan komitmen dan tanggungjawab kerja harian mereka yang boleh menghadkan masa dan tenaga untuk melibatkan diri secara aktif dalam kegiatan media sosial terutamanya dalam aspek yang berkaitan dengan pelestarian budaya.

Selain itu, golongan yang bekerja ini juga lebih memilih saluran yang lebih formal dan profesional untuk mendalami dan memelihara budaya terutamanya tradisi seperti pantun. Mereka lebih cenderung untuk menyumbang kepada usaha pelestarian budaya melalui cara yang lebih akademik atau berstruktur

seperti penyelidikan, seminar atau penerbitan ilmiah. Melalui pendekatan ini, golongan ini dapat memberikan sumbangan yang lebih mendalam, kritikal dan sistematik terhadap pemahaman dan penyebaran pantun berbanding dengan penggunaan media sosial yang lebih bersifat santai dan tidak formal.

Kekangan masa juga menjadi faktor utama yang mempengaruhi kehadiran golongan ini dalam kajian ini. Dengan rutin kerja yang sering kali padat, banyak daripada mereka tidak mempunyai masa yang cukup untuk melibatkan diri dalam aktiviti di media sosial apatah lagi menggunakan platform seperti *TikTok* yang memerlukan masa untuk mencipta kandungan yang kreatif dan menarik. Sebaliknya, golongan ini lebih cenderung untuk mendapatkan maklumat melalui saluran yang lebih mudah diakses dalam konteks kerjaya mereka seperti melalui pembacaan jurnal atau menghadiri acara profesional yang berkaitan dengan budaya dan warisan. Selain itu, golongan yang bekerja ini tidak melihat *TikTok* sebagai platform yang relevan atau sesuai untuk pelestarian pantun. Mereka lebih mengutamakan platform yang lebih serius atau berstruktur yang memberi tumpuan kepada kajian akademik atau pelestarian budaya yang lebih mendalam dan bersifat formal. Dalam pandangan mereka, *TikTok* dianggap sebagai platform hiburan atau untuk kandungan yang bersifat ringan bukannya medium untuk pembelajaran budaya yang mendalam dan serius.

Namun, perlu diingat bahawa walaupun golongan profesional ini tidak terlalu terlibat dalam pelestarian pantun melalui *TikTok*, mereka tetap memainkan peranan penting dalam konteks yang lebih besar. Mereka boleh menyokong pelestarian budaya melalui penyelidikan yang lebih mendalam, pengajaran di institusi pendidikan atau dalam forum-forum yang lebih formal yang memberi penekanan kepada pentingnya menjaga tradisi seperti pantun dalam dunia yang semakin moden. Oleh itu, walaupun penglibatan mereka dalam kajian ini lebih rendah, sumbangan mereka dalam usaha pelestarian budaya melalui saluran lain tetap tidak boleh dipandang remeh.

Kumpulan responden yang tergolong dalam kategori "lain-lain," yang terdiri daripada hanya 2 orang atau 0.67%, walaupun kecil, memberikan sumbangan penting kepada dimensi kajian ini. Mereka mewakili golongan dengan latar belakang unik yang tidak tergolong dalam kategori pelajar mahupun pekerja seperti suri rumah, pesara, individu yang tidak bekerja atau mereka yang terlibat dalam aktiviti bebas seperti seni atau sukarelawan. Kehadiran mereka dalam kajian ini walaupun sedikit, tetap relevan kerana ia menambah kepelbagaian pandangan terhadap pelestarian pantun melalui media sosial seperti *TikTok*.

Individu dalam kategori ini mempunyai hubungan yang unik dengan budaya dan tradisi. Sebagai contoh, seorang pesara mempunyai pengalaman mendalam tentang pantun sebagai sebahagian daripada kehidupan mereka dahulu dan mereka boleh memberikan perspektif yang lebih tradisional atau nostalgik. Sebaliknya, seseorang yang terlibat dalam seni atau sukarelawan melihat pantun sebagai alat kreatif untuk mempromosikan mesej sosial atau menyatukan komuniti.

Kumpulan ini juga memiliki cara tersendiri dalam menggunakan platform digital seperti *TikTok*. Berbanding pelajar yang cenderung menggunakan *TikTok* untuk bersosial atau sebagai hiburan, individu dalam kategori ini melihat *TikTok* sebagai peluang untuk berkongsi pengalaman hidup, nilai budaya atau pandangan unik mereka tentang pelestarian tradisi. Kehadiran mereka menunjukkan bahawa pelestarian budaya seperti pantun bukan sahaja relevan kepada golongan muda atau mereka yang aktif dalam pekerjaan tetapi juga kepada individu dari pelbagai latar belakang.

Tambahan pula, kumpulan ini, walaupun kecil, dapat memberikan input yang lebih kritikal atau reflektif terhadap usaha pelestarian pantun. Sebagai golongan yang tidak terikat dengan keperluan akademik seperti pelajar atau tekanan pekerjaan seperti pekerja, mereka lebih bebas untuk meneroka perspektif yang kurang konvensional, contohnya, melihat pantun sebagai alat untuk refleksi peribadi atau terapi kreatif.

Secara keseluruhan, majoriti responden yang merupakan pelajar memberikan pandangan yang lebih segar dan relevan mengenai pelestarian pantun melalui *TikTok*, manakala golongan yang bekerja dan yang termasuk dalam kategori "lain-lain" memberikan perspektif yang lebih kecil dan lebih konservatif atau formal. Pembahagian kategori pekerjaan ini memberikan gambaran yang jelas tentang siapa yang lebih terdedah dan berminat untuk menyumbang kepada usaha pelestarian budaya dalam konteks digital serta bagaimana latar belakang pekerjaan boleh mempengaruhi cara seseorang melihat dan berinteraksi dengan platform seperti *TikTok*.


4.3 Pemahaman Responden Mengenai Penggunaan Media Sosial

Bahagian ini menganalisis sejauh mana pemahaman responden terhadap penggunaan media sosial, termasuklah platform yang paling kerap digunakan, tujuan penggunaan dan cara responden berinteraksi di media sosial. Ini penting untuk menentukan asas pengetahuan komuniti Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan terhadap penggunaan media sosial sebelum meneliti bagaimana media sosial seperti *TikTok* dapat digunakan untuk melestarikan pantun.

a) Kekerapan Responden Menggunakan *TikTok* Untuk Menonton Atau Membuat Kandungan Berkaitan Pantun

Menggunakan <i>TikTok</i> untuk menonton atau membuat kandungan berkaitan pantun	Kategori	Kekerapan	Peratus(%)
	Ya	214	71.33
	Tidak	86	28.67
Jumlah Keseluruhan		300	100

Jadual 4.3.1 Kekerapan Responden Menggunakan *TikTok* Untuk Menonton Atau Membuat Kandungan Berkaitan Pantun



Rajah 4.3.1 Kekerapan Responden Menggunakan *TikTok* Untuk Menonton Atau Membuat Kandungan Berkaitan

Pantun

Jadual 4.3.1 dan rajah 4.31 menunjukkan bahawa 214 orang responden (71.33%) menggunakan *TikTok* untuk menonton atau membuat kandungan berkaitan pantun manakala 86 orang responden (28.67%) tidak menggunakan platform ini, menggambarkan betapa kuatnya pengaruh media sosial terutamanya *TikTok* dalam mempopularkan budaya tradisional seperti pantun di kalangan komuniti Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan. Hasil analisis yang menunjukkan bahawa 214 orang responden (71.33%) menggunakan *TikTok* untuk menonton atau membuat kandungan berkaitan pantun menunjukkan bahawa penggunaan platform media sosial seperti *TikTok* telah berjaya menarik minat majoriti responden terutamanya dalam kalangan golongan muda. Angka ini mencerminkan betapa *TikTok* telah menjadi platform yang sangat popular dan relevan dalam kalangan pengguna digital.

Faktor utama yang menyumbang kepada fenomena ini adalah ciri-ciri unik *TikTok* sebagai platform vipendek yang dinamik dan mudah diakses. Dengan kemudahan untuk menghasilkan dan berkongsi kandungan kreatif, *TikTok* membolehkan pengguna mencipta video yang menggabungkan pantun dengan elemen-elemen lain seperti muzik, tarian atau grafik. Elemen-elemen ini tidak hanya meningkatkan daya tarikan kandungan pantun tetapi juga memberi peluang untuk menyesuaikan tradisi dengan citarasa golongan muda yang lebih cenderung kepada kandungan visual dan interaktif.

Penggunaan *TikTok* dalam konteks pelestarian pantun ini juga dapat dilihat sebagai satu usaha untuk menjadikan seni tradisional ini lebih relevan dengan perkembangan zaman. Dengan kemampuan untuk mencipta kandungan yang bersifat *viral*, *TikTok* memberi ruang kepada pengguna untuk menyebarkan pantun kepada khalayak yang lebih luas tidak terhad hanya kepada komuniti tempatan atau mereka yang mempunyai pengetahuan mendalam mengenai seni tradisional. Kandungan yang dihasilkan juga lebih mudah diterima kerana disajikan dalam format yang lebih moden dan santai, sesuai dengan budaya penggunaan media sosial di kalangan golongan muda.

Selain itu, kebolehan *TikTok* untuk menggunakan teknologi canggih seperti penapis, kesan visual dan audio turut memperkayakan penyampaian pantun. Responden yang menggunakan *TikTok* mengadaptasi pantun dalam cara yang lebih kreatif dan inovatif.

Kehadiran pantun dalam *TikTok* juga membuka peluang untuk memperkenalkan pelbagai variasi pantun, dari segi tema, struktur dan gaya yang boleh diolah oleh pengguna mengikut kreativiti mereka. Ini bukan sahaja menyumbang kepada pelestarian pantun, tetapi juga kepada pengembangan bentuk-bentuk baru dalam kesusasteraan tradisional Melayu yang boleh diterima dalam konteks moden. Platform ini memberi peluang kepada individu untuk tidak hanya mempelajari pantun tetapi juga menyumbang kepada warisan budaya ini dengan cara yang interaktif.

Namun, perlu diperhatikan bahawa walaupun majoriti responden menggunakan *TikTok* untuk tujuan ini, kajian ini juga boleh menggali lebih lanjut tentang bagaimana pengguna *TikTok* mengadaptasi pantun dalam kandungan mereka dan bagaimana ia mempengaruhi persepsi mereka terhadap seni tradisional. Ini boleh memberi pemahaman yang lebih mendalam tentang peranan *TikTok* sebagai medium yang bukan sahaja mempopularkan tetapi juga memberi nafas baru kepada tradisi yang mungkin dianggap kuno atau tidak relevan di kalangan generasi muda.

Secara keseluruhannya, data ini menggambarkan betapa berkesannya *TikTok* dalam menyebarkan dan melestarikan seni pantun, dengan menunjukkan penggunaan platform ini sebagai saluran yang sangat efektif untuk memperkenalkan dan mempromosikan budaya tradisional kepada khalayak yang lebih luas dan berbeza latar belakang.

Majoriti responden yang terlibat dalam penggunaan *TikTok* untuk tujuan ini menandakan bahawa platform digital telah menjadi medium utama yang digunakan oleh generasi muda untuk menghubungkan diri mereka dengan tradisi budaya yang kaya ini. Penggunaan *TikTok* sebagai platform untuk menonton atau menghasilkan kandungan berkaitan pantun membuktikan bahawa golongan muda semakin terbuka terhadap cara-cara moden dalam menyampaikan dan melestarikan seni tradisional. Platform ini menawarkan kemudahan dalam menyebarkan mesej secara visual dan interaktif di mana pantun yang dianggap sebagai seni yang lebih konvensional, dapat disampaikan dengan cara yang lebih menarik dan dinamik. Elemen-elemen seperti muzik, tarian dan kesan visual boleh digabungkan dengan pantun untuk mencipta pengalaman yang lebih menyeronokkan dan sesuai dengan citarasa generasi muda. Selain itu, *TikTok* juga membolehkan pengguna dari pelbagai latar belakang untuk berkongsi ciptaan mereka, meningkatkan tahap interaksi dan kreativiti dalam pelestarian pantun. Ini adalah ciri penting kerana ia memberi peluang kepada individu yang tidak terlibat dalam saluran formal seperti penyelidikan atau seminar untuk turut serta dalam usaha memperkenalkan dan menghidupkan kembali tradisi budaya melalui cara yang lebih santai. Dari perspektif yang lebih luas, penggunaan *TikTok* juga menunjukkan kebangkitan budaya digital yang tidak hanya memberi tumpuan kepada hiburan tetapi juga memberi kesan positif dalam mempromosikan warisan budaya. Generasi muda kini lebih mudah terdedah kepada pelbagai budaya dan tradisi melalui platform seperti *TikTok* yang memudahkan mereka untuk memahami, menghargai dan

mengambil bahagian dalam aktiviti yang berkaitan pantun.



UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

Namun begitu, Sebanyak 86 orang responden (28.67%) tidak menggunakan *TikTok* untuk menonton atau membuat kandungan berkaitan pantun yang menunjukkan bahawa walaupun *TikTok* memainkan peranan penting dalam mempopularkan budaya tradisional di kalangan golongan muda, terdapat sebahagian individu yang tidak terlibat dengan platform ini. Faktor-faktor seperti kekangan masa, kurangnya minat terhadap media sosial atau kepercayaan bahawa *TikTok* lebih sesuai untuk hiburan ringan daripada pelestarian budaya menjadi punca ketidakterlibatan mereka. Selain itu, kekangan teknologi dan akses internet yang terhad serta kebimbangan terhadap keselamatan dan privasi dalam talian turut mempengaruhi pilihan mereka. Ada juga golongan yang lebih cenderung memilih cara pelestarian budaya yang lebih formal atau konvensional seperti seminar atau penerbitan ilmiah daripada bergantung pada platform digital seperti *TikTok*. Kumpulan ini memberikan pandangan penting mengenai pendekatan alternatif dalam menggalakkan pelestarian pantun, khususnya bagi mereka yang kurang terdedah kepada media sosial.

4.3.2 Kekerapan responden menggunakan *TikTok*

Kekerapan responden menggunakan <i>TikTok</i>	Kategori	Kekerapan	Peratus(%)
	Setiap hari	233	77.67
	Beberapa kali seminggu	24	8
	Beberapa kali sebulan	6	2
	Jarang	37	12.33
Jumlah Keseluruhan		300	100

Jadual 4.3.2 Kekerapan Responden Menggunakan *TikTok*Rajah 4.3.2 Kekerapan Responden Menggunakan *TikTok*

Jadual 4.3.2 dan rajah 4.3.2 menunjukkan data kekerapan penggunaan *TikTok* dalam kalangan responden. Berdasarkan hasil analisis didapati bahawa majoriti besar iaitu seramai 233 orang responden (77.67%), menggunakan *TikTok* setiap hari. Kategori ini jelas menunjukkan bahawa *TikTok* telah menjadi sebahagian penting dalam kehidupan harian responden menggambarkan tahap populariti yang amat tinggi serta kebergantungan mereka terhadap platform ini. Responden dalam kategori ini memanfaatkan *TikTok* untuk pelbagai tujuan seperti hiburan, mendapatkan maklumat, mengikuti *trend* terkini dan bahkan untuk interaksi sosial secara maya. Kumpulan responden ini memanfaatkan *TikTok* untuk pelbagai tujuan, dengan hiburan menjadi salah satu faktor utama. Video pendek yang disajikan secara interaktif dan kreatif oleh pengguna lain menyediakan pengalaman hiburan yang mudah diakses. Algoritma *TikTok* yang mampu menyesuaikan kandungan dengan minat pengguna juga meningkatkan daya tarik platform ini, membuatkan mereka terus kembali untuk menonton lebih banyak kandungan. Selain hiburan, *TikTok* menjadi sumber maklumat yang penting bagi pengguna. Kandungan yang berbentuk pendidikan, berita semasa, petua kehidupan dan tutorial sering dikongsikan di platform ini. Hal ini menunjukkan bahawa *TikTok* bukan sekadar platform hiburan tetapi juga medium yang menyediakan informasi yang relevan dan berguna kepada pengguna, terutamanya generasi muda yang lebih cenderung kepada akses maklumat secara digital. Penggunaan *TikTok* juga memperlihatkan keupayaannya untuk menghubungkan pengguna dengan *trend* terkini. Sama ada dalam bentuk cabaran viral, lagu popular atau gaya hidup terkini. *TikTok*

menjadi medan utama bagi responden untuk terus mengikuti perkembangan semasa. *Trend* yang dimulakan di *TikTok* sering meluas ke media sosial lain, membuktikan pengaruh besar platform ini dalam membentuk budaya digital. Selain itu, *TikTok* memainkan peranan penting dalam interaksi sosial secara maya. Responden tidak hanya menjadi penonton pasif tetapi juga mencipta kandungan mereka sendiri sebagai cara untuk berhubung dengan rakan, keluarga atau khalayak yang lebih luas. Melalui ciri- ciri seperti komen, duet dan perkongsian video, *TikTok* menyediakan peluang untuk membina hubungan dan berinteraksi dengan komuniti global tanpa had sempadan. Kesemua aspek ini menunjukkan bahawa *TikTok* bukan sahaja sekadar aplikasi, tetapi telah menjadi ruang digital yang signifikan bagi responden. Pengaruhnya yang meluas dan kemampuan untuk memenuhi pelbagai keperluan menjadikan *TikTok* alat yang sangat berharga dalam kehidupan harian.

Sementara itu, 24 orang responden (8%) melaporkan bahawa mereka menggunakan *TikTok* beberapa kali seminggu, menunjukkan bahawa walaupun tidak digunakan setiap hari, mereka masih kerap meluangkan masa di platform tersebut. Kekerapan ini mencerminkan bahawa golongan ini lebih selektif dalam penggunaan *TikTok* atau hanya menggunakannya apabila mempunyai masa lapang atau keperluan tertentu. Penggunaan beberapa kali seminggu ini mencerminkan sikap selektif terhadap kandungan. Golongan ini lebih berminat untuk melihat kandungan yang relevan dengan minat atau keperluan spesifik mereka, seperti video berkaitan hobi, tip produktiviti atau maklumat yang

berkaitan dengan kehidupan harian mereka.



UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

Dari segi sosial, pengguna dalam kategori ini lebih memilih untuk menjadi pemerhati pasif yang menonton kandungan tanpa terlalu banyak menyumbang kepada penciptaan kandungan. Mereka kurang aktif berinteraksi melalui komen, perkongsian atau pembuatan video, berbanding dengan pengguna harian. Ini menunjukkan bahawa mereka menggunakan *TikTok* lebih untuk mendapatkan hiburan dan maklumat daripada menjadikannya sebagai alat utama untuk berkomunikasi atau mengekspresikan diri.

Secara keseluruhannya, golongan ini menunjukkan corak penggunaan yang lebih terkawal dan terarah. Walaupun mereka tidak menjadikan *TikTok* sebagai sebahagian daripada rutin harian mereka, mereka tetap mengenali nilai platform tersebut sebagai sumber hiburan, informasi dan inspirasi, tetapi dengan pendekatan yang lebih pragmatik dan berfokus.

Sebanyak 6 orang responden (2%) menyatakan mereka menggunakan *TikTok* beberapa kali sebulan. Jumlah yang rendah dalam kategori ini menunjukkan bahawa golongan ini kurang berminat terhadap media sosial atau mempunyai akses yang lebih terhad kepada teknologi seperti peranti atau sambungan internet. Mereka lebih memilih platform media sosial lain atau hanya menggunakan *TikTok* untuk tujuan tertentu yang tidak memerlukan akses kerap. Kurangnya minat terhadap media sosial boleh menjadi punca utama. Golongan ini lebih memilih untuk melibatkan diri dalam aktiviti lain yang tidak melibatkan penggunaan Teknologi seperti membaca, aktiviti luar atau meluangkan masa bersama keluarga dan rakan. Mereka juga kurang tertarik

dengan format video pendek atau tidak merasa kandungan di *TikTok* relevan dengan minat dan keperluan mereka. Kedua, faktor teknologi turut memainkan peranan penting. Golongan ini menghadapi kekangan seperti ketiadaan peranti yang sesuai, seperti telefon pintar yang menyokong aplikasi *TikTok* atau sambungan internet yang tidak stabil atau mahal. Kekangan ini boleh menyebabkan mereka menghadkan penggunaan *TikTok* kepada waktu tertentu sahaja, seperti ketika mereka berada di tempat yang mempunyai sambungan internet percuma atau stabil. Ketiga, mereka mempunyai keutamaan terhadap platform media sosial lain. Contohnya, mereka lebih aktif menggunakan platform seperti *Facebook*, *Instagram*, atau *Twitter*, yang dirasakan lebih sesuai dengan gaya komunikasi atau keperluan mereka. Dalam kes ini, *TikTok* hanya menjadi platform sampingan yang digunakan apabila mereka mencari sesuatu yang spesifik, seperti video hiburan tertentu, *trend* viral atau maklumat berkaitan hobi mereka. Keempat, golongan ini menggunakan *TikTok* untuk tujuan yang sangat spesifik seperti mencari kandungan inspirasi, mengikuti akaun tertentu atau menyertai *trend* tertentu sahaja. Mereka tidak terdorong untuk menggunakannya secara kerap kerana memerlukan akses sekali untuk mencapai tujuan tersebut.

Secara keseluruhannya, corak penggunaan yang jarang ini mencerminkan bahawa *TikTok* bukanlah elemen penting dalam kehidupan mereka. Walaupun begitu, mereka tetap menyedari kehadiran platform tersebut dan menggunakannya apabila diperlukan. Ini menunjukkan bahawa walaupun *TikTok* popular secara keseluruhan, masih terdapat segmen pengguna yang memilih untuk berinteraksi dengan platform ini secara minimum, sama ada disebabkan oleh keutamaan peribadi, kekangan teknologi atau keperluan yang sangat khusus.

Sebaliknya, 37 orang responden (12.33%) melaporkan bahawa mereka menggunakan *TikTok* secara jarang. Angka ini mencerminkan bahawa walaupun *TikTok* popular, terdapat segmen pengguna yang tidak menjadikan platform ini sebagai sebahagian besar daripada rutin mereka. Hal ini disebabkan oleh faktor seperti kekangan masa, kurangnya minat terhadap kandungan di *TikTok* atau keutamaan terhadap aktiviti lain. Pertama, kekangan masa sering menjadi sebab utama sesetengah individu jarang menggunakan *TikTok*. Golongan ini yang terdiri daripada pelajar, pekerja profesional atau mereka yang mempunyai tanggungjawab besar seperti mengurus keluarga sering kali menghadapi jadual harian yang padat. Oleh itu, mereka cenderung memanfaatkan masa yang terhad untuk aktiviti yang dianggap lebih penting atau produktif, seperti menyelesaikan tugas, menghadiri mesyuarat atau melibatkan diri dalam aktiviti sukan dan riadah.

Selain itu, kurangnya minat terhadap kandungan yang ditawarkan di *TikTok* turut menjadi penyebab utama. Bagi sesetengah individu, kandungan di platform ini tidak relevan atau tidak memenuhi citarasa mereka. Mereka lebih cenderung kepada media lain yang menawarkan informasi yang lebih mendalam seperti buku, laman web ilmiah atau dokumentari. Tambahan pula, ada juga individu yang tidak gemar dengan kandungan yang dianggap terlalu ringan, menghibur semata-mata atau kurang berinformasi. Keutamaan terhadap aktiviti lain juga merupakan faktor yang signifikan. Ada pengguna yang lebih memilih untuk melibatkan diri dalam aktiviti luar talian seperti bersosial bersama rakan, membaca, menghadiri kelas atau menikmati hobi seperti memasak, melukis atau berkebun. Bagi mereka, aktiviti ini bukan sahaja memberikan kepuasan yang lebih bermakna, tetapi juga membantu mengurangkan ketergantungan terhadap teknologi. Selain itu, isu seperti keprihatinan terhadap privasi atau kebimbangan terhadap ketagihan teknologi juga menyumbang kepada penggunaan *TikTok* yang jarang. Individu yang sedar akan kesan negatif penggunaan media sosial yang berlebihan memilih untuk mengawal masa yang mereka habiskan di platform seperti *TikTok*. Secara keseluruhannya, walaupun *TikTok* telah mencipta gelombang populariti yang besar, tidak semua individu menjadikannya sebagai sebahagian daripada rutin harian mereka. Ini mencerminkan kepelbagaian keutamaan, minat dan gaya hidup dalam kalangan masyarakat di mana setiap individu memilih medium yang paling sesuai dengan keperluan dan kehendak mereka.


Secara keseluruhannya, data ini menonjolkan bahawa penggunaan *TikTok* adalah sangat tinggi, dengan lebih tiga perempat responden menggunakannya setiap hari. Angka ini menunjukkan tingkat keterlibatan yang kuat dengan platform tersebut didorong oleh kemudahan akses dan pelbagai jenis kandungan yang ditawarkan. *TikTok* bukan sahaja berfungsi sebagai sumber hiburan, tetapi juga sebagai medium untuk berkongsi maklumat, kreativiti dan interaksi sosial. Populariti *TikTok* yang berterusan menunjukkan pengaruhnya dalam membentuk cara individu mendapatkan maklumat dan hiburan. Dalam konteks ini, *TikTok* telah berjaya menempatkan dirinya sebagai salah satu platform utama dalam kehidupan digital masyarakat hari ini, terutamanya di kalangan responden yang dikaji.

4.3.3 Kekerapan Responden Meluangkan Masa Menggunakan *TikTok* Setiap Hari

Kekerapan responden meluangkan masa menggunakan <i>TikTok</i> setiap hari	Kategori	Kekerapan	Peratus (%)
	Kurang daripada 1 jam	56	18.67
	1 hingga 2 jam	100	33.33
	2 hingga 4 jam	78	26
	Lebih daripada 4 jam	66	22
Jumlah Keseluruhan		300	100

Jadul 4.3.3 Kekerapan Responden Meluangkan Masa Menggunakan

TikTok Setiap Hari



Rajah 4.3.3 Kekerapan Responden Meluangkan Masa Menggunakan *TikTok*

Setiap Hari

Jadual 4.3.3 dan rajah 4.3.3 menunjukkan kekerapan responden meluangkan masa menggunakan *TikTok* setiap hari menunjukkan variasi yang ketara, mencerminkan corak penggunaan platform ini yang berbeza dalam kalangan pengguna. Dapatan ini memberikan gambaran yang lebih mendalam tentang pengaruh *TikTok* terhadap rutin harian individu dengan majoriti responden menunjukkan kecenderungan terhadap penggunaan yang sederhana hingga tinggi.

Majoriti responden iaitu sebanyak 33.33% (100 orang), meluangkan masa antara satu hingga dua jam sehari di *TikTok*. Angka ini menunjukkan penggunaan yang seimbang di mana aplikasi ini dijadikan sebahagian daripada rutin harian tetapi tidak mendominasi waktu mereka sepenuhnya. Penggunaan dalam tempoh ini bertujuan untuk hiburan ringkas, mengikuti perkembangan terkini atau mencari inspirasi tanpa menjejaskan aktiviti utama lain. Penggunaan antara satu hingga dua jam ini boleh dikaitkan dengan tujuan-tujuan tertentu yang spesifik kepada keperluan pengguna. Bagi kebanyakan individu, tempoh ini mencukupi untuk mendapatkan hiburan ringkas. Dengan pelbagai jenis kandungan yang disediakan di *TikTok* seperti video komedi, muzik atau *trend* terkini, pengguna dapat menikmati seketika hiburan tanpa perlu melibatkan masa yang terlalu lama. Ini menjadikan *TikTok* platform yang ideal untuk mengisi masa lapang yang terhad. Selain itu, sebahagian pengguna meluangkan masa ini untuk mengikuti perkembangan terkini, terutamanya yang berkaitan dengan topik-topik yang mereka minati. *TikTok* sering kali menjadi tempat untuk mencari

maklumat tentang isu semasa, perkembangan teknologi, fesyen atau budaya pop. Penggunaan selama satu hingga dua jam sehari membolehkan pengguna terus terhubung dengan dunia luar tanpa perlu menghabiskan masa yang berlebihan. Bagi sesetengah pengguna, *TikTok* juga menjadi sumber inspirasi. Video-video pendek yang memuatkan pelbagai idea kreatif seperti resipi memasak, seni DIY atau tip produktiviti boleh memberikan manfaat praktikal kepada pengguna dalam kehidupan seharian mereka. Tempoh penggunaan ini membolehkan mereka menyerap idea-idea baharu tanpa merasa terbeban atau hilang fokus pada tanggungjawab utama. Selain itu, pengguna dalam kategori ini mempunyai kesedaran yang tinggi tentang kepentingan keseimbangan antara dunia digital dan dunia nyata. Mereka cenderung untuk menetapkan had penggunaan aplikasi, memastikan bahawa masa di *TikTok* tidak mengganggu kualiti waktu mereka bersama keluarga, rakan atau aktiviti lain yang lebih penting. Pendekatan ini mencerminkan cara yang sihat untuk memanfaatkan media sosial, menjadikannya sebagai alat tambahan dan bukannya keperluan utama. Secara keseluruhannya, tempoh penggunaan antara satu hingga dua jam sehari ini mencerminkan corak penggunaan yang bijak di mana pengguna dapat menikmati manfaat daripada aplikasi *TikTok* tanpa risiko ketagihan atau pengabaian terhadap aspek kehidupan lain. Corak ini menunjukkan bagaimana *TikTok* boleh berperanan sebagai alat hiburan dan inspirasi yang relevan tanpa menjadi beban kepada pengguna.

Sementara itu, 26% responden (78 orang) meluangkan antara dua hingga empat jam sehari di *TikTok*, mencerminkan komitmen yang lebih besar terhadap penggunaan aplikasi ini. Golongan ini terdiri daripada pengguna yang benar-benar menikmati kandungan yang ditawarkan termasuk video hiburan, tutorial atau kandungan pendidikan. Mereka juga terlibat dalam mencipta kandungan mereka sendiri, menjadikan penggunaan *TikTok* lebih intensif. Ini menggambarkan bahawa aplikasi ini tidak hanya menjadi medium untuk hiburan tetapi juga platform untuk kreativiti dan interaksi sosial. Golongan ini terdiri daripada mereka yang benar-benar menikmati pelbagai kandungan menarik yang tersedia di *TikTok*, termasuk video hiburan, tutorial praktikal atau kandungan pendidikan. Kandungan seperti video komedi, *trend* muzik terkini, petua memasak atau pelajaran pendek dalam pelbagai bidang seperti bahasa, sejarah dan teknologi sering menjadi tarikan utama. Dengan penggunaan selama dua hingga empat jam sehari, pengguna ini mampu mengeksplorasi lebih banyak kandungan dan menikmati pelbagai pengalaman yang ditawarkan oleh platform tersebut. Selain sebagai penonton pasif, ada juga pengguna dalam kalangan ini yang aktif mencipta kandungan mereka sendiri. Golongan ini menggunakan *TikTok* sebagai platform untuk mengekspresikan kreativiti, sama ada melalui tarian, parodi, tip kecantikan, ulasan produk atau perkongsian pengetahuan. Aktiviti penciptaan kandungan ini bukan sahaja memberikan mereka peluang untuk berkongsi minat dan kemahiran tetapi juga meningkatkan penglibatan mereka dengan aplikasi ini. Bagi pencipta kandungan, *TikTok* juga berfungsi sebagai alat untuk membina pengaruh sosial

(*social influence*) dan menjana pendapatan melalui kerjasama dengan jenama atau sokongan daripada peminat. Tambahan lagi, penggunaan antara dua hingga empat jam sehari juga mencerminkan bagaimana *TikTok* berfungsi sebagai platform interaksi sosial. Pengguna sering berkomunikasi melalui komen, duet video atau menyertai cabaran yang sedang tular. Interaksi ini bukan sahaja mengukuhkan hubungan maya tetapi juga memperluaskan rangkaian sosial mereka. *TikTok* menjadi ruang untuk membina komuniti berdasarkan minat yang sama, sama ada dalam bidang seni, pendidikan, fesyen atau hobi tertentu. Walau bagaimanapun, tempoh penggunaan yang agak panjang ini juga menunjukkan sejauh mana *TikTok* berjaya mempengaruhi kehidupan pengguna sehingga sebahagian besar masa harian mereka diperuntukkan untuk aplikasi ini. Walaupun ini memperlihatkan keupayaan *TikTok* untuk menjadi alat hiburan dan ekspresi kreatif yang berkesan, ia juga menimbulkan persoalan tentang kemungkinan kesan negatif seperti ketagihan teknologi, pengabaian tanggungjawab lain atau pengurangan interaksi dunia nyata. Secara keseluruhannya, dapatan ini menunjukkan bahawa bagi pengguna yang meluangkan antara dua hingga empat jam sehari, *TikTok* telah menjadi lebih daripada sekadar medium hiburan. Ia adalah alat kreatif dan sosial yang menyokong pelbagai jenis penglibatan, daripada sekadar menonton hingga mencipta dan berinteraksi. Populariti dan intensiti penggunaan ini mencerminkan daya tarikan *TikTok* yang luas, tetapi pada masa yang sama, ia memerlukan pendekatan penggunaan yang seimbang untuk mengelakkan kesan sampingan yang tidak diingini.

Selain itu, 22% responden (66 orang) yang menggunakan *TikTok* lebih daripada empat jam sehari menunjukkan tahap penggunaan yang sangat tinggi, menggambarkan penglibatan intensif mereka dengan aplikasi ini. Pengguna dalam kategori ini terdiri daripada pencipta kandungan, peminat tegar *TikTok* atau mereka yang menjadikan aplikasi ini sebagai saluran utama untuk bersosial dan mendapatkan maklumat. Walaupun ia menunjukkan minat yang mendalam terhadap *TikTok*, penggunaan yang terlalu lama juga boleh menimbulkan persoalan tentang keseimbangan antara dunia digital dan kehidupan sebenar serta risiko ketagihan teknologi. Pengguna dalam kategori ini terdiri daripada beberapa kumpulan utama. Pertama, pencipta kandungan yang sering menggunakan *TikTok* untuk menghasilkan dan memuat naik video baharu. Golongan ini memanfaatkan masa yang lama untuk merancang, merakam dan menyunting video selain berinteraksi dengan pengikut mereka melalui komen dan mesej. Bagi mereka, *TikTok* bukan sekadar medium hiburan, tetapi juga platform untuk menonjolkan kreativiti, membina jenama peribadi, dan dalam sesetengah kes, menjana pendapatan. Aktiviti mereka di *TikTok* melibatkan cabaran viral, tutorial atau video informatif yang memerlukan komitmen masa yang signifikan. Kedua, peminat tegar *TikTok* yang menggunakan aplikasi ini sebagai sumber utama hiburan. Mereka meluangkan masa yang panjang untuk menonton pelbagai kandungan seperti video komedi, cabaran tarian atau video motivasi. Selain itu, mereka aktif mengikuti pencipta kegemaran mereka, menyertai *trend* semasa dan berinteraksi dengan komuniti maya. *TikTok*

menjadi saluran penting bagi mereka untuk melarikan diri daripada tekanan harian atau mencari inspirasi. Ketiga, pengguna yang menjadikan *TikTok* sebagai saluran utama untuk bersosial dan mendapatkan maklumat.



UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

Selain itu, paparan berlebihan kepada kandungan tertentu di *TikTok* juga boleh mempengaruhi kesihatan mental pengguna, terutamanya jika mereka terdedah kepada standard kecantikan yang tidak realistik, kritikan daripada netizen atau maklumat palsu. Oleh itu, penting untuk pengguna dalam kategori ini mempraktikkan penggunaan aplikasi secara berhemah dan menetapkan had masa agar pengalaman digital mereka kekal positif dan seimbang. Secara keseluruhannya, dapatan ini menunjukkan bahawa penggunaan *TikTok* lebih daripada empat jam sehari mencerminkan daya tarikannya yang besar dalam menarik perhatian pengguna. Walaupun ia berpotensi memberikan peluang kreatif dan sosial yang luas, penggunaan yang terlalu lama boleh membawa kesan negatif. Oleh itu, adalah penting untuk pengguna menyedari kepentingan keseimbangan digital untuk menjaga kesihatan fizikal dan mental serta kualiti kehidupan secara keseluruhan.

Sebanyak 18.67% responden yang meluangkan kurang daripada satu jam sehari di *TikTok* mencerminkan golongan pengguna yang lebih kasual dan tidak terikat dengan aplikasi ini. Penggunaan minima ini boleh dikaitkan dengan faktor seperti kekangan masa akibat komitmen harian, kurangnya minat terhadap kandungan *TikTok* atau keutamaan kepada platform lain yang lebih relevan dengan minat mereka. Selain itu, golongan ini menggunakan *TikTok* hanya untuk tujuan tertentu seperti menonton video yang disyorkan atau mengikuti trend terkini tanpa melibatkan diri secara aktif. Mereka juga mungkin lebih sedar tentang kepentingan mengawal masa penggunaan media sosial untuk

menjaga keseimbangan kehidupan harian sekali gus menunjukkan kepelbagaian corak penggunaan *TikTok* dalam kalangan responden.


Secara keseluruhan, dapatan ini menunjukkan bahawa *TikTok* mempunyai daya tarikan yang kuat dengan hampir separuh responden (48%) menghabiskan lebih daripada dua jam sehari di platform tersebut. Ini mencerminkan keupayaan *TikTok* untuk menarik perhatian pengguna melalui pelbagai jenis kandungan yang kreatif, relevan dan mudah diakses. Namun begitu, variasi dalam kekerapan penggunaan juga menunjukkan bahawa tidak semua pengguna terlibat secara intensif, mencerminkan keperluan dan gaya hidup yang berbeza dalam kalangan masyarakat. Fenomena ini memberi implikasi bahawa *TikTok* bukan sekadar aplikasi hiburan tetapi juga alat interaksi sosial yang memainkan peranan penting dalam landskap digital masa kini.

4.3.4 Kekerapan Responden Melihat Kandungan Pantun Yang Dihasilkan Oleh Pengguna *TikTok* Lain

Kekerapan responden melihat kandungan pantun yang dihasilkan oleh pengguna <i>TikTok</i> lain	Kategori	Kekerapan	Peratus(%)
	Ya	235	78.33
	Tidak	65	21.67
Jumlah keseluruhan		300	100

Jadual 4.3.4 Kekerapan Responden Melihat Kandungan Pantun Yang Dihasilkan Oleh Pengguna *TikTok* Lain

Adakah anda pernah melihat kandungan pantun yang dihasilkan oleh pengguna *TikTok* lain? Pie ▾



■ Ya : 235 (78.33%)
■ Tidak : 65 (21.67%)

Rajah 4.3.4 Kekerapan Responden Melihat Kandungan Pantun Yang Dihasilkan Oleh Pengguna *TikTok* Lain

Jadual 4.3.4 dan rajah 4.3.4 menunjukkan bahawa seni budaya tradisional seperti pantun mampu menarik perhatian pengguna dalam era digital menunjukkan keupayaan seni warisan untuk kekal relevan dalam dunia moden. Daripada 300 responden, majoriti iaitu 78.33% (235 responden) mengakui kerap melihat kandungan pantun di *TikTok*, mencerminkan potensi besar seni ini sebagai medium komunikasi yang sesuai untuk platform digital. Walaupun pantun berasal dari tradisi lisan, berjaya menyesuaikan diri dengan cara penyampaian baharu di *TikTok*, terutamanya melalui gabungan elemen visual yang menarik, audio yang berirama serta integrasi dengan *trend* semasa yang digemari pengguna. Kandungan ini sering diolah secara kreatif untuk memenuhi citarasa penonton, contohnya melalui penggabungan pantun dengan muzik latar, efek visual dan gaya penyampaian unik seperti humor atau sindiran. Kaedah ini bukan sahaja mengekalkan nilai estetika pantun tetapi juga menjadikannya lebih mudah diterima oleh generasi muda yang gemar kepada kandungan interaktif dan dinamik. Tambahan pula, *TikTok* sebagai platform yang bersifat inklusif dan mesra pengguna memberikan peluang kepada pelbagai lapisan masyarakat untuk menghasilkan dan menyebarkan kandungan pantun mereka sendiri, sekaligus memperluaskan lagi capaian seni tradisional ini. Fenomena ini menunjukkan bahawa pantun bukan sahaja mampu kekal sebagai warisan budaya tetapi juga menjadi alat yang berkesan untuk menyampaikan mesej, memupuk kreativiti dan membina kesedaran budaya dalam kalangan generasi masa kini. Ini memberikan peluang yang besar untuk terus mempromosikan dan memelihara seni tradisional dalam konteks dunia digital yang semakin berkembang. Fenomena ini memberikan peluang yang

besar untuk terus mempromosikan dan memelihara seni tradisional seperti pantun dalam konteks dunia digital yang semakin berkembang pesat. Platform seperti *TikTok* membuka ruang yang luas untuk menjadikan pantun lebih dikenali dan relevan terutama dalam kalangan generasi muda yang sering terdedah kepada teknologi dan media sosial. Melalui pendekatan kreatif dan inovatif, seni tradisional ini boleh dihidupkan semula dalam bentuk baharu yang lebih menarik dan mudah difahami. Kemampuan *TikTok* untuk menjangkau audiens global juga menyediakan peluang untuk memperkenalkan pantun ke peringkat antarabangsa, menjadikannya bukan sekadar seni budaya tempatan tetapi juga sebagai simbol identiti budaya yang dihargai di arena global. Melalui fungsi interaktif seperti duet, kolaborasi dan cabaran (*challenge*), pengguna boleh terlibat secara langsung dengan pantun, sama ada mencipta, mengolah atau menyebarkan kandungan tersebut, sekaligus memastikan ia terus berkembang dan dihayati oleh pelbagai lapisan masyarakat. Selain itu, integrasi pantun dalam platform digital juga boleh menjadi pemangkin kepada pendidikan budaya, di mana generasi muda dapat mempelajari nilai dan keindahan seni ini secara tidak formal. Kandungan pantun yang memaparkan mesej moral, nilai-nilai murni dan petua kehidupan boleh dijadikan alat pembelajaran yang menyeronokkan, selain memupuk minat terhadap warisan budaya. Dalam jangka panjang, usaha ini bukan sahaja membantu memastikan kelestarian pantun, tetapi juga memupuk rasa bangga terhadap seni budaya dalam kalangan rakyat Malaysia dan komuniti global.

Sebaliknya, 21.67% (65 responden) yang tidak melihat kandungan pantun di *TikTok* mencerminkan kewujudan segmen pengguna yang kurang tertarik kepada kandungan tradisional, sekali gus menunjukkan cabaran dalam usaha mempromosikan seni budaya ini. Golongan ini mungkin lebih cenderung kepada kandungan yang bersifat moden seperti video hiburan, tarian, atau *trend* viral yang dianggap lebih relevan dengan gaya hidup dan minat mereka. Kekurangan pendedahan terhadap pantun berpunca daripada algoritma *TikTok* yang memaparkan kandungan berdasarkan minat pengguna, menyebabkan mereka kurang terdedah kepada kandungan pantun jika ia tidak selaras dengan corak tontonan mereka. Selain itu, faktor kesedaran yang rendah mengenai nilai budaya pantun juga menyumbang kepada fenomena ini. Ramai dalam segmen ini tidak memahami keunikan dan kepentingan pantun sebagai warisan budaya, menyebabkan mereka kurang menghargainya berbanding kandungan lain. Ini turut dipengaruhi oleh kurangnya usaha sistematik untuk memperkenalkan pantun secara meluas melalui pendekatan yang sesuai dengan demografi pengguna *TikTok*, seperti penceritaan kreatif atau cabaran interaktif. Keutamaan kepada kandungan hiburan yang lebih ringan dan mudah difahami juga menjadi faktor yang menjauhkan golongan ini daripada pantun, yang dianggap kompleks atau tidak relevan. Golongan ini cenderung memilih kandungan yang lebih segera menarik perhatian dan memberikan hiburan langsung tanpa memerlukan pemahaman mendalam terhadap seni atau mesej budaya. Fenomena ini menggariskan keperluan untuk strategi promosi yang lebih efektif dalam menarik perhatian segmen pengguna ini. Penghasilan kandungan pantun yang lebih relevan dengan *trend* semasa, memanfaatkan gaya penyampaian moden atau menggabungkannya dengan elemen popular seperti muzik atau humor dapat menjadikan seni ini lebih menarik dan mudah diterima oleh kumpulan yang kurang berminat terhadap kandungan tradisional.


Seperti cabaran (*challenges*), video duet atau penggunaan *filter* kreatif, pantun boleh disesuaikan menjadi kandungan yang lebih menyeronokkan dan interaktif. Sebagai contoh, cabaran mencipta pantun spontan berdasarkan situasi semasa atau berbalas pantun dalam gaya pertandingan boleh memberikan pengalaman baru kepada pengguna. Integrasi elemen popular seperti muzik turut memainkan peranan penting dalam meningkatkan daya tarikan pantun. Iringan muzik moden, seperti hip hop, lo-fi atau rentak tradisional yang diolah semula, boleh mencipta suasana yang segar dan relevan dengan minat generasi muda. Contohnya, pantun yang disampaikan dalam bentuk rap atau lagu dapat menjadikannya lebih mudah dihayati sambil mengekalkan nilai estetika tradisionalnya. Selain itu, elemen humor dapat digunakan untuk menambah daya tarik pantun kepada audiens. Kandungan pantun yang bersifat lucu atau satira ringan dapat menjadikannya lebih mudah diterima dan menyeronokkan. Humor yang diolah secara kreatif boleh membantu menghilangkan persepsi bahawa pantun adalah sesuatu yang “berat” atau “lama,” sekali gus membuka ruang untuk ia dihargai oleh generasi baharu. Gabungan elemen- elemen ini bukan sahaja menjadikan pantun lebih menarik tetapi juga dapat memperluaskan capaian seni ini kepada pelbagai lapisan masyarakat, termasuk mereka yang sebelum ini kurang berminat terhadap kandungan tradisional. Pendekatan ini juga memberikan peluang untuk memperkenalkan nilai-nilai murni dan mesej positif melalui pantun dalam cara yang lebih relevan dan efektif, memastikan seni ini terus hidup dan dihargai dalam dunia digital yang serba pantas.

Secara keseluruhannya, data ini mencerminkan potensi besar pantun sebagai medium komunikasi budaya di platform digital, di mana popularitinya di *TikTok* boleh menjadi asas untuk memperkukuhkan usaha pemeliharaan seni tradisional. Sambutan positif terhadap pantun ini juga membuka peluang untuk generasi muda lebih menghargai budaya warisan sambil memanfaatkannya dalam bentuk yang inovatif dan relevan dengan teknologi masa kini.

Kekerapan Responden Bersetuju *TikTok* Boleh Meningkatkan Minat
Komuniti di Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan Terhadap Pantun
Tradisional

Kekerapan responden bersetuju <i>TikTok</i> boleh meningkatkan minat generasi muda terhadap pantun tradisional	Kategori	Kekerapan	Peratus(%)
	Sangat setuju	160	53.33
	Setuju	119	39.67
	Tidak pasti	19	6.33
	Tidak setuju	1	0.33
	Sangat tidak setuju	1	0.33
Jumlah Keseluruhan		300	100

Jadual 4.3.5 Kekerapan Responden Bersetuju *TikTok* Boleh Meningkatkan
Minat Komuniti di Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan Terhadap Pantun
Tradisional



Rajah 4.3.5 Kekerapan Responden Bersetuju *TikTok* Boleh Meningkatkan
Minat Komuniti di Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan Terhadap Pantun
Tradisional

Jadual dan rajah 4.3.5 menunjukkan keyakinan majoriti responden terhadap keupayaan *TikTok* dalam meningkatkan minat generasi muda terhadap pantun tradisional. Sebanyak 160 responden (53.33%) menyatakan sangat setuju, manakala 119 responden (39.67%) menyatakan setuju, menjadikan lebih daripada 90% responden secara kolektif percaya bahawa platform ini dapat memainkan peranan penting dalam memperkenalkan seni budaya tradisional kepada golongan muda. Statistik ini memperlihatkan potensi *TikTok* sebagai medium digital yang mampu menarik perhatian generasi muda dengan cara yang kreatif dan interaktif, menjadikan pantun lebih relevan dengan persekitaran semasa.

Sebaliknya, hanya 19 responden (6.33%) tidak pasti mengenai peranan *TikTok* dalam konteks ini. Hal ini mencerminkan keperluan bagi pendedahan lebih luas atau pendekatan promosi yang lebih menyeluruh untuk meningkatkan keyakinan golongan ini terhadap keupayaan platform tersebut. Jumlah yang sangat kecil bagi responden yang tidak setuju (1 orang) dan sangat tidak setuju (1 orang), masing-masing pada kadar 0.33%, menunjukkan bahawa hampir semua responden memandang positif peranan *TikTok* sebagai alat untuk memperkasakan warisan budaya seperti pantun.

Faktor utama yang menjadikan *TikTok* berpotensi besar dalam mempromosikan pantun adalah ciri-cirinya yang mesra pengguna, format video pendek yang menarik, serta algoritma yang mampu memaparkan kandungan kepada khalayak yang lebih luas berdasarkan minat mereka. Ini membolehkan pantun disampaikan dalam bentuk yang lebih moden dan interaktif, seperti menggunakan muzik latar, elemen humor atau *trend* popular untuk mencipta daya tarikan yang segar. Selain itu, *TikTok* juga membuka peluang untuk pengguna terlibat secara langsung dengan kandungan pantun melalui cabaran (*challenges*), duet atau kolaborasi kreatif, menjadikan pengalaman mempelajari dan menghayati pantun lebih menyeronokkan.

Secara keseluruhannya, dapatan ini menunjukkan sokongan yang kuat terhadap potensi *TikTok* sebagai platform digital yang mampu memupuk minat terhadap pantun tradisional dalam kalangan komuniti Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan. Keberkesanan ini bukan sahaja membantu memastikan kelangsungan seni budaya warisan tetapi juga memperkukuhkan jati diri budaya dalam era globalisasi yang pesat.

4.4 Mengkaji Minat Terhadap Pantun

Kajian ini akan menilai tahap minat responden terhadap pantun sebagai salah satu seni sastra Melayu, serta sejauh mana mereka menghayati dan menghargai keindahan pantun. Bahagian ini juga akan melihat sama ada minat responden terhadap pantun dipengaruhi oleh penggunaan platform media sosial seperti *TikTok* dan sama ada mereka bersetuju bahawa pantun boleh dipromosikan dan dipelihara melalui medium digital ini. Kajian ini menggunakan skala likert lima mata dengan skala berikut: skala likert 1.00 = sangat tidak setuju, 2.00 = tidak setuju, 3.00 = kurang setuju, 4.00 = setuju dan 5.00 = sangat setuju. Analisis dan interpretasi data skala likert adalah berdasarkan bacaan purata (mean).

Bil.	Tahap minat responden terhadap pantun	Mean	SD
1	Saya sering mendengar atau membaca pantun melalui media sosial terutama di <i>TikTok</i>	4.40	0.77
2	Saya berpendapat bahawa <i>TikTok</i> boleh menjadi platform yang baik untuk mempromosikan pantun	4.27	0.73
3	Saya percaya bahawa pantun boleh membantu mengukuhkan nilai murni dalam masyarakat melalui memperkenalkan nya di <i>TikTok</i>	4.25	0.78
4	Saya sedar <i>TikTok</i> telah mengubah persepsi saya terhadap seni pantun tradisional	4.07	0.82


5	TikTok merupakan platform yang sesuai untuk mempopularkan semula seni pantun	4.37	0.72
---	--	------	------

Jadual 4.4 Mengkaji Minat Terhadap Pantun



MALAYSIA

KELANTAN



Rajah 4.4 Mengkaji Minat Terhadap Pantun

Jadual 4.4 dan rajah 4.4 menunjukkan analisis tahap minat responden terhadap pantun melalui penggunaan *TikTok*, di mana hasilnya mencerminkan minat yang tinggi dan keyakinan terhadap platform ini sebagai medium promosi. Dengan purata (Mean) 4.40 dan deviasi standard (SD) 0.77, responden cenderung bersetuju bahawa mereka sering terdedah kepada pantun melalui *TikTok*, sementara nilai Mean 4.27 dan SD 0.73 menunjukkan kepercayaan mereka bahawa *TikTok* dapat menjadi alat yang berkesan untuk mempromosikan pantun. Tambahan pula, dengan Mean 4.25 dan SD 0.78, responden percaya pantun mampu mengukuhkan nilai murni dalam masyarakat apabila diperkenalkan melalui *TikTok*. Selain itu, Mean 4.07 dan SD 0.82 menunjukkan bahawa *TikTok* telah mengubah persepsi mereka terhadap seni pantun tradisional, dan dengan Mean 4.37 serta SD 0.72, responden berkeyakinan bahawa platform ini sesuai untuk mempopularkan semula seni pantun. Secara keseluruhan, data ini menunjukkan bahawa responden melihat *TikTok* sebagai platform yang efektif.


4.5 Pemahaman dan Penerimaan Khalayak Terhadap Pantun Melalui *TikTok*

Bahagian ini bertujuan untuk menilai penerimaan masyarakat terhadap inovasi dalam pantun digital. Kajian ini melihat sama ada masyarakat bersedia menerima perubahan dan inovasi dalam bentuk seni pantun tradisional yang menggunakan teknologi moden seperti platform media sosial. Bahagian ini juga mengkajifaktor-faktor yang mempengaruhi penerimaan tersebut, seperti akses kepada teknologi, pengetahuan tentang pantun dan pendidikan.

Bil.	Tahap pemahaman dan penerimaan terhadap pantun	Mean	SD
1	Saya memahami maksud pantun yang dipaparkan di <i>TikTok</i>	4.19	0.79
2	Kandungan pantun di <i>TikTok</i> menarik minat saya untuk menonton	4.16	0.75
3	<i>TikTok</i> merupakan platform yang sesuai untuk menyampaikan pantun kepada generasi muda	4.27	0.71
4	Kandungan pantun di <i>TikTok</i> memudahkan saya untuk memahami budaya dan nilai tradisional	4.22	0.74
5	Saya berminat untuk mencipta atau berkongsi pantun saya sendiri di <i>TikTok</i>	4.08	0.80
6	Saya dapat menambah ilmu apabila melihat kandungan pantun di <i>TikTok</i>	4.12	0.78
7	Saya pernah melihat pantun atau kandungan berkaitan pantun di <i>TikTok</i>	4.12	0.78
8	Saya berpendapat pantun yang disampaikan di <i>TikTok</i> boleh menarik minat generasi muda terhadap budaya Melayu	4.29	0.69
9	Saya pernah berkongsi atau menyebarkan video pantun <i>TikTok</i> dengan rakan atau keluarga	3.89	0.82
10	Saya berpendapat pantun di <i>TikTok</i> memberi impak positif kepada generasi muda	4.12	0.77

Jadual 4.5 Pemahaman dan Penerimaan Khalayak Terhadap Pantun Melalui *TikTok*

PEMAHAMAN DAN PENERIMAAN GENERASI MUDA TERHADAP PANTUN MELALUI TIKTOK



Saya memahami maksud pantun yang dipaparkan di TikTok

Saya memahami maksud pantun yang dipaparkan di TikTok

- Sangat tidak setuju : 5
- Tidak setuju : 8
- Kurang setuju : 64
- Setuju : 163
- Sangat setuju : 60



2:00 PM ✓✓

Kandungan pantun di TikTok menarik minat saya untuk menonton

- Sangat tidak setuju : 6
- Tidak setuju : 5
- Kurang setuju : 23
- Setuju : 152
- Sangat setuju : 114

2:00 PM ✓✓

TikTok merupakan platform yang sesuai untuk menyampaikan pantun kepada generasi muda

- Sangat tidak setuju : 5
- Tidak setuju : 2
- Kurang setuju : 10
- Setuju : 135
- Sangat setuju : 148

2:00 PM ✓✓

Kandungan pantun di TikTok memudahkan saya untuk memahami budaya dan nilai tradisional

☐ Sangat tidak setuju : 5
☐ Tidak setuju : 5
☐ Kurang setuju : 18
☒ Setuju : 157
☐ Sangat setuju : 115

2:00 PM ✓

Saya berminat untuk mencipta atau berkongsi pantun saya sendiri di TikTok

☐ Sangat tidak setuju : 14
☐ Tidak setuju : 10
☐ Kurang setuju : 79
☒ Setuju : 133
☐ Sangat setuju : 64

2:00 PM ✓

Saya dapat menambah ilmu apabila melihat kandungan pantun di TikTok

☐ Sangat tidak setuju : 5
☐ Tidak setuju : 2
☐ Kurang setuju : 17
☒ Setuju : 152
☐ Sangat setuju : 124

2:00 PM ✓


Saya pernah melihat pantun atau kandungan berkaitan pantun di TikTok

☐ Sangat tidak setuju : 7
☐ Tidak setuju : 13
☐ Kurang setuju : 30
☒ Setuju : 136
☐ Sangat setuju : 114

2:04 PM ✓

MALAYSIA

KELANTAN



Rajah 4.5 Pemahaman dan Penerimaan Khalayak Terhadap Pantun Melalui *TikTok*

Jadual 4.5 dan rajah 4.5 menunjukkan bahawa responden mempunyai pemahaman dan penerimaan yang tinggi terhadap pantun melalui platform *TikTok*. Dengan purata (Mean) 4.19 dan deviasi standard (SD) 0.79, responden bersetujubahawa mereka memahami maksud pantun yang dipaparkan. Kandungan pantun di *TikTok* juga menarik perhatian mereka dengan Mean 4.16 dan SD 0.75. Responden percaya bahawa *TikTok* adalah platform yang sesuai untuk menyampaikan pantun kepada generasi muda (Mean 4.27, SD 0.71) dan membantu mereka memahami budaya serta nilai tradisional (Mean 4.22, SD 0.74). Meskipun terdapat sedikit penurunan dalam minat untuk mencipta atau berkongsi pantun sendiri (Mean 4.08, SD 0.80), responden masih

menunjukkan keyakinan bahawa mereka dapat menambah ilmu dengan melihat kandungan pantun di *TikTok* (Mean 4.12, SD 0.78). Kekerapan mereka melihat pantun atau kandungan berkaitan juga mencerminkan minat yang konsisten (Mean 4.12, SD 0.78).




4.6 Kaedah Pelestarian Pantun

Bahagian ini bertujuan dalam usaha untuk melestarikan dan mempromosikan pantun serta pelbagai kaedah boleh diambil untuk memastikan seni tradisional ini terus dikenali dan dihargai oleh masyarakat, terutamanya generasi muda.

Bil.	Kaedah pelestarian pantun	Mean	SD
1	Penggunaan pantun dalam subjek Kesusasteraan Melayu Komunikatif membantu generasi muda untuk mengenali pantun	4.43	0.76
2	Menghasilkan buku koleksi pantun kanak-kanak dapat melestarikan pantun	4.41	0.79
3	Penggunaan media sosial lain seperti Instagram dapat memperkenalkan pantun kepada khalayak ramai	4.41	0.76
4	Menggabungkan pantun dalam persembahan teater, muzikal, atau pementasan puisi boleh memperkenalkan pantun kepada orang ramai	4.52	0.75
5	Penganjuran bengkel dan seminar yang melibatkan penulis, sasterawan, dan tokoh budaya dapat mendidik masyarakat tentang nilai dan keindahan pantun	4.48	0.76

Jadual 4.6 Kaedah Pelestarian Pantun



Jadual 4.6 Kaedah Pelestarian Pantun

Jadual 4.6 dan rajah 4.6 ini menunjukkan tahap penerimaan responden terhadap pelbagai kaedah pelestarian pantun di kalangan generasi muda, dengan kesemua nilai min (mean) melebihi 4.40, menunjukkan penerimaan yang tinggi. Responden menyokong kuat penggunaan pantun dalam subjek Kesusasteraan Melayu Komunikatif (Mean: 4.43, SD: 0.76) dan penghasilan buku koleksi pantun kanak-kanak (Mean: 4.41, SD: 0.79) untuk melestarikan pantun, manakala penggunaan media sosial seperti *Instagram* juga dilihat sebagai medium yang berkesan (Mean: 4.41, SD: 0.76). Kaedah yang paling tinggi diterima ialah menggabungkan pantun dalam persembahan teater, muzikal, atau pementasan puisi (Mean: 4.52, SD: 0.75), diikuti oleh penganjuran bengkel dan seminar bersama tokoh budaya (Mean: 4.48, SD: 0.76), yang menonjolkan potensi pengalaman visual dan praktikal sebagai kaedah pengenalan pantun yang berkesan kepada masyarakat. Keseluruhannya, sisihan piawai yang rendah menunjukkan tahap persetujuan yang konsisten di kalangan responden, memperlihatkan minat dan keyakinan yang kukuh dalam pelbagai usaha melestarikan pantun kepada generasi muda.

4.7 Kesimpulan

Bab empat ini telah membincangkan analisis data daripada kajian mengenai pelestarian pantun dalam kalangan generasi muda melalui penggunaan *TikTok*. Data yang diperoleh menunjukkan bahawa terdapat minat yang tinggi dalam penggunaan *TikTok* untuk tujuan berkaitan pantun. Majoriti responden percaya bahawa *TikTok* mempunyai potensi untuk memelihara dan mempromosikan

pantun kepada generasi muda, walau bagaimanapun, beberapa cabaran masih wujud yang memerlukan perhatian. Keputusan ini memberikan panduan kepada usaha pemeliharaan dan promosi pantun yang lebih efektif di kalangan generasi muda di masa hadapan.



5.1 Pendahuluan

Bab 5 ini merupakan bab terakhir dalam kajian ini. Oleh itu, menerusi bahagian ini, pengkaji akan membuat rumusan dan kesimpulan bagi keseluruhan kajian yang bertajuk Pelestarian Pantun dalam Kalangan Komuniti Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan Melalui Media Sosial *TikTok* yang telah dijalankan bermula daripada Bab Pertama hingga Bab Keempat. Dalam bahagian ini juga, pengkaji akan mengemukakan beberapa cadangan yang boleh dilaksanakan oleh individu, masyarakat serta institusi atau negara pada masa hadapan untuk memastikan pantun terus dipelihara sebagai khazanah warisan bangsa.

5.2 Rumusan Kajian

Pada bab 1 iaitu pendahuluan menceritakan tentang latar belakang kajian pantun merupakan warisan seni sastra Melayu yang kaya dengan nilai estetika, moral dan budaya. Ia adalah salah satu bentuk puisi tradisional yang harus dipelihara agar tidak hilang ditelan zaman. Namun, dalam era digital yang berkembang pesat, terdapat kebimbangan mengenai penurunan minat generasi muda terhadap pantun. Media sosial, khususnya *TikTok*, dilihat sebagai platform yang berpotensi untuk menarik minat golongan muda terhadap pantun melalui cara yang lebih kreatif dan dinamik. Oleh itu, kajian ini memberi tumpuan kepada komuniti Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan (FTKW) untuk menilai sejauh mana penggunaan *TikTok* dapat membantu dalam melestarikan pantun dalam kalangan mereka. Pernyataan Masalah komuniti FTKW kurang menunjukkan minat terhadap pantun, disebabkan kekangan dalam mempelajari dan memahami bentuk seni tradisional ini secara

konvensional. Di samping itu, kebanyakan medium pembelajaran tradisional tidak lagi relevan dengan cara hidup dan minat semasa golongan muda. Kajian ini mengemukakan *TikTok* sebagai medium kreatif yang berpotensi untuk memperkenalkan pantun kepada mereka dengan cara yang lebih menarik dan mudah diakses, mengatasi halangan-halangan ini. Objektif kajian ini mempunyai dua objektif utama iaitu, pertama, untuk mengenal pasti faktor-faktor yang mempengaruhi minat generasi muda terhadap puisi tradisional terutamanya pantun dan kedua untuk mengkaji tahap pemahaman dan penghayatan generasi muda terhadap puisi tradisional terutamanya pantun. Kepentingan kajian ini penting dalam usaha memelihara warisan budaya Melayu dengan memperkenalkan kaedah baru yang lebih relevan dan menarik untuk mempromosikan pantun, terutamanya dalam kalangan generasi muda. Ia juga memberi sumbangan kepada pembelajaran kreatif dalam kalangan pelajar dengan menggunakan platform digital yang sudah sehati dengan kehidupan mereka.

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

Bab 2 pula adalah sorotan kajian lepas. Pantun merupakan bentuk puisi tradisional Melayu yang terdiri daripada beberapa baris dengan rima tertentu. Ia tidak hanya menyampaikan mesej atau makna melalui perkataan tetapi juga menggambarkan unsur estetika dan nilai moral yang terkandung dalam setiap perkataan. Pantun mengandungi dua bahagian utama iaitu sampiran dan isi yang berfungsi untuk menyampaikan pesan atau pengajaran. Pelestarian warisan budaya adalah usaha yang sangat penting bagi memastikan identiti sesuatu bangsa tidak hilang. Dalam konteks pantun, pelestariannya adalah usaha untuk menghidupkan kembali kesenian tradisional ini supaya ia tidak dilupakan, terutamanya dalam kalangan generasi muda yang cenderung lebih terdedah kepada budaya global. Media sosial, terutamanya *TikTok*, mempunyai peranan besar dalam menyebarkan seni tradisional dan membawanya lebih dekat dengan generasi muda. Penggunaan *TikTok* dalam pendidikan dan promosi seni *TikTok* dilihat sebagai platform yang efektif dalam mempromosikan seni dan budaya kerana ia membolehkan penyampaian mesej secara interaktif, menggunakan elemen visual, muzik dan gerakan. Platform ini juga memberi peluang kepada pengguna untuk mencipta kandungan kreatif yang dapat menarik minat golongan muda, sekaligus menjadikan *TikTok* sebagai alat yang berpotensi untuk menarik minat mereka terhadap seni tradisional seperti pantun. Kajian ini menyoroti keberkesanan *TikTok* dalam menarik minat golongan muda terhadap seni dan budaya tradisional, yang sebelumnya dianggap ketinggalan zaman atau tidak relevan.

Bab 3 pula membahas tentang metodologi kajian, reka bentuk kajian ini menggunakan reka bentuk kualitatif dan kuantitatif iaitu kaedah campuran yang bertujuan untuk mendapatkan pemahaman mendalam mengenai fenomena pelestarian pantun melalui media sosial *TikTok*. Pendekatan kajian kes digunakan untuk mengkaji bagaimana komuniti FTKW menggunakan *TikTok* dalam mempromosikan dan melestarikan pantun. Kajian Kualitatif dan kuantitatif ini lebih fokus kepada pemahaman subjektif daripada pengukuran objektif. Bagi kajian kuantitatif, seramai 300 responden dari FTKW yang menjawab borang soalan dari *Google Form* yang di edarkan atas talian. Sampel kajian terdiri daripada komuniti FTKW yang melibatkan pelajar. Komuniti ini dipilih kerana mereka terdedah kepada pengajian warisan dan seni, di mana mereka mempunyai pengetahuan asas mengenai pantun dan turut aktif dalam penggunaan media sosial, khususnya *TikTok*. Selain itu, pemerhatian dilakukan terhadap kandungan *TikTok* yang berkaitan dengan pantun untuk menganalisis cara penyampaian dan penerimaan kandungan tersebut dalam kalangan pengguna. Analisis data yang dikumpulkan dianalisis secara deskriptif. Pendekatan analisis ini membolehkan pengkaji mengenal pasti pola-pola utama dalam data seperti kefahaman terhadap pantun, minat terhadap penggunaan *TikTok* dan keberkesanan *TikTok* dalam melestarikan pantun. Hasil analisis ini kemudian dijadikan asas untuk membuat kesimpulan dan cadangan.

Seterusnya, bab 4 ialah dapatan dan perbincangan, tahap kefahaman komuniti terhadap pantun sebahagian besar komuniti FTKW menunjukkan kefahaman asas mengenai pantun, terutamanya mengenai struktur dan bentuknya. Namun, mereka kurang mendalami interpretasi tema dan makna yang terkandung dalam pantun. Kefahaman yang lebih mendalam mengenai aspek estetika dan moral dalam pantun memerlukan lebih banyak pendedahan dan latihan. Minat terhadap pantun melalui *TikTok* terbukti berjaya menarik perhatian pelajar dengan cara penyampaian pantun yang kreatif dan interaktif. Kandungan video pendek yang mudah diakses menjadikan pantun lebih menarik dan relevan bagi golongan muda. *TikTok* juga memberikan kebebasan kepada pengguna untuk mencipta video pantun mereka sendiri, yang menjadikan proses pelestarian pantun lebih bersifat dinamik. Keberkesanan *TikTok* sebagai medium pelestarian *TikTok* dapat meningkatkan kesedaran terhadap pentingnya pelestarian pantun. Video pendek yang menggunakan elemen visual dan audio seperti muzik, gerak tubuh dan teks membantu menarik minat pengguna untuk lebih mendalami pantun. *TikTok* memberikan platform yang menarik dan relevan untuk mendekatkan pantun kepada generasi muda yang tidak terdedah kepada bentuk seni ini melalui kaedah tradisional.

Kesemua dapatan ini memberikan gambaran mengenai cabaran dan peluang dalam usaha untuk melestarikan pantun melalui media sosial, khususnya *TikTok*. Kajian ini juga menyarankan agar lebih banyak usaha dilakukan untuk menghasilkan kandungan pantun yang lebih kreatif dan berkualiti tinggi di *TikTok* serta mengembangkan strategi untuk memperkasakan pelestarian pantun melalui platform ini.

5.3 Cadangan

5.3.1 Individu

Kajian ini menekankan pentingnya usaha pengkaji baharu dalam memperluaskan kajian terhadap sastera termasuk pantun dengan tujuan untuk membentuk sahsiah dan jati diri individu melalui pemahaman yang mendalam terhadap karya sastera yang mereka kaji. Pemahaman terhadap makna yang disampaikan dalam karya sastera amat penting, kerana ia bukan sahaja membantu pembaca untuk menganalisis dan menghargai nilai-nilai yang terkandung di dalamnya, tetapi juga membimbing mereka dalam membentuk pemikiran yang kritis dan berbudaya. Dalam konteks pelestarian pantun, pengkaji perlu berusaha untuk tidak hanya memelihara bentuknya tetapi juga untuk memastikan nilai-nilai dan mesej yang terkandung di dalamnya terus hidup dalam kalangan masyarakat. Oleh itu, pengkaji baharu perlu mengupas setiap aspek karya sastera, termasuk pantun, dengan teliti dan berinovasi dalam pendekatan mereka agar kajian tersebut dapat memberikan pengetahuan baru dan menarik minat khalayak yang lebih luas, terutamanya generasi muda. Media sosial seperti *TikTok* menawarkan platform yang tepat untuk memastikan pantun tidak hanya dipelihara tetapi juga dapat disebarkan kepada generasi muda dengan cara yang menarik dan relevan. Ini juga selaras dengan usaha untuk menjaga adat dan budaya Melayu, kerana sastera seperti adat merupakan satu warisan budaya yang perlu dilestarikan oleh generasi seterusnya. Melalui pendekatan ini, pelestarian pantun dalam kalangan komuniti bukan sahaja dapat diperkukuhkan, tetapi juga memberikan peluang untuk pembaharuan dalam

bidang kajian sastera di negara ini. Dengan penglibatan aktif generasi muda dalam memanfaatkan teknologi, kita dapat memastikan warisan budaya seperti pantun terus relevan dan dihargai dalam zaman moden ini. Dengan penglibatan aktif generasi muda dalam memanfaatkan teknologi, kita bukan sahaja dapat melestarikan warisan budaya seperti pantun, tetapi juga memberi nafas baru kepada seni tradisional ini agar terus berkembang mengikut zaman. Generasi muda yang sudah terbiasa dengan penggunaan teknologi digital terutamanya media sosial memiliki potensi besar untuk menyebarkan dan mempopularkan pantun dalam bentuk yang lebih menarik dan kreatif. Penggunaan aplikasi seperti *TikTok*, dapat menjadi medium yang efektif untuk memperkenalkan pantun kepada audiens yang lebih luas, terutamanya golongan muda yang sering mencari hiburan dan kandungan yang relevan dengan kehidupan seharian mereka.

Melalui video pendek, cabaran berpantun atau penggunaan pantun dalam konteks yang lebih moden seperti menggabungkannya dengan muzik atau elemen visual yang menarik, generasi muda dapat membawa pantun keluar dari konteks tradisional yang dirasakan ketinggalan zaman. Ini membolehkan pantun diterima sebagai satu bentuk ekspresi budaya yang segar dan sesuai dengan gaya hidup digital semasa. Di samping itu, generasi muda juga dapat berinteraksi dan berkolaborasi antara satu sama lain melalui platform-platform ini, mencipta ruang untuk berbincang, berkongsi, dan mempelajari lebih lanjut tentang warisan budaya Melayu. Dengan demikian, penglibatan aktif generasi muda dalam memanfaatkan teknologi bukan sahaja menjadi satu usaha untuk melestarikan warisan budaya, tetapi juga berperanan dalam mengukuhkan identiti budaya bangsa, meningkatkan kesedaran terhadap nilai-nilai tradisional, dan mewujudkan hubungan yang lebih rapat antara warisan budaya dengan perkembangan sosial dan teknologi masa kini.

5.3.2 Masyarakat

Menerusi golongan masyarakat, terutamanya ibu bapa, peranan mereka sangat penting dalam memperkenalkan dan memupuk minat terhadap sastera , termasuk pantun sejak usia sekolah lagi. Ibu bapa hendaklah menggalakkan anak-anak mereka untuk mengenali dan memahami karya- karya sastera tradisional seperti pantun yang mengandungi nilai-nilai murni.

Dengan mendidik anak-anak melalui penceritaan pantun dan karya sastra, ibu bapa dapat membentuk akhlak dan peribadi yang baik, mengajar anak-anak nilai-nilai moral yang tinggi serta memberi contoh yang positif dalam kehidupan mereka. Pendidikan mengenai sastra yang dilakukan sejak kecil mampu membentuk karakter yang kuat dan mempengaruhi perilaku anak-anak hingga mereka mencapai usia dewasa. Selain itu, ibu bapa juga dapat memantau dan melindungi anak-anak mereka daripada terpengaruh dengan perilaku yang tidak baik yang wujud dalam cerita-cerita rakyat terutama dalam cerita jenaka. Oleh itu, ibu bapa perlu bijak memilih dan memperkenalkan karya-karya sastra yang sesuai, termasuk pantun agar anak-anak dapat mengambil pengajaran yang baik dan menjauhi perkara negatif.

Tidak semua karya sastra termasuk pantun bertujuan untuk memaparkan perkara yang tidak baik atau mempengaruhi tingkah laku negatif. Sebaliknya, pantun mempunyai banyak aspek positif yang boleh memberi manfaat dalam kehidupan. Banyak watak dalam pantun menggambarkan nilai-nilai positif yang boleh dijadikan teladan. Oleh itu, masyarakat harus lebih terbuka dalam menerima dan memahami karya sastra ini dengan lebih mendalam agar dapat mengaitkan nilai-nilai moral yang baik dengan kehidupan seharian. Dalam konteks pelestarian pantun melalui media sosial seperti *TikTok*, ini memberi peluang kepada golongan muda untuk lebih mengenali dan memahami pantun dengan cara yang moden dan menarik. Dengan menggunakan platform digital ini, pantun bukan sahaja dapat dipelihara tetapi juga diperkasakan dengan

penambahan elemen kreatif seperti muzik dan video visual yang lebih dekat dengan selera generasi muda. Ini juga memberi peluang kepada masyarakat untuk melihat pantun dari perspektif baru yang lebih relevan dengan dunia teknologi semasa. Dengan pendekatan ini, pelestarian pantun tidak hanya terhad kepada bentuk tradisional tetapi dapat berkembang agar terus dihargai dan relevan dalam kehidupan moden.

5.3.3 Institusi

Pihak institusi, terutamanya institusi pendidikan harus mempertingkatkan pemahaman dan penelitian dalam aspek-aspek yang belum lagi diberi perhatian oleh mana-mana pihak, khususnya dalam bidang kesusasteraan Melayu. Ini penting untuk membuka minda dan pengetahuan pelajar agar mereka berani menyentuh isu-isu penting yang terkandung dalam karya sastra seperti pantun yang merupakan salah satu warisan budaya Melayu. Institusi pendidikan, terutama yang menawarkan kursus dalam kesusasteraan dan warisan, perlu menitikberatkan pengajaran mengenai cerita rakyat, pantun dan karya-karya sastra tradisional lain yang memaparkan budaya dan adat masyarakat Melayu. Dengan cara ini, pemahaman terhadap warisan budaya Melayu dapat diperluaskan dan ia juga dapat merapatkan jurang antara masyarakat Melayu dengan masyarakat luar. Selain itu, pelajar akan lebih peka terhadap nilai-nilai yang terkandung dalam karya sastra tersebut dan dapat memahami bagaimana ia memberi impak kepada pembentukan identiti diri dan masyarakat.

Pihak kerajaan juga memainkan peranan penting dalam memastikan kesusasteraan Melayu termasuk pantun dapat dikenali dengan baik di peringkat nasional dan antarabangsa. Kerajaan harus memberikan sokongan yang berterusan terutamanya dalam mempromosikan karya sastra tradisional melalui platform moden termasuk media sosial seperti *TikTok*. Ini bukan sahaja untuk memastikan karya-karya sastra kita dihargai tetapi juga untuk menjaga agar karya tersebut tidak diputarbelitkan atau dipandang sebelah mata.

Walaupun pantun sering memberi hiburan, ia tetap memaparkan aspek yang memupuk jati diri dan memperkasa budaya Melayu. Oleh itu, kerajaan, sektor swasta dan badan-badan bukan kerajaan yang bertanggungjawab dalam bidang kesusasteraan perlu bekerjasama untuk memastikan setiap karya sastera yang diketengahkan dapat membawa kebaikan dan menunjukkan keindahan serta nilai luhur budaya Melayu. Dengan penggunaan media sosial seperti *TikTok*, pantun dapat disampaikan kepada golongan muda secara kreatif dan menarik.

5.4 Penutup

Pantun merupakan salah satu karya sastra Melayu yang memegang peranan penting dalam menyampaikan nilai moral dan pengajaran kepada masyarakat. Pantun bukan sahaja menjadi medium hiburan tetapi juga wadah untuk mendidik masyarakat dalam membentuk peribadi dan tingkah laku yang baik. Melalui rangkaian kata-kata yang padat dengan makna, pantun menggambarkan keindahan bahasa Melayu dan menekankan nilai-nilai seperti kesopanan, kebenaran dan keharmonian. Kajian mengenai pelestarian pantun dalam kalangan komuniti Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan melalui media sosial seperti *TikTok* membuka ruang baru untuk memahami bagaimana pantun dapat diterapkan dalam konteks moden tanpa mengabaikan intipati budaya dan nilai tradisional yang terkandung di dalamnya.

Pantun dalam media sosial dapat memperlihatkan sisi lain dari kebudayaan Melayu seperti yang berlaku dalam cerita jenaka Melayu di mana unsur hiburan dan propaganda sering digabungkan. Meskipun pantun pada asasnya berfungsi sebagai medium untuk menyampaikan pesan-pesan positif, ia juga mampu memberi impak yang lebih luas melalui pemahaman yang lebih mendalam tentang kesan sosial dan budaya yang dibawa. Dengan menggunakan platform *TikTok*, pantun dapat disampaikan dengan cara yang lebih kreatif dan relevan kepada generasi muda, sambil mempertahankan nilai-nilai moral yang terkandung dalam setiap barisnya. Di sini, teori fungsionalisme dapat diterapkan, di mana *Tik Tok* berfungsi menyampaikan pantun di media sosial.

Pantun bukan sahaja dilihat dari segi bentuknya, tetapi juga dari sudut penyampaian yang dapat menarik perhatian khalayak secara visual dan emosional. Seperti dalam kajian cerita jenaka Melayu, di mana unsur-unsur lain seperti propaganda dapat dikesan, pantun melalui media sosial juga boleh berfungsi sebagai alat untuk menyampaikan nilai-nilai penting kepada masyarakat. Meskipun sering kali dilihat sebagai hiburan, pantun di *TikTok* dapat dijadikan sebagai platform untuk memupuk kesedaran mengenai identiti budaya Melayu dan menanamkan pemahaman yang lebih mendalam terhadap generasi muda. Oleh itu, kajian tentang pelestarian pantun ini membuka peluang kepada pengkaji untuk melihat lebih jauh lagi potensi pantun sebagai satu bentuk kesenian yang tidak hanya terhad pada hiburan, tetapi juga sebagai medium pendidikan dan pemeliharaan budaya.

- Ab Rahman, A. F., & Mahamod, Z. (2022). Implementation of Selected Theories for the Research of Pantun in Malay Language Education. *Creative Education*, 13(3), 717-730.
- Amat, A. (2024). Pantun: Kata Dan Bunyi Membentuk Makna: Words And Sounds Create Meaning. *Manu Jurnal Pusat Penataran Ilmu Dan Bahasa*, 35(1).
- Astuti, W. (2021). *The learning cell dalam pembelajaran menulis pantun*. Deepublish.
- Anderson, K. E. (2020). Getting acquainted with social networks and apps: it is time to talk about TikTok. *Library hi tech news*, 37(4), 7-12.
- Adha, N. (2022). Teori Fungsionalisme Dilihat Dari Sudut Pandang Antropologi.
- Bin Kirin, A., & Warman, A. B. (2023). Impak penggunaan aplikasi tiktok terhadap gaya hidup pelajar UTHM Pagoh. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 8(2), e002137-e002137.
- Fan, X., Luo, J., & Wang, X. (2023, February). Understanding TikTok usage: Communication strategy of ByteDance based on the background of new media. In *2022 4th International Conference on Literature, Art and Human Development (ICLAHD 2022)* (pp. 226- 236). Atlantis Press.
- Hussain, E. M. (2019). *Simbol dan makna dalam pantun Melayu: Siri ilmiah APM-ITBM*. Malaysian Institute of Translation & Books.
- Hasan, H. (2021). Pemanfaatan Aplikasi Tiktok Dalam Pembelajaran Bahasa Arab. *Prosiding Pertemuan Ilmiah Internasional Bahasa Arab*, 211-225.

- Haenlein, M., Anadol, E., Farnsworth, T., Hugo, H., Hunichen, J., & Welte, D. (2020). Navigating the new era of influencer marketing: How to be successful on Instagram, TikTok, & Co. *California management review*, 63(1), 5-25.
- Ismail, I., & Noor, M. N. M. (2023). Calon dan Manifesto dalam Pilihan Raya di Malaysia: Pengaruh dan Cabaran dalam Politik Kontemporari. *Jurnal Wacana Sarjana*, 7(5), 1-20.
- Jones, P. (2009). *Pengantar Teori-Teori Sosial: Dari Fungsionalisme hingga Post- modernisme*. Yayasan Pustaka Obor Indonesia.
- Liu, L. (2022). Social Media Marketing Strategy-The Case of Tik Tok. *Highlights in Business, Economics and Management*, 2, 147-153.
- Man, S. H. C. (2013). Kelestarian pantun: Rencah dan leluhur bangsa dulu, kini dan selamanya. *International Journal of the Malay World and Civilisation (Iman)*, 1(1), 75-81.
- Mohd, R. B. H., Siraj, S., & Hussin, Z. (2018). Penilaian penggunaan modul pengajaran pantun Melayu tingkatan 2 berasaskan maksud al-Quran mengenai keindahan flora, fauna dan langit. *JuPiDi: Jurnal Kepimpinan Pendidikan*, 5(4), 42-56.
- Mesman, N. S. (2022). Manifestasi penciptaan pantun berlagu dalam cerita rakyat negeri Pahang. *Jurnal Peradaban Melayu*, 17(1), 27-34.
- Malaysia, W. M. Maritim Nusantara: Pembuktian Pantun Tradisional Melayu.
- Miltsov, A. (2022). Researching TikTok: Themes, methods, and future directions. A. Quan-Haase & L. Sloan. *The SAGE handbook of social media research methods*, 664-676.
- Nugroho, A. C. (2021). Teori utama sosiologi komunikasi (fungsionalisme struktural, teori konflik, interaksi simbolik). *Majalah Semi Ilmiah Populer Komunikasi Massa*, 2(2).

- Ramli, F., Azami, N., & Ab Rahim, R. (2023). Pengaruh Tiktok terhadap mahasiswa Malaysia dalam Pilihanraya Umum-15 (PRU15). *Borneo Akademika*, 7(2), 59-69.
- Ren, Y., Qi, W., & Fan, M. (2021, December). The Development of Tik Tok's Global Market. In *2021 3rd International Conference on Economic Management and Cultural Industry (ICEMCI 2021)* (pp. 2779-2784). Atlantis Press.
- Saga, M., & Abd Majid, M. F. B. Nilai-Nilai Islam Dalam Pantun Melayu: Analisis Pantun Utara Dalam Buku Kurik Kundi.
- Salleh, M. H. (2023). Pantun Melayu: Penelitian terhadap keindahan dan keunikannya dalam masyarakat. *Malay Literature*, 36(1), 47-64.
- Shafii, H. (2010). Kelestarian Alam Dalam Seni Budaya Melayu: Pantun Sebagai Bayangan Falsafah Alam” dlm. In *Seminar Sebahtera*.
- Sew, J. W. (2023). Penerapan Pantun Kenangan Perpisahan dalam Penilaian Lisan sebagai Kesan Pembelajaran Teradun. *Melayu: Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu*, 16(2), 287-314.
- Sugiarto, E. (2024). *Mengenal Sastra Lama–Jenis, Definisi, Ciri, Sejarah, dan Contoh*.
- Stay, J. (2021). *TikTok For Dummies*. John Wiley & Sons.
- Turama, A. R. (2020). Formulasi teori fungsionalisme struktural Talcott Parsons. *EUFONI: Journal of Language, Literary and Cultural Studies*, 2(1), 58-69.
- Tangil, J., & Amat, A. (2021). Sistem Bombon: Fungsionalisme Struktural Terhadap Masyarakat Kadazandusun di Kiulu, Tuaran, Sabah. *Melayu: Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu*, 14(1), 101-114.

Wengel, Y., Ma, L., Ma, Y., Apollo, M., Maciuk, K., & Ashton, A. S. (2022). The TikTok effect on destination development: Famous overnight, now what?. *Journal of Outdoor Recreation and Tourism*, 37, 100458.

Xu, L., Yan, X., & Zhang, Z. (2019). Research on the causes of the “TikTok” app becoming popular and the existing problems. *Journal of advanced management science*, 7(2).

Yang, Y., & Zilberg, I. E. (2020). Understanding Young Adults' TikTok Usage. *Dostupnona*.

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN